

Jilid III
Bil. 7

Hari Rabu
15hb Mac, 1989



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1125]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-
Pertuan Agong—Y.B. Dato Dr Affifuddin bin Haji Omar (Padang Terap)
[Ruangan 1195]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjong Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.S., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.T.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

Yang Berhormat TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIANG SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 15hb Mac, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji
Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang
Berhormat Tuan Hashim bin Safin.*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Hashim
bin Safin tidak hadir).*LEBUHRAYA CHANGKAT
JERING-IPOH

2. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kerja Raya menyatakan sedar atau tidak bahawa lebuhraya Changkat Jering-Ipoh adalah merbahaya jika gunung-gunung yang dipotong itu runtuh sebagaimana telah terjadi dan apakah langkah-langkah positif dan berkesan diambil berhubung dengan perkara tersebut.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar akan keadaan merbahaya yang terdapat di lebuhraya Changkat Jering-Ipoh, khasnya di kawasan tanah tinggi dan gunung-gunung yang dipotong di lebuhraya itu.

Lembaga Lebuhraya Malaysia dan juga Syarikat PLUS Bhd, yang mengendalikan projek penswastan

Lebuhraya Utara-Selatan ini, telah pun mengambil beberapa langkah positif mencegah keruntuhan cerun-cerun di lebuhraya itu. Di antaranya adalah seperti pemasangan, dengan izin, "rock bolts, rock anchor, shotcreting" dan pembinaan saluran-saluran air permukaan cerun yang mencukupi bagi mengelakkan hakisan.

Jaring-jaring dan pagar-pagar besi juga dibina di beberapa bahagian cerun bagi meningkatkan tahap keselamatan lebuhraya itu.

Selain daripada itu, pihak Syarikat PLUS Bhd juga sentiasa mengawasi keadaan cerun-cerun yang merbahaya, khasnya di musim hujan dan tindakan menutup sebahagian lebuhraya akan diambil jika bahagian lebuhraya itu mengalami tanda-tanda merbahaya, seperti tanah runtuh ataupun batu-batu jatuh ke atas permukaan lebuhraya.

BUAH BELIMBING—
RANCANGAN PENEMPATAN
SEMULA

3. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pertanian menyatakan apakah rancangan penempatan semula terhadap penanam buah belimbing (star fruit) di kawasan Serdang yang diakibatkan oleh Projek Pembangunan Pelancongan Sungai Besi.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan sedang

mengambil tindakan dengan menempatkan semula seramai lebih kurang 120 penanam buah belimbing atau "star fruit", dengan izin, di kawasan Serdang yang terlibat dengan Projek Pembangunan Pelancongan Sungai Besi ke satu kawasan tanah kepunyaan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Selangor di kawasan Hutan Simpan Air Hitam, Daerah Petaling. Penanam buah belimbing tersebut akan diberi hakmilik tanah seekar bagi tiap seorang dengan cara membeli tanah tersebut daripada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Selangor.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah pihak yang berkenaan bercadang untuk memberi tanah yang lebih luas, bukan yang disebutkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan satu ekar di beri kepada penanam buah belimbing yang berkenaan. Oleh kerana satu ekar untuk penanam-penanam yang berkenaan tidak mendatangkan apa hasil yang lumayan maka adakah pihak yang berkuasa bercadang untuk memberi tanah yang lebih luas sekurang-kurangnya dua ekar setiap penanam yang berkenaan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, inilah apa yang kita kata tidak pernah pandai berterima kasih. Yang kedua, mereka boleh melaksanakan penanaman secara berkelompok, kalau hendak tiga ekar pun boleh, tiga orang jadi tiga ekar, empat orang—empat ekar. Jadi, semua ini boleh dilaksanakan kalau kita benar-benar ingin mengendalikan penanaman buah-buahan pokok belimbing itu.

PENCEMARAN ALAM SEKITAR

4. Puan Siti Zainabon bin Abu Bakar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) apakah langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan

bagi menyekat berlakunya pencemaran alam semulajadi yang disebabkan oleh bahan-bahan buangan industri;

- (b) biar pun terdapat peruntukan undang-undang bagi mengawal pembuangan bahan buangan kilang seperti peraturan "Scheduled Waste", namun mengapakah peraturan ini masih lagi gagal untuk mencapai matlamatnya; dan
- (c) sejauh ini apakah tindakan-tindakan yang dianggap paling berkesan yang pernah dikenakan kepada sesetengah industri atau para pengusaha yang melanggar undang-undang, di bawah usaha mencegah pencemaran alam.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan Ahli Yang Berhormat seperti berikut:

- (a) Langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan bagi menyekat berlakunya pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh bahan-bahan buangan industri adalah merangkumi perkara-perkara berikut:
- (i) menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-peraturan yang berkaitan;
- (ii) membuat penilaian kesan-kesan alam sekitar ke atas projek-projek pembangunan yang dicadangkan dan mengenakan syarat-syarat tertentu bagi mengelak pencemaran daripada berlaku;
- (iii) mengadakan garispan-duan-garispan-duan tentang kaedah operasi perusahaan yang sesuai

bagi mengawal pencemaran alam sekitar; dan

- (iv) menjalankan pengawasan kualiti alam sekeliling dari semasa ke semasa dengan tujuan mengesan keadaan kualiti alam sekitar bagi maksud pembangunan dan kawalan.
- (b) Walaupun terdapat beberapa peraturan yang sedia ada di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, namun belum ada sebarang peraturan bagi mengawal pengurusan buangan terjadual. Oleh hal yang demikian, satu peraturan baru iaitu Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) sudah pun dirangka dan akan dikuatkuasakan tidak lama lagi.
- (c) setakat ini, tindakan yang paling berkesan yang dikenakan kepada pekilang ialah dengan mengeluarkan perintah melarang kilang dari beroperasi atau menggantungkan lesen operasi kilang dan juga mengambil tindakan mahkamah.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, masalah pencemaran adalah merupakan satu masalah yang sangat besar di negara kita kerana kesan-kesan pembangunan yang ada di negara kita ini. Kita tidak menafikan tentang perlunya pembangunan tetapi kesan-kesan buruknya telah diterima oleh penduduk-penduduk yang miskin. Umpamanya semasa setengah-setengah projek perumahan hendak didirikan, maka ditimbun tanah begitu tinggi sekali di hadapan rumah-rumah orang miskin menjadikan rumah mereka yang asal itu baik kelihatan menjadi begitu buruk dan mencemarkan sekali.

Satu perkara lagi ialah apabila pembangunan banyak dan kilang pun banyak, maka sisa-sisa

Tuan Chian Heng Kai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sungai Petani, nanti sekejap.

Tuan Chian Heng Kai: Apa soalnya?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, Yang Berhormat. Teruskan soalan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Saya hendak sebutkan masalah itu

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Mukaddimah dahululah.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Mukaddimah sedikitlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: . . . pembuangan sisa-sisa daripada kilang-kilang. Satu masalah yang berlaku sekarang ini, iaitu di mana pembuangan sampah sarap dan sisa-sisa daripada kilang, diletakkan berhadapan dengan sebuah sekolah iaitu Seri Gedong di Sungai Petani dan sampah sarap itu dibakar sehingga masuk ke sekolah, tetapi tidak ada tindakan yang dibuat. Soalan saya, apakah penguatkuasaan bagi undang-undang yang telah diadakan kerana apabila perkara-perkara seumpama ini berlaku kita kemukakan kepada Majlis Daerah dan kepada Pejabat Daerah, maka pelaksanaannya tidak dapat dijalankan. Adakah pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyediakan penguatkuasa di tiap-tiap daerah di seluruh negara?

Soalan saya ialah tentang penguatkuasaannya, adakah Kementerian

mempunyai penguatkuasaannya sendiri sekarang ini?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penguatkuasaan peraturan-peraturan memang ada dijalankan di seluruh negara ini. Oleh sebab peruntukannya tidak mengizinkan Kementerian saya menubuhkan pejabat di setiap daerah, maka sampai sekarang kita hanya ada beberapa pejabat wilayah di Semenanjung, Sarawak dan Sabah. Perkara seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu boleh dibawa ke Majlis Tempatan atau Penguasa Tempatan atau melaporkan kepada pejabat yang sangat berdekatan dengan apa yang berlaku itu untuk tindakan diambil dengan cara

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Sudah banyak kali buat laporan.

Tuan Law Hieng Ding: Ya, saya faham. Oleh kerana tempat itu adalah besar dan ini sering berlaku di banyak tempat. Kadang kala kita ada menerima laporan dan kita akan mengambil tindakan mengikut yang ada di bawah peraturan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, dua soalan tambahan. Pertama ialah terhadap laporan EIA. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jaminan supaya EIA dijalankan oleh pihak yang bebas yang objektif dan bukan lagi pihak yang mempunyai interest dalam satu-satu projek. Yang penting lagi ialah bolehkah beliau memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada semua EIA yang dijalankan oleh POE akan dibebaskan, tidak akan dicap rahsia di bawah OSA, khasnya terhadap Aluminium Smelting Plant yang

dijalankan di Bintulu, Sarawak—bolehkah dia memberi jaminan bahawa EIA dibebaskan?

Keduanya, apakah Kementerianya akan melakukan jikalau satu Kementerian Kerajaan sendiri tidak mengikut peraturan yang ada di bawah Environmental Quality Control Act. Contohnya, Resort Highway Project yang akan dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya yang akan memakan perbelanjaan sebanyak \$600 juta sampai sekarang beliau mengatakan EIA tidak perlu. Bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengambil tindakan terhadapnya. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan saman beliau pergi ke mahkamah, kenakan denda atau apakah? Ini sahaja.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, mengenai EIA ini, dengan izin, ini bukan dijalankan oleh Kementerian atau Jabatan Alam Sekitar. Ini akan dijalankan oleh pihak yang berkenaan melalui pakar-pakar perunding mereka dan hanya selepas itulah baharu sampai kepada Kementerian saya untuk pertimbangan kesan-kesan mengenai alam sekitar.

Untuk jawab soalan yang kedua, di bawah peraturan EIA ini kita akan menyenaraikan sebanyak 19 badan yang memerlukan EIA sebelum projek-projek itu dijalankan termasuk jalan raya jikalau perlu dan ada peruntukan di bawah peraturan-peraturan itu supaya mana-mana projek yang dijalankan tidak mengikut kehendak EIA ini kita ada peruntukan untuk menguruskannya.

CUKAI JUALAN—AKIBAT PENGENAAN SEMULA

5. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengenaan cukai

jualan 5% seperti dalam Belanjawan 1989 lalu, telah mengakibatkan kenaikan harga bahan-bahan binaan, jika ya, adakah Kementerian bercadang untuk menghapuskan cukai jualan untuk memastikan harga rumah tidak dinaikkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa pengenaan semula cukai jualan ke atas beberapa jenis barang binaan akan mengakibatkan kenaikan harga barang-barang berkenaan. Walau bagaimanapun untuk memastikan bahawa harga rumah-rumah kos rendah tidak meningkat, Kementerian saya telah memastikan bahawa barang-barang yang dikenakan semula cukai jualan bukanlah barang-barang asas yang digunakan dalam pembinaan rumah kos rendah.

Mengenai pertanyaan sama ada Kerajaan bercadang akan menghapuskan cukai jualan, suka saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa tujuan mengenakan semula cukai jualan atas beberapa jenis barang dalam Belanjawan-belanjawan yang lalu adalah untuk memperluaskan skop cukai jualan serta menambah hasil Kerajaan. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan cukai tersebut.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian Kewangan telah menerima rayuan-rayuan daripada penternak-penternak dan pengguna-pengguna berkenaan cukai jualan 5% yang dicadangkan untuk daging, dan sekiranya ia, sama ada Kementerian akan memutuskan tidak melaksanakan cukai jualan 5% ini kerana ia akan mengakibatkan kenaikan harga makanan?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa

Kementerian Kewangan telah menerima rayuan-rayuan yang tersebut atas 5% yang dikenakan itu. Kementerian Kewangan pun telah membuat keputusan bahawa cukai jualan 5% itu ditangguhkan sementara supaya kajian boleh dibuat semula atau 5% cukai yang dikenakan itu.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar pihak Kementerian Yang Berhormat menghadapi berbagai kesulitan untuk mengutip cukai jualan. Kalau ya, bagaimana Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk mengatasi maalah ini?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan ini memanglah ada kesulitan yang Kementerian Kewangan menghadapi atas kutipan cukai jualan, khasnya ada beberapa syarikat-syarikat atau individu-individu yang ingin mengelakkan cukai jualan, tetapi masalah ini bukan masalah yang serius. Kementerian Kewangan atau Kerajaan telah berjaya untuk mengurangkan masalah ini kepada satu tahap yang rendah sekali.

KANTIN SEKOLAH DAN MAKANAN—KEBERSIHAN

6. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Pendidikan menyatakan usaha-usaha dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengatasi kebersihan kantin-kantin dan makanan-makanan yang dijual agar ianya dapat menghindarkan berlakunya keracunan makanan terhadap murid-murid sekolah yang seringkali berlaku akhir-akhir ini.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan mengambil langkah memastikan kantin sekolah dan makanan yang dijual adalah bersih.

Bagi mengelakkan dari berlakunya keracunan makanan, pertamanya dengan mendapatkan pengesahan dan pekerja-pekerja serta penguasa diwajibkan mendapatkan sijil kesihatan dari Jabatan Kesihatan Negeri dan Kerajaan Tempatan yang berlaku buat tempoh setahun sahaja. Usaha-usaha lain termasuklah penyediaan Buku Panduan Kantin Sekolah, penyeliaan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan dan Jabatan Kesihatan terhadap kantin-kantin tersebut dan mengadakan beberapa kursus khas mengenai pengurusan kantin sekolah.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat Menteri adakah Kementerian Yang Berhormat bercadang memberhentikan segala makanan-makanan yang tidak berzat, iaitu "junk food" daripada dijual di kantin-kantin sekolah dan sebagai, dengan izin, "collective responsibility" memberhentikan segala iklan-iklan yang keluar dari TV mengenai "junk food" demi kepentingan dan kesihatan kanak-kanak sebab media massa ini adalah mempengaruhi kanak-kanak membeli makanan-makanan yang tidak berzat.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, ada sebuah jawatankuasa di antara Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan yang meneliti jenis-jenis makanan yang boleh dan tidak boleh dijual di kantin-kantin. Setakat maklumat yang kita perolehi, makanan ini disahkan sebagai makanan yang boleh membawa kebaikan dan makanan yang dianggap tidak baik, tidak dijual. Tetapi agak sukar kita hendak memutuskan apa maksud "junk food" ini melainkan makanan yang tidak baik setelah mendapat pengesahan dari Jabatan Kesihatan.

Keduanya, mengenai iklan televisyen ini saya belum tahu sama ada yang diiklan itu makanan yang boleh merosakkan kesihatan. Kalau ada, saya percaya saya boleh merujuk perkara ini kepada Menteri yang berkenaan.

Dr Tan Seng Giew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kejadian-kejadian keracunan yang berlaku di dalam kantin itu disebabkan oleh kekurangan kakitangan yang terlatih untuk mengawasi keadaan yang tidak diingini ini. Kalau benar, apakah tindakan yang telah diambil untuk menambahkan bilangan orang-orang yang terlatih untuk menjalankan tugas. Dan adakah Kerajaan bercadang untuk menumpukan lebih perhatian di kawasan-kawasan terpencil yang sering berlakunya keracunan seperti ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya terima baik saranan Ahli Yang Berhormat untuk meningkatkan kursus kesedaran tentang kesihatan di kalangan pekerja-pekerja dan kakitangan, tetapi ingin saya jelaskan bahawa kejadian keracunan yang sekarang dilaporkan setakat ini tidak melibatkan secara langsung pengurusan dan pekerja kantin, tetapi bahan-bahan yang digunakan termasuk yang belum dipastikan bahaya pada ketika itu.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi senarai sekolah-sekolah rendah dan menengah yang telah terlibat dalam keracunan seperti ini?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sekolah yang terlibat di Perak dan beberapa negeri lain dan sekiranya Yang Berhormat memerlukan senarai tersebut, saya akan kirim kemudian, tidak hafal semua, sekolah ini banyak.

Timbalan Yang di-Pertua, (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Bolehlah.

KERUSI BERODA KEPADA ORANG CACAT

7. Dr V. David minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah sebabnya Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak memberikan kepada orang-orang cacat yang tinggal di pusat-pusat kebajikan anggota-anggota buatan dan kerusi-kerusi roda, sedangkan mereka tidak mampu membelinya;
- (b) adakah betul bahawa beberapa orang yang layak memasuki pusat-pusat bagi orang-orang cacat tidak mendapat peluang memasukinya kerana kekurangan tempat dan semua pusat-pusat yang berkenaan dilaporkan penuh; dan
- (c) adakah betul bahawa Kerajaan tidak memberi peruntukan yang sesuai bagi orang-orang cacat yang layak dan kurang bernasib baik ini, memandangkan kebajikan mereka hendaklah diberi keutamaan dalam masyarakat kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat berkenaan,

- (a) Berhubung dengan soalan itu, adalah tidak benar Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak memberi alat-alat tiruan dan kerusi beroda kepada penghuni-penghuni di Rumah-rumah Kebajikan. Mengikut peraturan Kementerian Kebajikan Masyarakat, kemudahan tersebut adalah layak diberi kepada penghuni-penghuni yang memerlukan.

- (b) Perkara yang dinyatakan adalah benar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kebajikan Masyarakat hanya mempunyai 6 buah institusi untuk orang cacat yang mana boleh menampung seramai 860 orang dan pada masa ini semua institusi tersebut adalah penuh.
- (c) Tidaklah benar Kerajaan tidak memberi peruntukan yang sesuai bagi orang-orang cacat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1989 sebanyak \$7.3 juta telah diperuntukkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat bagi mengendalikan perkhidmatan orang cacat.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (b), Yang Berhormat ada menjawab bahawa 6 buah institusi dalam Malaysia itu adalah penuh dan tidak ada tempat untuk memasukkan orang yang baru atau daftarkan cacat-cacat baru. Adakah rancangan Kerajaan untuk membina institusi baru yang mengambil ramai cacat-cacat yang mohon kepada Kementerian. Adakah rancangan macam itu?

Lagi satu, kalau cacat-cacat mintakan kerusi

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, apa "cacat-cacat"? (*Ketawa*)—orang cacat-cacat?

Dr V. David: Ya, oranglah. Tetapi soalan ini berkenaan dengan "orang", bukan "binatang". (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerusi beroda itu atau, dengan izin, "wheel chair" ini hendaklah dibekalkan. Saya tahu ramai orang ada mohon tetapi Kementerian Kebajikan Masyarakat selalu kata ia tidak cukup wang. Adakah Kementerian hendak bantu dengan memberi wang yang cukup supaya

siapa yang memohon boleh mendapat "wheel chair"

Timbalan Yang di-Pertua, (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Untuk siapa?

Dr V. David: Tolong beri keterangan mengenai rancangan Kerajaan, berapa ribu orang telah pun dapat "wheel chair" dan berapa orang ada memohon. Berilah keterangan sedikit.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan bahagian pertama, Kerajaan memang sedar ada kesesakan di dalam institusi-institusi di bawah Kementerian ini dan untuk menyelesaikan sedikit sebanyak masalah ini, Kementerian sudah mengambil beberapa langkah-langkah seperti rancangan untuk mengendalikan pemulihan dalam komuniti di mana kanak-kanak cacat ini dapat diberi rawatan pemulihan di rumah sendiri dan juga Kementerian menggalakkan persatuan-persatuan untuk orang cacat di negeri dan daerah supaya mengambil daya usaha menubuhkan banyak lagi pusat-pusat harian untuk memberi khidmat penjagaan dan pemulihan kepada kanak-kanak dan orang-orang cacat di kawasan masing-masing. Di dalam Rancangan Malaysia Keenam Kementerian ini akan mencadangkan pembinaan 4 buah institusi untuk kanak-kanak cacat akal.

Bagi menjawab bahagian kedua, Kementerian ini dalam tahun ini ada menyediakan sebanyak \$150,000 untuk kes-kes kecacatan supaya mereka dapat diberikan alat-alat tiruan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian semata-mata menumpukan kepada rumah-rumah di pusat Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja untuk memberi bantuan ini ataupun diberi kepada sesiapa sahaja

cacat-cacat ataupun orang-orang cacat di seluruh negara?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tadi Yang Berhormat minta penjelasan, tidak faham juga.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya pun terpakai juga cacat-cacat ini. Adakah tumpuan juga diberi kepada mereka yang cacat di seluruh negara dan kalau begitu berapa ramai yang sudah diberi dan berapa ramai orang cacat di seluruh negara ini yang belum diberi oleh pihak Kementerian kemudahan yang disebutkan tadi?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini mengandungi angka-angka saya rasa, seperti beberapa bilangan dan sebagainya. Di sini saya tidak ada angka-angka seperti itu, tetapi dari segi dasarnya memang kemudahan yang diberikan oleh Kementerian ini memang termasuk semua orang cacat di seluruh negara kita, bukan di Semenanjung sahaja, dan juga termasuklah kanak-kanak cacat di rumah dan bukan terhad kepada institusi sahaja.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beliau berkata dalam Rancangan Malaysia Keenam Kerajaan akan bercadang untuk membina 6 lagi institusi ini untuk orang-orang cacat dan bolehkah beliau beritahu Dewan yang mulia ini di manakah institusi itu akan dibina.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat kerana mengambil minat tentang rancangan ini. Di sini saya tidak ada nama-nama tempat di mana kita akan melaksanakan rancangan itu, tetapi jika Yang Berhormat dapat tulis kepada saya, saya dapat berikan jawapan yang mendalam secara bertulis.

KTM—TANAH MILIK TERBIAR

8. Tuan Haji Mohammad Yussof bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapa tanah milik KTM di stesen-stesen KTM dari Butterworth hingga ke akhir negeri Perlis;
- (b) di sekitar stesen KTM Tasek Gelugor sahaja ada 7 ekar lebih dan stesen Pinang Tunggal 6 ekar lebih didapati kosong terbiar begitusahaja, pernah Majlis Tempatan Daerah memohon untuk dibuat padang bola tidak dibenarkan; dan
- (c) apakah perancangan Kementerian untuk membangunkan atau memanfaatkan tanah-tanah terbiar itu.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian pertama iaitu (a), di negeri Perlis, KTM mempunyai 206.2 hektar tanah, di negeri Kedah 558.8 hektar tanah dan di negeri Pulau Pinang 174.7 hektar tanah. Ini bermakna jumlah luas tanah KTM dari Butterworth ke Negeri Perlis ialah 939.8 hektar.

Jawapan bagi (b), Pegawai Daerah Seberang Perai telah membuat permohonan pada 24hb April, 1984 bagi tapak tanah di sekitar stesen Tasek Gelugor dan Pinang Tunggal dijadikan padang bola. Setelah di buat kajian teliti, Pentadbiran KTM telah menolak permohonan ini pada 14hb Julai, 1984 kerana tapak-tapak yang dipohon tidak sesuai dijadikan padang permainan oleh sebab terlalu dekat dengan landasan keretapi dan berbahaya kepada kanak-kanak yang bermain di situ.

Jawapan bagi (c), salah satu dari langkah-langkah yang akan diambil apabila KTM diswastakan ialah untuk

membangunkan tanah-tanah KTM, termasuk juga tanah-tanah dari Butterworth hingga ke akhir hujung negeri Perlis.

Tuan Hashim bin Safin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai tanah-tanah KTM yang dikatakan tidak boleh digunakan untuk membuat padang bola kerana membahayakan, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah KTM membenarkan untuk digunakan sebagai tapak pembinaan gelanggang takraw untuk belia-belia di sekitar di sepanjang jalan KTM?

Kedua, ada sedikit masalah di mana KTM tidak membenarkan, tetapi keadaan terbiar dan ada tempat-tempat yang terlibat dengan kawasan Kerajaan Tempatan dan barangkali kalau kita juga bertindak, kita boleh disaman oleh KTM, apakah penjelasan daripada Timbalan Menteri?

(Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah jelaskan tadi, iaitu tempat-tempat yang merbahaya memanglah tidak dibenarkan kerana keadaan hari ini di mana di sepanjang landasan Keretapi Tanah Melayu di seluruh negara pun kita dapati begitu banyak setinggan yang juga membahayakan dan apatah lagi tempat-tempat yang hendak dijadikan tempat permainan di mana sudah tentu kanak-kanak akan datang bermain di situ dan membahayakan bila mereka menyeberang rel-rel keretapi ini. Samalah juga jawapan seperti padang bola di Pinang Tunggal dan Tasek Gelugor tadi dan di mana-mana ada tanah KTM yang terbiar saya rasa wajarlah pihak Kerajaan Tempatan menghantar notis seperti yang selalu dilakukan oleh Kerajaan Tempatan dan Majlis-majlis Bandaran kepada mana-mana tuannya tanah yang mempunyai tanah dalam kawasan

Majlis Bandaran dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi jawapan yang pertama ialah mengenai luasa tanah milik KTM dari Butterworth hingga ke Perlis. Pertanyaan saya ialah, berapakah luas kesemua tanah-tanah kepunyaan KTM daripada Singapura hingga ke Perlis dan hingga ke Tumpat, Kelantan, yang bermakna ke seluruh negara?

Kedua, berapakah luas tanah KTM yang ada di Kuala Lumpur ini. Setahu saya di Kuala Lumpur ini begitu luas tanah-tanah keretapi yang terbiar umpamanya di Pudu dan satu lagi di Pudu Raya terbiar begitu sahaja. Adakah pihak Kerajaan bercadang supaya tanah ini dijual ataupun di majukan ataupun diswastakan?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelum ada rancangan KTM diswastakan, KTM telah menerima beberapa cadangan untuk memajukan tanah-tanah KTM di mana didapati viable, dengan izin, untuk diadakan satu-satu projek tetapi oleh kerana telah ada kajian dibuat mengenai penswastakan dan mungkin ianya akan dilaksanakan tidak lama lagi, kita tidak dapatlah membenarkan mana-mana pihak untuk melaksanakan pada masa ini. Seperti jawapan saya kepada bahagian (iii) soalan asal tadi iaitu apabila KTM telah diswastakan, tanah-tanah ini akan dibangunkan mengikut kesesuaiannya.

DUTA BESAR—SYARAT PERLANTIKAN

9. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) berapa orang dan siapakah duta negara ini ke luar negeri yang

diangkat ke jawatan itu atas perlantikan politik;

- (b) nyatakan sebab, syarat dan kriteria perlantikan seseorang duta politik itu dibuat; dan
- (c) benarkah amalan pentadbiran sebelum ini bahawa orang politik yang dilantik menjadi duta adalah sebagai jalan keluar dari masalah politik dalaman iaitu perlantikan tadi tidak dibuat kerana keupayaannya dan tidak kerana kepentingan negara.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Dr Abdullah Fadil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, untuk pecahan (a), sukacita saya nyatakan bahawa tidak ada Duta-duta Besar ataupun Pesuruhjaya Tinggi Malaysia yang pada masa kini yang dilantik di atas “perlantikan politik” atau dari kalangan orang-orang politik. Duta-duta besar dan Pesuruhjaya Tinggi kita yang ada sekarang terdiri daripada kalangan pegawai-pegawai diplomatik yang sedang berkhidmat atau yang telah pun bersara. Dalam kategori kedua ialah mereka dari kalangan para profesional atau orang perseorangan yang berkelayakan.

Sehubungan dengan ini, sukacita saya memaklumkan bahawa kini terdapat tiga orang Duta Besar ataupun Pesuruhjaya Tinggi negara kita tergulung di dalam kategori yang kedua iaitu, yang pertamanya Tan Sri Thomas Jayasuria (Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Kanada); Dato' Mohd Zain bin Salleh (Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand); dan Dato' Mokhtar Haji Ahmad (Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi).

Untuk pecahan (b) pula, seperti tersebut di atas tadi, Kerajaan tidak mengamalkan perlantikan “duta politik”, dan oleh yang demikian tidaklah dapat saya menyatakan syarat ataupun kriteria perlantikan sedemikian.

Bagi pecahan (c) pula, sukacita saya menyatakan bahawa pada masa-masa yang lalu memanglah benar Kerajaan ada melantik dari kalangan ahli politik untuk memegang jawatan Duta Besar atau Pesuruhjaya Tinggi. Hal demikian terpaksa dilakukan kerana pada ketika itu tidak mempunyai cukup pegawai diplomat yang kanan dan berpengalaman untuk dilantik. Tambahan pula ahli-ahli politik berkenaan dilantik atas kelayakannya dan jasanya kepada bangsa dan negara.

Adalah tidak benar jika dikatakan bahawa perlantikan-perlantikan mereka itu tadi dibuat sebagai jalan keluar dari masalah politik dalaman. Malahan perlantikan mereka adalah berdasarkan keperluan negara ke atas perkhidmatan dan tenaga mereka di tempat-tempat berkenaan pada masa yang berkenaan.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan yang mulia ini, adakah di antara "duda-duda" yang negara kita

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duda?

Tuan Hu Sepang: Ya!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duta?

Tuan Hu Sepang: Duta.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Bukan "duda", Yang Berhormat!

Tuan Hu Sepang: Sama jugalah, lebih kurang! (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Lain. (*Ketawa*)

Tuan Hu Sepang: Bolehkah saya sambung?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Baik.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih. Yang kita hantar ke luar negeri, adakah di antara mereka merupakan pengintip seperti negara-negara asing yang menghantar mereka ke negara kita? Adalah didapati ada duta negara dari sebuah negara, merka merupakan ketua CIA dan ketua KGB, adakah negara mempunyai duta-duta yang dalam kategori yang sama itu? Ini soalan saya dan saya menganggap soalan ini amat penting.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tidak ada.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri iaitu berapa ramaikah diplomat kita yang berkelayakan untuk memegang jawatan Duta Besar dan beapakah jumlah post Duta Besar kita di luar negeri?

Yang ketiga, adakah disyaratkan yang sudah berkahwin baru dilantik menjadi Duta Besar?

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, jumlah sebenar yang layak jadi Duta tidak dapat saya nyatakan di sini dengan tepat.

Yang keduanya, jumlah Duta Besar mahupun Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di luar negara berjumlah seramai 49 orang dan tidak ada syarat yang mana-mana Duta itu perlu beristeri dahulu.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan pada satu ketika dahulu ada juga pemimpin-pemimpin dari PAS dilantik menjadi Duta Malaysia ke luar negeri iaitu kalau tidak silap saya di Iran dan di Mesir dan Duta kita di Iran terdiri daripada pemimpin PAS pada masa

itu sekarang menjadi Presiden PAS. Bolehkah kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, apakah dasar-dasar ataupun kriteria Presiden PAS dilantik menjadi Duta Besar Malaysia ke Iran pada masa itu?

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che

Wan: Tuan Yang di-Pertua, memang benar pada masa yang lampau ada pemimpin PAS sekarang ini yang telahpun dilantik sebagai Duta kita ke luar negara iaitu dengan jelas mencerminkan dasar terbuka dan liberal Kerajaan kita selama ini. Tetapi itu apabila mereka masih lagi belum masuk ataupun memimpin parti yang berkenaan dan ketika ini tidak ada mana-man pemimpin politik sebagai Duta kita di luar negeri.

BAHASA PENGHANTAR ITM

10. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bahasa pengantaran yang digunakan oleh ITM di negara ini;
- (b) sama ada Kerajaan sedar bahawa kegunaan bahasa Inggeris yang meluas oleh ITM telah menimbulkan masalah yang rumit kepada pelajar-pelajar ITM di seluruh negara; dan
- (c) apakah dasar Kerajaan tentang penggunaan bahasa pengantaran yang digunakan oleh ITM dan di Sekolah-sekolah Menengah di seluruh negara supaya dapat lebih dipertimbangkan.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada dasarnya, Institut Teknologi MARA menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Walau bagaimanapun, bahasa Inggeris diberikan penekanan

memandangkan pentingnya penguasaan bahasa Inggeris yang baik dalam bidang akademik dan apabila mereka keluar nanti sebagai usahawan atau dalam menjayakan lapangan profesion mereka.

- (b) Setakat ini Kerajaan tidak mendapati penggunaan bahasa Inggeris di ITM itu menimbulkan masalah besar kepada pelajar. Tentunya tidak dapat dinafikan bahawa mana-mana matapelajaran juga boleh menimbulkan masalah kepada pelajar-pelajar yang agak kurang baik dan belum mampu menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Namun kita tidak dapat menafikan bahawa penyertaan mereka nanti dalam syarikat swasta atau dalam profesion mereka nanti memerlukan penguasaan bahasa Inggeris yang baik. Bahkan rancangan ITM akan terus meningkatkan penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris di samping bahasa Perancis, Jepun, bahasa Cina dan lain-lain.
- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah dasar penggunaan Bahasa Malaysia di ITM sepertimana yang dijalankan sekarang.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menjawab bilangan guru-guru ataupun pensyarah-pensyarah bahasa Inggeris yang bertugas di ITM sekarang dan kalau tidak boleh memberi bilangan terperinci, peratusan sama ada 50% atau 70% dan di dalam melaksanakan pelbagai bahasa di dalam ITM adalah satu dasar yang baik. Apakah tindakan yang selanjutnya untuk memperbaiki mutu ajaran di dalam kampus-kampus ini?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan jumlah yang spesifik guru-guru atau pensyarah Bahasa Inggeris di ITM. Namun ingin saya tegaskan bahawa semua pelajar ITM seperti mana juga di pusat pengajian tinggi dan kampus lainnya dikehendaki menguasai dua bahasa sekurang-kurangnya termasuk Bahasa Inggeris. Dan oleh yang demikian, Kementerian khususnya telah mengarahkan supaya penumpuan terhadap penguasaan Bahasa Inggeris ditingkatkan, bukan sahaja bagi menyempurnakan kursus-kursus profesional luar negeri yang sedang dijalankan tetapi kerana keyakinan kita bahawa penguasaan Bahasa Inggeris harus ditingkatkan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada pengalaman ITM dalam bidang pengajaran Bahasa Inggeris ini akan digunakan oleh Kementerian Pendidikan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan supaya dapat meningkatkan taraf Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah tersebut.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan saya ingin menyatakan bahawa dalam pelaksanaan KBSM, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah mulai tahun ini, kedudukan Bahasa Inggeris telah diberikan tumpuan yang agak lebih dan selain dari tambahan waktu untuk mempelajari Bahasa Inggeris, Sastera Inggeris juga telah diperkenalkan bagi menjamin penguasaan Bahasa Inggeris yang baik dikalangan pelajar-pelajar kita. Semua pengalaman dari ITM, universiti-universiti tempatan dan juga institusi-institusi pengajian lainnya yang boleh membantu dalam usaha kita meningkatkan mutu penguasaan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah akan dimanfaatkan sepenuhnya.

PASPORT ANTARABANGSA MALAYSIA—PEMALSUAN

11. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Malaysia bagi mengelakkan penipuan dan pemalsuan Pasport Malaysia sebagaimana yang berlaku dengan tertangkapnya sembilan belas rakyat Thai di Jakarta 1 Februari, 1989 yang lalu yang memiliki pasport palsu Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari akan jenayah penipuan dan pemalsuan Pasport Antarabangsa Malaysia. Ini juga berlaku kepada negara-negara yang lebih maju daripada negara kita. Dengan kerjasama negara-negara lain, jenayah ini dapat dikesan dan dibanteras.

Ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada Pasport Antarabangsa Malaysia adalah salah satu yang terbaik dan Kerajaan sentiasa dari masa ke-semasa mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan tersebut. Oleh sebab itulah setiap kali ataupun bila berlakunya jenayah penipuan dan pemalsuan Pasport Antarabangsa Malaysia, ia dapat dikesan.

TAHANAN ISA—KEGUNAAN RADIO

12. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah orang-orang tahanan ISA di Kem Tahanan Taiping tidak dibenarkan mengadakan radio dalam kawasan masing-masing, tetapi penjenayah-penjenayah yang sedang menjalani hukuman di dalam kem yang sama dibenarkan memakai radio.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, radio adalah sejenis alat yang boleh diubah

suai menjadi alat komunikasi dengan orang-orang di luar Kem Tahanan dan boleh menerima siaran-siaran haram. Sekiranya ini berlaku ia akan menjejaskan program pemulihan ke atas orang-orang tahanan, oleh kerana itulah ianya tidak dibenarkan. Sementara banduan yang ditempatkan di Kem Tahanan diberi kebebasan menggunakan radio kerana mereka adalah banduan "pra-bebas". Ini adalah satu galakan dan keistimewaan untuk berkelakuan baik dan bekerja dengan rajin.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi mengenai keperluan untuk meniadakan mereka mempunyai hak kebebasan untuk mendengar radio RTM dan sebagainya, dia tidak mahu orang-orang tahanan di dalam Kem itu mendengar RTM yang dianggapkan tidak sesuai.

Dan yang keduanya, dengan pemulihan yang dikatakan tadi, saya nampak semasa saya ada di situ, pemulihan itu ketinggalan zaman, untuk subversif sahaja. Jadi, hendak memulihkan orang di dalamnya tidak ada program yang tetap. Saya berharap

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, jangan berucap. Sila bertanya.

Dr Tan Seng Giaw: Pertanyaannya bagaimanakah pemulihan itu dapat menyesuaikan kepada zaman sekarang dan bukannya kalau dibenarkan alat-alat radio itu dapat menyedari pihak tahanan di dalam Kem itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pun menyebut tentang siaran RTM tadi. Apa yang saya katakan tadi bahawa radio adalah sejenis alat yang boleh diubah suai dan boleh mendengar siaran-siaran yang bukan daripada

RTM, mungkin siaran-siaran yang boleh memburukkan lagi keadaan orang-orang tahanan.

Bila satu-satu tempat digezetkan sebagai tempat tahanan tentulah ia tidaklah seistimewa sepertimana di luar. Mestilah ada sesuatu yang harus kita lakukan yang berbentuk sebagai tahanan. Tentang program-program yang dikatakan Yang Berhormat itu, Kementerian Dalam Negeri berpendapat bahawa program yang ada ini memberi manfaat kepada orang-orang tahanan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai pemulihan, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa mereka ini perlukan masa untuk pemulihan. Soalannya apakah setelah mereka pulih, mereka dibebaskan dan kedua, apakah mereka yang telah dibebaskan itu betul-betul pulih. Dan ketiga, kalau mereka ini kembali kepada penyakit lama, (*Boo!*) apakah tindakan yang harus dibuat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja bekas-bekas tahanan yang diperhatikan, tetapi orang yang tidak ditahan pun seringkali kita perhatikan dan pihak yang bertanggungjawab akan menentukan segala-galanya.

IKAN AIR TAWAR— PENGELUARAN

13. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Pertanian menyatakan apakah kedudukan pengeluaran dan pemasaran ikan air tawar di negara ini pada masa ini, berapa banyakkah nilainya ikan-ikan ini dieksport ke negara-negara jiran.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengeluaran ikan air tawar yang diusahakan di kolam, bekas lombong dan sangkar adalah sebanyak 2,734

metrik tan bagi tahun 1987. Jumlah pengeluaran ini adalah dikeluarkan melalui 13,057 buah kolam seluas 2,107 hektar, 747 buah bekas lombong seluas 1.073 hektar dan 656 buah sangkar seluas 6,354 meter persegi. Jenis ikan air tawar yang banyak dikeluarkan di negara ini ialah dari jenis kap rumput, lampam jawa, tilapia dan juga ikan kap kepala besar.

Dari segi pemasaran, ikan air tawar biasanya dijual dalam 2 bentuk iaitu dalam bentuk hidup dan juga mati. Jualan ikan direstoran adalah dalam bentuk hidup sementara jualan ikan dipasar runcit adalah dalam bentuk yang telah mati. Ikan air tawar juga dieksport ke luar negeri di mana 80%-95% ikan air tawar yang dieksport adalah ke negara Singapura. Ikan air tawar yang dieksport adalah dalam bentuk dingin, beku dan juga yang dikeringkan. Dalam tahun 1987, jumlah eksport bagi semua jenis bentuk ikan air tawar ini adalah sebanyak 59 metrik tan bernilai \$148 ribu. Selain daripada itu, Malaysia juga mengimport 820 metrik tan yang bernilai \$1.2 juta di mana kebanyakannya adalah daripada negara Thailand.

Kajian penggunaan institusi restoran dan hotel yang dibuat oleh FAMA dalam tahun 1987 menunjukkan penggunaan ikan air tawar bagi 12 jenis yang popular adalah 1,032 metrik tan. Sebahagian besar penggunaan ini adalah oleh restoran iaitu sebanyak 951 metrik tan.

Kerajaan sentiasa mengadakan berbagai aktiviti untuk menggalakkan penggunaan ikan air tawar khususnya melalui kempen bagi tujuan menyedarkan orang ramai tentang khasiat dan keenakan ikan air tawar melalui penenalan resepi dan cara memasak yang baru.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
Tuan Yang di-Pertua, soalan

tambahan. Tidak berapa lama dahulu saintis-saintis kita telah berjaya membiakkan ikan jelawat dan juga udang galah sungai di dalam habitat artificial. Soalan saya setakat manakah pengeksploitasian dua jenis ikan ataupun udang ini kepada peringkat commercial dan sejauh manakah ianya dieksport ke Singapura ataupun kemana-mana negara.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:
Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita hanya melaksana berasaskan keupayaan yang ada pada kita dan dari segi pengeksporthannya sepertimana saya nyatakan sekejap tadi terutama sekali udang galah, ianya tidak begitu banyak dan begitu juga berhubung dengan ikan jelawat. Jadi, soalnya pihak kami masih melaksanakan tugas yang sepatutnya supaya satu hari nanti jumlah pengeksporthan ikan jelawat dan juga udang galah akan bertambah.

TAHANAN ISA—BILANGAN

14. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang kini di dalam kem-kem tahanan di seluruh Malaysia, berikan butir-butir terperinci berkaitan dengan dasar aktiviti-aktiviti mereka yang menyebabkan mereka ditahan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):
Tuan Yang di-Pertua, bilangan orang-orang tahanan yang kini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah seramai 70 orang. Oleh kerana butir-butir terperinci mengenai aktiviti-aktiviti mereka adalah terlalu banyak, saya tidaklah bercadang untuk menyebutkannya satu persatu. Memadailah saya memperkatakan di sini bahawa selaras dengan peruntukan undang-undang berkenaan mereka ditahan atas sebab-sebab keselamatan negara.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, Timbalan Menteri berkenaan tadi beri bilangan tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, beliau beri bilangan itu seperti 70. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengumumkan ada 150 tahanan orang-orang yang ada ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, bukan akta lain dalam negeri. Adakah itu benar, bolehkah saya dapat jawapan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini bilangan sepertimana yang saya katakan tadi di Pusat Tahan Perlindungan Kamunting, Taiping ialah 60 orang, Pusat Tahanan Polis ialah 10 orang. Jumlahnya 70 orang. Sesiapa pun dalam negara ini sebagai insan mempunyai kesilapan-kesilapan dan kelemahan-kelemahan yang tertentu. Kalau wujud pun, kesilapan mungkin daripada pihak-pihak yang tertentu tentang bilangan itu, perkara itu telah pun diperbetulkan dan telah pun disiarkan dalam akhbar pada minggu lepas tentang bilangan tersebut.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kerajaan bercadang supaya mereka yang ditahan di bawah ISA ini disiarkan tentang butir-butir allegationnya. Sebab selalunya setiap orang yang ditahan sesudah selesai proses interrogation selama 60 hari di mana Menteri Dalam Negeri akan membuat keputusan sama ada seseorang itu perlu ditahan ataupun tidak atas nama keselamatan dan diberi butir-butir allegationnya. Apakah pada masa akan datang Kerajaan bercadang untuk mengemukakan allegation ini kepada umum untuk pengetahuan orang ramai supaya orang ramai dapat menilai sama ada seseorang itu wajar ditahan ataupun tidak oleh kerana sekarang ini orang-orang tahanan ISA

tidak lagi dapat ke mahkamah untuk mendengar kesnya jika ditahan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, setelah keputusan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri tentang seseorang yang ditahan selepas 60 hari butir-butir allegation, dengan izin, dihantar kepada subjek yang berkenaan. Dan sudah tentu subjek juga akan memanjangkan perkara ini kepada peguam-peguam mereka sendiri. Dengan sebab itu butir-butir allegation memang diketahui oleh subjek yang tersebut. Setakat ini pihak Kementerian Dalam Negeri belum lagi bercadang untuk menyiarkan kepada orang ramai tentang butir-butir allegation ini, dengan izin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 1 dan 15 hingga 48 adalah diberi di bawah ini).

RANCANGAN PEMULIHAN KAMPUNG

1. **Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah kejayaan Rancangan Pemulihan Kampung @ RPK. Senaraikan Jabatan-jabatan yang turut terlibat di dalam rancangan ini. Apakah Kerajaan bercadang memperbaiki program ini dan berapakah peruntukan RPK bagi tahun 1989 ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Rancangan Pemulihan Kampung asalnya telah dilaksanakan mulai akhir 1979 hingga 1981, meliputi tiga strategi

utama iaitu Pemulihan Rumah, Pemulihan Infrastruktur dan Pemulihan Ekonomi. Sepanjang tempoh tersebut sejumlah 46,342 buah rumah yang meliputi 2,619 buah kampung telah dibaikpulih, sebanyak 13,105 projek infrastruktur dan 280 projek ekonomi telah dilaksanakan di kampung-kampung di seluruh negara.

Mulai tahun 1989, Kerajaan akan melaksanakan semula program ini dan akan dikenali sebagai Program Pemulihan Rumah yang dikhususkan bagi membantu membaikpulih rumah golongan termiskin. Program ini akan melibatkan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Jabatan Perdana Menteri, Pejabat Kemajuan Negeri, Pejabat Daerah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Ugama dan Jabatan-jabatan lain yang mempunyai kaitan dengan golongan termiskin. Kerajaan memang berusaha memperbaiki pelaksanaan program ini di mana suatu penyelarasan telah dibuat dengan semua Kementerian dan jabatan yang terlibat, dan suatu daftar keluarga termiskin dan format pelaksanaan akan disediakan terlebih dahulu bagi membantu agensi pelaksana menjayakan program ini. Dalam tahun 1989 sebanyak \$10 juta telah diperuntukkan bagi program ini.

PROTON SAGA—EKSPORT KE UNITED KINGDOM

15. Tuan Haji Mohd. Sam Sailan minta Perdana Menteri menjelaskan pengumuman yang dibuat oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri berhubung dengan rancangan Kerajaan mengeksport 10,000 unit Proton Saga ke United Kingdom. Bilakah rancangan ini akan dilaksanakan. Apakah persiapan yang sedang diatur dari segi pengeluaran, perlantikan ejen dan promosi di UK dan kosnya. Memandangkan kos promosi begitu tinggi adakah pasaran

10,000 unit setahun ini menguntungkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Kasitah bin Gaddam): Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah pun memulakan eksport Proton Saga ke United Kingdom pada 31 Januari 1989. Sehingga 10 Mac 1989 sebanyak 1,730 unit Proton Saga telah dieksport ke United Kingdom.

Perancangan yang sedang dan telah diambil ialah:

- (a) PROTON sedang mengkaji usaha-usaha bagi menambahkan pengeluaran Proton Saga untuk memenuhi permintaan.
- (b) PROTON juga telah melantik agennya di United Kingdom iaitu Proton Cars (UK) Ltd. untuk menjalankan kegiatan promosi dan pemasaran. Kos promosi dan pemasaran di United Kingdom ditanggung oleh agen berkenaan.

Mengikut analisa PROTON, eksport Proton Saga ke United Kingdom dijangka menguntungkan. Soal kos promosi yang tinggi tidak berbangkit kerana kos ini ditanggung oleh agen pemasaran berkenaan.

PENCEMARAN AIR DI SUNGAI-SUNGAI

16. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) setiap berapa lamakah pemeriksaan dibuat terhadap pencemaran air di sungai-sungai di negara ini; dan
- (b) sama ada air daripada Sungai Merotai Tawau, yang mana menjadi nadi utama bekalan air bagi penduduk-penduduk Tawau, pernah diperiksa secara teliti. Jika tidak, apakah tindakan yang akan diambil

untuk memastikan bahawa air tersebut bebas daripada pencemaran.

Tuan Law Hieng Ding: Saya mohon menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat seperti berikut:

- (a) Pada amnya, pemeriksaan ke atas sungai-sungai dilakukan di antara 4 sehingga 12 kali setahun bergantung kepada tahap pencemaran sungai-sungai berkenaan.
- (b) Jabatan Alam Sekitar ada menjalankan pemeriksaan ke atas Sungai Merotai dan mendapati pada keseluruhannya kualiti air sungai tersebut tidak tercemar.

LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI SINGAPURA— PERBINCANGAN

17. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan butir-butir perbincangan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Singapura dengan pemimpin-pemimpin kita semasa lawatan beliau ke Kuala Lumpur baru-baru ini. Apakah tindakan susulan yang telah diambil mengenainya.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Lawatan Encik Goh Chok Tong adalah merupakan lawatan rasmi beliau yang pertama ke Malaysia sejak lantikan semula beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri Pertama Singapura. Lawatan tersebut dibuat di dalam konteks program bertukar-tukar lawatan di kalangan pemimpin-pemimpin kedua-dua buah negara di dalam usaha untuk merapatkan hubungan duahala.

Semasa pertemuan Encik Goh dengan pemimpin-pemimpin kita, aspek-aspek kerjasama duahala turut dibincangkan yang meliputi bidang kerjasama pertahanan kedua negara dan usaha-usaha untuk merapatkan

hubungan di kalangan peringkat Ahli Parlimen dan pegawai-pegawai Kerajaan. Perkara-perkara duahala yang dibincangkan adalah di dalam konteks kerjasama yang sedang berjalan secara berterusan di antara kedua buah negara.

PELANGI AIR

18. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperluas khidmat Pelangi Air sebagai penerbangan kedua dalam negeri selain daripada Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Apakah faedah-faedah khusus mengadakan perkhidmatan penerbangan sebegitu memandangkan MAS dapat menampung perkhidmatan yang sama.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Syarikat Penerbangan Pelangi, telah ditubuhkan bagi tujuan memberi perkhidmatan tambahan (to complement) kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang diadakan oleh Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS). Perkhidmatan Pelangi Air adalah juga bertujuan untuk menampung keperluan permintaan trafik ke padang-padang terbang kecil khususnya ke pusat-pusat pelancongan di negara ini, di mana penggunaan pesawat-pesawat kecil daripada F27 akan dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada orang ramai.

Perkhidmatan-perkhidmatan Pelangi Air adalah dijangka membawa faedah-faedah tertentu dari segi menggalakkan industri pelancongan di samping ianya boleh meningkatkan peluang pekerjaan, dan pertumbuhan industri-industri sampingan.

Kerajaan akan sentiasa mengawasi perkhidmatan-perkhidmatan Pelangi Air demi menentukan ianya memberi sumbangan positif demi kepentingan memenuhi keperluan rakyat, sama ada

dari segi sosial, pembangunan pelbagai sektor-sektor ekonomi, pelancongan dan perniagaan.

ZON BEBAS CUKAI

19. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan sejumlah manakah berkesannya penubuhan zon bebas cukai di beberapa kawasan di sebelah utara dan pantai timur Semenanjung dari sudut keselamatan dan pertahanan negara. Berapa banyakkah lagi kawasan-kawasan seumpama itu akan diwujudkan dalam tempoh yang dekat ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Penubuhan zon bebas cukai di beberapa kawasan di Sempadan Malaysia Thai boleh membantu mempertingkatkan keselamatan negara di kawasan berkenaan menerusi galakan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Pembangunan itu cara langsung atau tidak langsung akan dapat mempertingkatkan taraf hidup penduduk di sekitarnya. Ini akan dapat menghindarkan pengaruh komunis di kalangan rakyat di Sempadan Malaysia Thai.

Pada masa ini zon bebas cukai yang telah diwujudkan ialah di Bukit Kayu Hitam, Kedah. Kawasan-kawasan seumpama itu yang akan diwujudkan dalam tempoh yang dekat ini ialah di Pengkalan Kubor, Kelantan, di Rantau Panjang, Kelantan, di Padang Besar, Perlis, dan di Pengkalan Hulu, Perak.

NILAI EKSPORT NEGARA

20. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah jumlah nilai eksport negara bagi tahun 1988 dan juga nilai 2 bulan pertama tahun ini. Adakah kejatuhan nilai ringgit Malaysia membantu untuk menambah juga eksport negara seperti

yang dijangkakan oleh beberapa pihak. Negara manakah yang terbanyak sekali mengimport barangan Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Nilai eksport Malaysia bagi tahun 1988 adalah sebanyak \$55,483 juta. Nilai eksport bagi dua bulan pertama tahun ini sedang diproses oleh Jabatan Perangkaan.

Prestasi eksport negara dalam tahun 1988 merupakan peningkatan sebanyak 22.9% daripada \$45,138 juta nilai eksport dalam tahun 1987. Peningkatan eksport ini disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah nilai ringgit yang kompetitif, usaha-usaha galakan eksport yang dilaksanakan oleh Kerajaan, peningkatan permintaan luar negeri dan keupayaan pengeluar-pengeluar Malaysia bersaing di pasaran antarabangsa.

Dalam tahun 1988 Singapura adalah negara utama mengimport barangan Malaysia, diikuti oleh Amerika Syarikat dan Jepun. Eksport Malaysia ke Singapura di dalam tahun 1988 bernilai \$10,698 juta, ke Amerika Syarikat \$9,613 juta dan ke Jepun \$9,541 juta.

PROTON AMERICA INCORPORATED—PEMBATALAN PERJANJIAN

21. Tuan Teoh Teik Huat minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang telah diambil setakat ini terhadap Proton America Incorporated kerana melanggar kontrak kerana gagal untuk mendapat kelulusan yang perlu dari peringkat Federal dan Negeri bagi mengimport kereta Proton Saga ke Amerika Syarikat;

- (b) selanjutnya memandangkan akan penyataan yang diluahkan oleh pihak Malaysia Syarikat Dillenia Sdn. Bhd. dan pihak Amerika Syarikat Bricklin Industries dari New York yang bersekutu yang bertanggungjawab bagi menembusi penjualan kereta Proton Saga ke pasaran Amerika Syarikat bahawa Jepun Proton adalah bertanggungjawab bagi kegagalan untuk memasuki ke pasaran Amerika Syarikat, adakah Y. B. Menteri sedar bahawa terdapat satu percanggahan kepentingan di antara percubaan Malaysia untuk mengeksport kereta Proton Saga dan kepentingan sendiri pihak Mitsubishi dalam mengeksport kereta-kereta Jepun mereka;
- (c) jumlah kos yang telah tertanggung oleh Proton dalam kegagalan percubaannya untuk menembusi pasaran Amerika Syarikat; dan
- (d) harga runcit kereta-kereta Proton Saga yang dijual di negara-negara yang dieksport masing-masing

Datuk Kasitah bin Gaddam:

- (a) PROTON sedang mengkaji semula secara teliti langkah-langkah yang akan diambil berikutan dengan pembatalan perjanjian di antara PROTON dengan Proton America Incorporated (PAI).
- (b) Soal pertelingkahan antara PROTON dan rakan kongsi Jepun sebenarnya tidak timbul. Bagaimanapun masalah yang timbul berbangkit daripada masalah PAI (anak syarikat kepada Global Motors Incorporated) yang menghadapi masalah kewangan dan

kelemahan syarikat itu dari segi teknikal. Ianya tidak berupaya untuk menjadi pengedar yang baik.

- (c) Untuk makluman Y.B., PROTON tidak menanggung sebarang kos dalam usahanya untuk menembusi pasaran kereta Proton Saga di Amerika Syarikat. Ini adalah kerana perjanjian "Distributorship Agreement" yang ditandatangani oleh PROTON dan PAI menetapkan PAI bertanggungjawab bagi pembangunan, pengubahsuaian, dan mendapatkan kelulusan (Negeri dan Persekutuan).
- (d) Harga kereta Proton Saga yang dijual di negara-negara asing adalah berbeza di antara M\$26,600 hingga M\$50,982. Perbezaan harga adalah disebabkan oleh perbezaan modal, aksesori, struktur cukai, cukai jualan yang dikenakan oleh negara-negara berkenaan.

IBU YANG MENINGGAL DUNIA SEMASA MELAHIRKAN BAYI

22. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kesihatan memberi angka-angka mengenai bilangan kematian yang berlaku dalam tahun 1986, 1987, 1988 dan sehingga bulan Februari 1989 tentang:

- (a) bilangan ibu yang meninggal dunia semasa melahirkan bayi di semua hospital daerah dan besar Kerajaan atau pusat-pusat perubatan;
- (b) bilangan kes-kes "still-born babies" dan sebab-sebab yang menyebabkan kematian ibu-ibu dan bayi-bayi;
- (c) menyenaraikan hospital yang mempunyai kadar kematian yang tinggi sekali bagi ibu-ibu dan bayi-bayi; dan

- (d) langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kematian-kematian tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

- (a) Bilangan ibu-ibu yang meninggal dunia semasa melahirkan bayi di Hospital Daerah dan Hospital Besar Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 1986 ialah 102 orang dan pada tahun 1987 ialah 98 orang. Maklumat untuk tahun 1988 sehingga bulan Februari 1989 tidak dapat diberikan kerana belum lengkap.
- (b) Bilangan kes-kes "still born babies" pada tahun 1986 ialah 3533 manakala pada tahun 1987 ialah 3,498 kes. Maklumat untuk tahun 1988 sehingga bulan Februari 1989 tidak dapat diberikan kerana belum lengkap.

Sebab-sebab kematian ibu-ibu bersalin ialah komplikasi semasa hamil dan ketika melahirkan anak serta keadaan yang berhubung dengan penyakit ibu. Sebab-sebab kematian bayi-bayi (still-born babies) di antara lain ialah keadaan berhubung dengan penyakit ibu, keadaan berhubung dengan uri, keadaan berhubung dengan kandungan (foetus) dan sebab-sebab yang lain.

- (c) Dukacita tidak dapat memberi angka-angka bagi kadar kematian mengikut hospital. Ianya tidak dapat diberikan kerana angka-angka ini mungkin akan mengelirukan. Seumpamanya hospital-hospital dengan kepakaran yang tinggi memang mengendalikan banyak kes kelahiran, khasnya kes-kes yang banyak komplikasi yang

dirujuk kepadanya. Mungkin juga angka kematian di hospital-hospital seperti ini juga tinggi.

- (d) Langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kematian-kematian tersebut di antara lain ialah mengenalpasti dan memberi pengawasan yang rapi bagi ibu-ibu mengandung serta kandungannya, terutama mereka yang berisiko tinggi, memberi pendidikan kesihatan, mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan perkhidmatan Kesihatan, memberi latihan kepada bidan kampung berdaftar serta mempertingkatkan kemudahan-kemudahan.

PENYELUDUPAN ROKOK DARI LUAR NEGERI

23. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah yang telah dilakukan bagi mengatasi masalah penyeludupan secara berleluasan rokok daripada Amerika Syarikat, Eropah dan Indonesia. Setakat ini sejauh manakah kerajaan yang telah dicapai.

Tuan Loke Yuen Yow: Langkah-langkah yang telah dilakukan bagi mengatasi masalah penyeludupan secara berleluasan rokok daripada Amerika Syarikat, Eropah dan Indonesia adalah seperti berikut:

- 1.1 Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah pun mengambil tindakan meminda butiran (16) Jadual Ke Empat Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1988 untuk mengatasi masalah tanda Amaran Kerajaan yang digunakan oleh penyeludup secara melekatkan label amaran kepada kotak-kotak rokok yang diseludup khususnya jenis kretek. Dengan

pindaan ini semua pengimportan rokok diisyratkan mempunyai tanda Amaran Kerajaan yang dicetak ke atas setiap kotak rokok.

1.2 Disamping itu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sentiasa berusaha dalam mempertingkatkan tindakan pencegahan seperti:

- (i) Rondaan laut dan darat;
- (ii) Membuat serbuan ke atas tempat-tempat atau stor yang dipercayai ada menyimpan rokok-rokok seludup; dan

(iii) Mempertingkatkan sistem maklumat risikan bagi menambahkan kekesan tindakan pencegahan serta menawarkan hadiah-hadiah yang lumayan kepada pemberi maklumat atas kes-kes yang berjaya.

2. Mengenai kejayaan yang telah dicapai, di bawah ini diperturunkan data-data rokok yang berjaya dirampas dan dilucuthak oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bagi tahun 1987 dan 1988.

Tahun 1987—

	<i>Kuantiti (Kg)</i>	<i>Nilai</i>	<i>Duti</i>
(i) Rokok putih	5,506.43	\$ 226,531.28	\$ 461,003.82
(ii) Rokok kretek	34,900.19	\$1,730,782.20	\$3,182,232.23
	<hr/> 40,406.62	<hr/> \$1,957,313.48	<hr/> \$3,643,236.05

Tahun 1988—

(i) Rokok putih	3,784.75	\$ 165,966.66	\$ 362,418.39
(ii) Rokok kretek	41,862.44	\$2,027,685.39	\$3,817,706.91
	<hr/> 45,647.19	<hr/> \$2,193,652.05	<hr/> \$4,180,125.30

Berdasarkan data-data di atas, ini menunjukkan kejayaan Jabatan Kastam dalam membanteras penyeludupan rokok bagi tahun 1988 telah meningkat berbanding dengan tahun 1987.

SKIM PERKHIDMATAN GURU

24. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pendidikan menyatakan, bilakah rancangan dua skim Perkhidmatan Guru Siswazah

dan Bukan Siswazah dilaksanakan dan berapakah jumlah kewangan yang terlibat.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dua Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan akan dilaksanakan pada tahun ini (1989), iaitu berkuatkuasa mulai 1-1-1989. Jumlah kewangan yang terlibat belum dapat dipastikan memandangkan struktur tanggungaji dua skim belum lagi diputuskan oleh Kerajaan dan

ianya sedang disediakan oleh Kementerian bersama-sama Agensi Pusat

HARGA BARANGAN TEMPATAN— KENAIKAN

25. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sebutkan faktor-faktor menyebabkan kenaikan harga barangan tempatan;
- (b) apakah tindakan Kementerian-nya telah dan akan diambil terhadap barang-barang yang bukan keperluan asasi (Essential items) dari kenaikan harga;
- (c) sejauh manakah kesan positif atas seruan tindakan BOIKOT atau pulaukan barang-barang keperluan yang dinaikkan harga sewenang-wenangnya.

Dato' Kok Wee Kiat: Jawapan bagi soalan telah pun dijawab bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Tebrau pada 8-3-89. Jawapan tersebut telah disampaikan oleh Y.B. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, tetapi, disebabkan jawapan tersebut terlalu panjang maka Tuan Yang di-Pertua telah bersetuju supaya jawapan ini diberi secara bertulis. Oleh itu saya berhajat tidak akan mengulanginya lagi.

PELABUR ASING

26. Tuan Haji Mohammad Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kedudukan pelabur-pelabur asing di negara ini sehingga 28 Februari 1989;

- (a) negara-negara manakah yang masih melabur;
- (b) jumlah pelabur;

- (c) bagaimanakah masa depan pelabur ke negara ini memandangkan kestabilan politik yang ada sekarang.

Dato' Kok Wee Kiat: Bagi tempoh 1980 sehingga Februari 1989 jumlah pelaburan asing ialah sebanyak \$16,796 juta. Hampir 40 negara asing telah melabur di negara ini setakat ini. Di antaranya pelaburan yang terbesar ialah dari negara Jepun (23.5%), diikuti dengan negara Singapura (10.4%), Taiwan (9.5%) dan Amerika Syarikat (8.8%). Pelaburan dari keempat-empat negara ini merupakan lebih 50% dari pelaburan asing keseluruhan di Malaysia bagi tempoh yang sama.

Kestabilan politik di negara ini merupakan satu daripada faktor-faktor yang menarik pelaburan asing ke Malaysia. Trend positif pelaburan asing yang timbul dari faktor ini dijangka akan berterusan bagi tahun-tahun akan datang dengan adanya insentif-insentif yang menarik dan kemudahan infrastruktur yang lebih baik yang disediakan oleh Kerajaan.

LAPANGAN TERBANG ANTARA- BANGSA SUBANG—KEGUNAAN PESAWAT TUDM

27. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada lapangan terbang antarabangsa Subang digunakan oleh kapal-kapal terbang tentera juga dan bukannya ini dianggap sebagai bahaya untuk penerbangan awam biasa.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Sebuah pengkalan Tentera Udara Di Raja Malaysia (TUDM) adalah terletak di sebelah barat Lapangan Terbang Antarabangsa Subang Kuala Lumpur. Pengkalan ini adalah digunakan oleh pesawat-pesawat pengangkutan TUDM. Pesawat-pesawat pengangkutan TUDM ini menggunakan landasan

secara bersama dengan operasi penerbangan awam. Dari segi keselamatan pengkalan TUDM serta operasi penerbangannya tidaklah menjadi masalah kerana terdapatnya ko-ordinasi yang sempurna di antara pihak awam dan tentera. Jabatan Penerbangan Awam yang bertanggungjawab atas kawalan itu sentiasa memastikan bahawa prosedur-prosedur kawalan pergerakan pesawat-pesawat awam dan tentera dipatuhi pada setiap masa.

LOTERI—PENJUALAN TIKET

28. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jenis-jenis loteri yang dijual di negara ini;
- (b) bagaimanakah berlakunya penjualan tiket-tiket loteri haram khususnya di Sabah dan lain-lain tempat amnya;
- (c) apakah sumbangan-sumbangan utama daripada hasil penjualannya; dan
- (d) apakah tindakan Kementerian terhadap perkara ini.

Tuan Loke Yuen Yow:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini hanya terdapat dua (2) jenis loteri yang dibenarkan beroperasi di Semenanjung Malaysia iaitu loteri yang dianjurkan oleh Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan dan satu lagi "Sweepstake" anjuran Kelab-kelab Lumba Kuda. Kedua-dua loteri tersebut dianjurkan mengikut peruntukan undang-undang yang berasingan iaitu "Social And Welfare Services Lotteries Board Act, 1950-1961" (untuk loteri anjuran Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan

Kebajikan) dan "Racing Club (Public Sweepstake) Act, 1965" (untuk "Sweepstake anjuran Kelab-kelab Lumba Kuda). Kedua-dua Akta tersebut berkuatkuasa hanya di Semenanjung Malaysia sahaja. Di samping itu adalah difahamkan bahawa Kerajaan Sabah telah meluluskan loteri "Sweepstakes" di negeri Sabah.

- (b) Di Negeri Sabah, kuasa untuk memberi lesen bagi penganjuran loteri adalah Kerajaan Negeri dan bukan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu Kementerian ini tidak ada mempunyai maklumat mengenai penjualan tiket loteri haram di Negeri Sabah. Bagi tempat-tempat lain sehingga kini, Kementerian ini juga tidak ada maklumat mengenai penjualan tiket loteri haram.
- (c) Sumbangan-sumbangan utama daripada hasil penjualan tiket loteri adalah dari segi pelaburan modal, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, pembayaran cukai kepada Kerajaan di samping mengujudkan perniagaan sampingan seperti penyewaan ruang-ruang pejabat di lot-lot kedai serta urusan percetakan tiket-tiket. Syarikat-syarikat itu juga turut menyumbang kepada badan-badan kebajikan dan sukan dalam bentuk kewangan dan kebendaan untuk kebajikan dan kemajuan sukan di Negara ini.
- (d) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini ordinaran-ordinan loteri dan perjudian di Sabah dan Sarawak membolehkan Pihak Berkuasa Negeri-negeri tersebut meluluskan lesen penganjuran loteri. Oleh itu, pada masa ini ianya adalah diluar kawalan

Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sedang mengkaji ordinan-ordinan ini dengan tujuan meletakkan semua kuasa perjudian di pihak Kerajaan Persekutuan dan dengan itu kawalan ke atas loteri demikian akan diseragamkan.

PENGANGGURAN— MENGURANGKAN JUMLAH

29. Tuan Haji Mohammad Haji Isa minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan ekonomi Malaysia sedang pulih dan banyak pelaburan telah datang ke negara ini, apakah rancangan Kerajaan jangka panjang bagi mengurangkan jumlah pengangguran di negara ini, terutamanya terhadap mahasiswa-mahasiswa yang menganggur. Apakah langkah Kerajaan kepada harapan mahasiswa yang diambil bekerja di bawah skim SKS dapat diserapkan kepada jawatan tetap.

Datuk Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Berbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran di negara ini. Langkah utama Kerajaan adalah meningkatkan permintaan buruh dalam negeri menerusi perkembangan ekonomi yang pesat. Untuk mencapai matlamat ini, usaha menarik pelaburan dalam dan luar negeri telah dipertingkatkan. Galakan juga diberikan kepada pelabur-pelabur ini untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Usaha-usaha ini akan terus dipertingkatkan untuk masa-masa hadapan memandangkan hanya melalui pertumbuhan ekonomi yang pesat dan berkekalan sahaja dapat menjamin peningkatan dalam pengwujudan peluang-peluang pekerjaan.

Kerajaan juga berusaha menjalankan langkah-langkah jangka panjang bagi mempertingkatkan

peluang pekerjaan bagi semua golongan termasuk siswazah melalui pengubahsuaian program-program pendidikan dan latihan di berbagai peringkat selaras dengan keperluan kemahiran yang dikehendaki oleh pasaran buruh. Di samping itu pelajar-pelajar juga diterapkan dengan nilai-nilai keusahawanan, berdikari, inovasi serta kreativiti sebagai usaha menggalakkan dan menyediakan mereka untuk bekerja sendiri.

Objektif utama Skim Khidmat Sambilan (SKS) yang sedang berjalan sekarang adalah untuk memberi pengalaman bekerja kepada mahasiswa-mahasiswa yang terlibat sebagai persediaan mereka menceburi pasaran pekerjaan dan tidak bertujuan memberi pekerjaan tetap kepada mereka. Setakat ini, Kerajaan masih belum bercadang untuk menyerapkan mereka ini ke jawatan-jawatan tetap di dalam perkhidmatan awam.

PERUMAHAN KOS RENDAH/ SEDERHANA—PEMBINAAN

30. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilangan unit perumahan kos rendah dan sederhana yang perlu dibina di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan bilangan unit yang disiapkan sehingga 28-2-1989.
- (b) Kemajuan yang dibuat setakat ini dalam pelaksanaan Program Perumahan Khas Kos Rendah dengan memberi butir-butir unit yang dibina atau disiapkan setakat ini. Adakah beliau sedar bahawa program ini satu kegagalan memandangkan prestasinya sangat merosot; dan
- (c) memandangkan prestasi merosot, Kerajaan dalam menyediakan rumah-rumah kos

rendah dan sederhana sejak beberapa tahun lalu, apakah tindakan yang akan diambil oleh Menteri berkenaan untuk menunaikan janjinya baru-baru ini bahawa kerajaan akan melaksanakan projek pembinaan rumah kos rendah secara besar-besaran bagi memenuhi keperluan untuk mendapatkan rumah bagi golongan berpendapatan rendah.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat):

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan unit rumah kos rendah yang disasarkan untuk dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML) adalah sebanyak 495,000 unit, manakala untuk rumah kos sederhana adalah sebanyak 180,200 unit. Maklumat yang ada di Kementerian pada masa ini mengenai pencapaian pembinaan rumah kos rendah di bawah program-program utama adalah seperti berikut:

(i) *Program Perumahan Awam Kos Rendah*

Siap sejumlah 16,507 unit atau 36% daripada sasaran (sehingga 30-9-1989)

(ii) *Program Perumahan Sekim Pembangunan Tanah dan Program Perumahan Komersial Agensi Kerajaan*

Bagi kedua-dua program ini, perlaksanaannya dijalankan oleh beberapa Lembaga Kemajuan Wilayah dan Lembaga Kemajuan Tanah serta Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Kementerian Perumahan

mengesan pelaksanaan program perumahan perbadanan-perbadanan tersebut melalui data yang diperolehi daripada mereka. Setakat ini, data yang lengkap yang dapat dikumpul oleh Kementerian ialah sehingga 31-12-87 yang mana bagi program perumahan sekim pembangunan tanah sebanyak 20,319 unit atau 35.3% daripada sasaran telah siap manakala bagi Program Perumahan Komersial Agensi Kerajaan, sejumlah 4,088 unit atau 31% daripada sasaran telah siap.

(iii) *Program Perumahan Pemaju Swasta*

Siap sebanyak 85,643 unit atau 23.1% daripada sasaran (sehingga 30-6-1988)

Bagi rumah kos sederhana pula, maklumat mengenai pencapaian pembinaan yang ada di Kementerian pada masa ini di bawah program-program utama adalah seperti berikut:

(i) *Program Perumahan Komersial Agensi Kerajaan.*

Sasaran Program ini di bawah RML ialah 5,400 unit sahaja. Walau bagaimanapun, sejumlah 10,974 unit telah dapat disiapkan (sehingga 31-12-87)

(ii) *Program Perumahan Pemaju Swasta*

Siap sebanyak 105,611 unit atau 72.3% daripada sasaran (sehingga 30-6-1988).

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat-maklumat mengenai kemajuan pelaksanaan projek-projek di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah yang telah dikemaskini oleh Kementerian adalah sehingga 31-11-1988. Kedudukannya bagi tahun pertama dan kedua ialah sebanyak 16,426 unit telah dapat disiapkan, manakala 76,638 unit di peringkat pembinaan dan 224,376 unit di peringkat awal pelaksanaan bagi ketiga-tiga tahun tersebut. Berdasarkan kepada pencapaian tersebut, adalah didapati kemajuan pelaksanaan projek belum lagi memuaskan dan langkah-langkah untuk mengatasinya telah dan sedang diambil.

Di antara langkah-langkah itu termasuklah:

- (i) Memastikan tapak-tapak projek adalah benar-benar sesuai untuk dimajukan dengan serta merta terutama bagi projek-projek yang akan datang (tahun ketiga).
- (ii) Mengadakan pemilihan kontraktor dengan secepat mungkin dan kontraktor yang dipilih adalah berkemampuan dari segi kemahiran dan keupayaan dalam melaksanakan projek.
- (iii) Memberi insentif serta galakan kepada pemaju supaya membina lebih banyak rumah kos rendah di samping mempercepat pelaksanaan; dan
- (iv) Memberi galakan kepada pembeli rumah kos rendah dengan tujuan meningkatkan permintaan berkesan.

(c) Untuk maklum Ahli Yang Berhormat, memandangkan prestasi yang kurang memuaskan, Kerajaan Persekutuan sedang mengambil tindakan-tindakan yang sesuai ke arah pencapaian matlamat menyediakan rumah kos rendah secara besar-besaran.

PERKESO—KEMALANGAN INDUSTRI

31. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Buruh menyatakan mengikut perangkaan kemalangan Industri yang dilaporkan kepada PERKESO bagi tahun 1987-November 1988 berjumlah 80,084. Kemalangan maut dalam masa yang sama ialah 329. Ini adalah angka yang besar, apakah tindakan Kementerian ini untuk mengurangkan berlakunya kemalangan tersebut.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Dalam menguatkuasakan Akta Kilang dan Jentera 1967 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Kementerian Buruh memang mengambil tindakan bagi mengawasi keselamatan pekerja-pekerja di tempat-tempat pekerjaan. Jurutera-jurutera dan pegawai-pegawai teknikal daripada Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian Buruh sentiasa menjalankan pemeriksaan berjadual dan pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa untuk membantu memastikan agar taraf keselamatan di dalam kilang-kilang dan tapak binaan adalah mengikut peraturan.

Jabatan Kilang dan Jentera juga menjalankan kegiatan galakan keselamatan di tempat kerja dengan mengadakan syarahan, ceramah-ceramah, kursus serta meminjamkan filem-filem keselamatan kepada majikan untuk ditayangkan kepada

pekerja-pekerja di kilang masing-masing. Kilang-kilang yang mempunyai lebih daripada 40 orang pekerja digalakkan supaya membentuk Jawatankuasa Keselamatan di mana para pekerja, majikan dan ahli kesatuan boleh mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti untuk mengenal pasti, membetulkan dan menjaga keadaan keselamatan di sekitar tempat pekerjaan mereka.

Kebanyakan daripada kemalangan yang telah berlaku adalah berpunca dari kecuaiannya pekerja itu sendiri ataupun kerana pekerja itu kurang memahami akan amalan-amalan keselamatan.

Usaha daripada pihak Kerajaan sahaja adalah tidak mencukupi untuk mengawal kemalangan di tempat-tempat pekerjaan. Kerjasama kedua-dua pihak majikan dan pekerja adalah lebih penting dalam menentukan agar program-program keselamatan itu diamalkan dengan berkesan.

RAPAT UMUM—PENGHARAMAN

32. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab Kerajaan enggan menarik balik pengharaman rapat umum dalam negara ini sementara beliau sendiri mengadakan rapat-rapat umum di seluruh negara atas nama SEMARAK untuk melancarkan serangan-serangan tajam ke atas musuh-musuh politik beliau yang tidak berpeluang menjawab dan yang diberi liputan luas melalui Radio dan TV Malaysia dan juga dalam akhbar-akhbar tempatan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pengharaman ke atas rapat-rapat umum di negara ini masih dikuatkuasakan untuk menghindarkan daripada berlakunya peristiwa-peristiwa buruk sebagaimana yang pernah berlaku pada 13 Mei 1969. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa siri SEMARAK

yang telah diadakan adalah bertujuan meningkatkan persefahaman dan kerjasama antara rakyat dan pemimpin Kerajaan di samping menyemai dan menanam perasaan taat setia kepada Raja dan Negara dengan menerangkan dasar-dasar Kerajaan berhubung dengan aspek-aspek seperti pembangunan, ekonomi dan keadaan semasa negara yang tidak ada kaitan dengan politik parti pemerintah.

JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PENYALAHGUNAAN

33. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan apakah maksud dan tujuan di sebalik pembentukan "Jawatankuasa Anti Penyalahgunaan" oleh Kabinet, sila juga menyatakan kuasa, fungsi dan tugas Jawatankuasa ini dan apakah keberkesanan Jawatankuasa tersebut setakat ini.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Jawatankuasa ini ditubuhkan berikutan cadangan Ketua Audit Negara semasa membentangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Akaun Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 1986, iaitu mencadangkan supaya ditubuhkan Jawatankuasa Kabinet yang turut dianggotai oleh seorang dua pegawai tinggi Kerajaan untuk mencari jalan mengelakkan penyelewengan dan memastikan tindakan-tindakan tata-tertib diambil secara berkesan.

Jawatankuasa ini bukanlah sebuah Jawatankuasa penyiasat dan ia tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan dan menjatuhkan hukum. Tujuan Jawatankuasa ini ialah untuk memperakukan kepada pihak Kerajaan akan langkah-langkah yang lebih berkesan bagi (a) mengurangkan kelemahan-kelemahan pengurusan rancangan jabatan dan (b) meningkatkan kesedaran terhadap akauntabiliti. Akhirnya, Jawatankuasa ini

mungkin perlu mengeluarkan beberapa panduan dan arahan untuk ditimbang oleh Kerajaan.

**PILIHANRAYA KECIL AMPANG
JAYA—PERUNTUKAN SEKOLAH
JENIS KEBANGSAAN (C)**

34. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan Kementerian apakah yang bertanggungjawab untuk memberi wang peruntukan kepada sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan (C) semasa kempen pilihanraya kecil Ampang Jaya baru-baru ini dan wang peruntukan sebanyak \$50,000 kepada SRJK (C) Poay Wah, Tanjung Bungah pada 10-2-1989 dan siapakah yang meluluskan peruntukan tersebut.

Datuk Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Kerajaan telah meluluskan peruntukan kepada dua buah sekolah rendah jenis kebangsaan (C) di kawasan Parlimen Ampang Jaya baru-baru ini. Peruntukan tersebut berjumlah \$95,000 dan diagihkan kepada sekolah-sekolah berikut:

- (i) SRJK (C) On Pong, — \$82,000
Ampang (untuk membina bangunan tambahan)
- (ii) SRJK (C) Kampung Baru, — \$13,000
Ampang (untuk membina bangunan tambahan)

Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan \$50,000 kepada SRJK (C) Poay Wah, Tanjung Bungah, Pulau Pinang.

**PENGANGGURAN—PELUANG
PEKERJAAN**

35. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada penganggur-penganggur dalam negara kita sekarang ini telah berkurangan atau bertambah dan apakah peluang-peluang pekerjaan yang telah diwujudkan sejak tahun 1988 hingga 1989 sebagai mata pencarian bagi penganggur-penganggur yang mengharapkan

pekerjaan. Adakah Kerajaan menggalakkan penganggur-penganggur ini berhijrah ke negara asing untuk mencari pekerjaan sementara ekonomi negara benar-benar pulih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Maklumat terbaru menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi negara bertambah baik. Dengan pertumbuhan tersebut kadar pengangguran di negara kita semakin menurun iaitu daripada 8.1% pada tahun 1988 kepada 8.0% pada tahun ini. Walau bagaimanapun, dari segi bilangan, pengangguran bertambah sedikit iaitu daripada 535,000 dalam tahun 1988 kepada 548,000 dalam tahun ini. Pertambahan ini mencerminkan gabungan kesan daripada bilangan penganggur yang terkumpul sejak beberapa tahun sebelum ini yang tentunya mengambil masa untuk diserap oleh pasaran buruh dan ditambah dengan mereka yang baru pertama kali memasuki pasaran buruh.

Sepanjang tahun 1988, pertambahan keseluruhan gunatengah adalah sebanyak 207,000 terutama adalah dalam sektor pembuatan yang menyumbangkan 45% daripada pertambahan tersebut, kedua ialah sektor perdagangan sebanyak 26% dan diikuti oleh sektor pertanian sebanyak 16%. Dalam tempoh yang sama, penempatan para pencari kerja yang berdaftar dengan agensi sektor awam juga menunjukkan corak penempatan yang sebahagian besarnya tertumpu kepada sektor pembuatan dan diikuti oleh sektor perdagangan dan perkhidmatan.

Mengenai galakan kepada penganggur untuk berhijrah ke negara lain bagi mendapatkan pekerjaan, Kerajaan tidaklah mempunyai dasar khusus mengenainya. Terpulanglah kepada penganggur untuk mengambil

peluang tersebut jika mereka merasakan sesuai dan berupaya berbuat demikian.

SYARIKAT/AGENSI KERAJAAN YANG TENAT

36. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sebab-sebab yang mengakibatkan kerugian yang ditanggung oleh syarikat-syarikat/agensi-agensi Kerajaan "tenat" dan langkah-langkah mengatasinya.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Sebab-sebab kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat/agensi-agensi Kerajaan sebenarnya telah beberapa kali dimaklumkan di Dewan ini. Namun demikian, ingin saya menarik perhatian terutamanya pada Ahli Yang Berhormat yang baru ini mengenai hakikat penubuhan syarikat/agensi Kerajaan. Syarikat/agensi Kerajaan yang telah ditubuhkan di negara ini pada umumnya mempunyai dua objektif iaitu objektif komersial dan juga sosial. Yang demikian, penilaian prestasi syarikat-syarikat berkenaan adalah tidak wajar dilihat dari segi kaca mata kewangan dengan menekankan kepada perkara untung rugi semata-mata. Sebaliknya aspek-aspek berbentuk sosio-ekonomi haruslah ditimbang di dalam membuat penilaian yang berkenaan.

Bagi syarikat/agensi yang berobjektif komersial seperti aktiviti-aktiviti pelaburan, penilaian melalui prestasi untung rugi haruslah ditekankan.

Terdapat berbagai sebab yang menjadi punca kerugian bagi syarikat/agensi Kerajaan di negara ini. Sebab-sebab tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Kelemahan-kelemahan pengurusan;
- (ii) Masalah pemasaran dan perancangan;
- (iii) Keadaan pasaran yang lembap;

(iv) Projek-projek yang diceburi memerlukan tempoh pulangan (gestation period) yang panjang;

(v) Nisbah gearing yang tinggi;

(vi) Pendedahan yang tinggi terhadap liabiliti luaran;

(vii) Penggunaan kapasiti yang kurang dari optima;

(viii) Kos pengeluaran yang tinggi; dan

(ix) Teknologi yang rendah.

Langkah-langkah adalah sentiasa diambil supaya syarikat/agensi berkenaan tidak berterusan mengalami kerugian. Kerajaan telah mewujudkan satu Unit Pusat Pengumpulan Maklumat pada tahun 1985 diikuti dengan penubuhan satu unit pengawasan di Kementerian Kewangan iaitu Unit Pengawasan Syarikat dan Agensi Kerajaan. Melalui unit-unit tersebut, pengawasan ke atas syarikat dan agensi Kerajaan dapat dipertingkatkan. Kajian dan analisa mengenai prestasi syarikat/agensi Kerajaan dapat dijalankan secara berterusan bagi menentukan arah dan masa depan syarikat/agensi yang berkenaan.

Bagi membantu melengkapkan lagi perakuan-perakuan mengenai syarikat/agensi Kerajaan yang berkenaan, Kerajaan juga bercadang melantik Firma-firma Akauntan untuk mengkaji secara yang lebih mendalam ke atas syarikat-syarikat/agensi yang mempunyai masalah. Sekiranya kajian yang dijalankan mendapati bahawa syarikat-syarikat berkenaan tidak lagi berupaya meneruskan operasinya maka tindakan menutupnya akan diambil. Sebaliknya jika didapati syarikat-syarikat tersebut mempunyai masa hadapan yang cerah maka tindakan untuk membaik pulih akan dilaksanakan.

Usaha-usaha penyusunan semula operasi dan pengukuran syarikat-syarikat berkenaan telah juga

dijalankan. Penyusunan semula organisasi, pengurangan kos serta mempelbagaikan keluaran bagi syarikat-syarikat yang dikenalpasti itu telah melibatkan juga pihak swasta serta kepakaran dari luar negeri.

Syarikat-syarikat/agensi Kerajaan yang merupakan satu entiti perniagaan adalah mengalami keadaan yang sama dengan syarikat swasta yang tidak dapat lari dari keadaan ekonomi sekeliling. Kelembaban di dalam industri tertentu serta juga keadaan harga komoditi yang lemah dan tidak menentu pada masa-masa yang lepas telah menjejaskan prestasi syarikat-syarikat/agensi Kerajaan itu. Walau bagaimanapun, dengan adanya sistem pengawasan yang lebih rapi dan dikemaskinikan dari semasa ke semasa, kerugian yang dialami oleh syarikat/agensi Kerajaan akan dapat diatasi dari semasa ke semasa.

(Soalan No. 37 sila lihat No. 13 pada 7-3-89).

RAKYAT MALAYSIA DIHUKUM PENJARA DI LUAR NEGERI

38. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapakah rakyat Malaysia yang dilaporkan dihukum penjara di negara-negara lain. Negara manakah yang mempunyai ramai banduan Malaysia. Dan samada Kementerian beliau sedar bahawa banduan Malaysia yang diserang oleh banduan-banduan asing semasa berlakunya pergaduhan masih lagi berada di hospital dalam keadaan kritikal di Indonesia. Apakah bantuan yang diberi oleh Kementerian beliau kepada mangsa seperti ini. Jika tidak ada bantuan yang diberi, mengapa.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Amatlah sukar untuk mendapatkan angka yang tepat mengenai jumlah rakyat Malaysia yang sedang menjalani hukuman penjara di luar negeri. Ini adalah disebabkan setengah-setengah

negara tidak memaklumkan kepada Malaysia mengenai tahanan yang telah dibuat terhadap warganegara kita. Keadaan ini lebih merumitkan kerana kita tidak mempunyai Perwakilan di kesemua negara-negara di dunia. Walau bagaimanapun angka yang ada dalam rekod Kementerian saya menunjukkan terdapat 445 warganegara Malaysia yang sedang menjalani hukuman penjara di luar negeri atas berbagai kesalahan. Dalam angka tersebut Singapura adalah merupakan negara yang mempunyai banduan Malaysia yang paling ramai iaitu seramai 199 orang.

Adalah tidak benar bahawa banduan Malaysia yang dikatakan diserang oleh banduan-banduan asing semasa dalam tahanan di Indonesia berada dalam keadaan kritikal. Banduan Malaysia yang bernama Chan Ting Chong telah mengalami sedikit kecederaan akibat perkelahian antara banduan dan dimasukkan ke hospital polis di Jakarta. Beliau telahpun dikeluarkan setelah berada selama 5 hari di hospital tersebut.

Kementerian Luar Negeri memang bertanggungjawab menjaga kepentingan warganegaranya di luar negeri dan dalam kes-kes seperti ini pegawai-pegawai di Kedutaan akan membuat penyiasatan serta memberi bantuan yang sewajarnya. Bagi kes di Jakarta, pegawai kita telah melawat banduan berkenaan di hospital serta memberi nasihat dan bantuan yang diperlukan.

(Soalan No. 39 sila lihat jawapan No. 8 pada 7-3-89).

TANAH TERBIAR UNTUK BERCUCUK TANAM

40. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (i) keluasan tanah terbiar yang sesuai untuk bercucuk tanam di

Semenanjung Malaysia dan di negeri Selangor Darul Ehsan sekarang;

- (ii) keluasan tanah terbiar yang telah diberi kepada peladang-peladang individu di Semenanjung Malaysia sepanjang tahun 1988.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Sukalah dimaklumkan bahawa mengikut kajian yang dibuat oleh Unit Perlaksanaan dan Penyelarasan (ICU) Jabatan Perdana Menteri dalam tahun 1978, terdapat kira-kira 565,000 hektar tanah terbiar di Semenanjung Malaysia. Dari angka ini 86,800 hektar adalah tanah sawah (padi) yang sesuai untuk bercucuk tanam. Kira-kira 26,000 hektar tanah-tanah terbiar ini terletak di negeri Selangor Darul Ehsan yang mana 1,407 hektar adalah tanah sawah.

Untuk makluman Y.B., tanah-tanah terbiar ini adalah tanah-tanah milik individu yang bererti bahawa tanah itu sudah ada pemilik. Oleh yang demikian, soal pemberian tanah-tanah terbiar itu tidak timbul. Usaha pemulihan ketika ini adalah di dalam bentuk selompokan, di mana tanah terbiar akan diusahakan secara kelompok melalui agensi seperti FELCRA mahupun persatuan Peladang. Terdapat juga pemilik-pemilik tanah sawah terbiar menyerahkan tanah sawah mereka untuk diusahakan oleh orang lain sama ada secara pajakan atau sewaan.

(Soalan No. 41. Sila lihat jawapan No. 13 pada 7-3-89).

HUKUMAN MATI BAGI PENGEDAR DADAH

42. Tuan Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada perjalanan hukuman mati bagi penganjuran dadah pada 1983 telah mengurangkan kes-kes penganjuran dadah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Semenjak hukuman mati mandatori dikuatkuasakan pada 5hb April 1983 berikutan dengan pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 pada tahun 1983 ada petanda-petanda yang menunjukkan kes-kes penganjuran dadah di dalam negara telah menurun.

2. Penganjuran-penganjuran dadah antara-bangsa yang menggunakan negara ini sebagai persinggahan telah didapati berkurangan. Sejak tahun 1985-1987 pihak polis hanya mengesan satu kes percubaan menyeludup dadah keluar negeri iaitu melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan kes ini berjaya dibenteras. Fakta ini disahkan dengan penangkapan beberapa orang rakyat Malaysia di negara-negara Eropah, Amerika Syarikat dan Australia. Dari maklum-balas yang diterima mereka tidak lagi berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Malaysia seperti yang lazim mereka lakukan sebelum ini. (Sila lihat jadual 2.1 di bawah).

2.1 Tangkapan Rakyat Malaysia di Luar Negeri

1985—

Negara	Tangkapan	Tempat Berlepas	
Belgium	5	Singapore	8
West Germany	1	Thailand	1
Britain	1	India	1
Italy	1		
			10
Russia	1		
Australia	1		
	10		

1986—

Holland	3	Singapore	3
West Germany	1	Thailand	1
	4		4

1987—

Australia	3	Singapore	6
Holland	2		
West Germany	1		
	6		

3. Disamping itu juga sejak akhir-akhir ini pihak polis tidak lagi mengesan pengedar-pengedar dadah dari luar negeri khususnya dari Australia, New Zealand, Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah yang datang ke Malaysia untuk mendapatkan bekalan dadah untuk diseludup pulang ke negara mereka.

4. Hukuman-hukuman yang berat juga telah berjaya mengurangkan bekalan dadah untuk penagih-penagih dinegara ini dan menurunkan ketulinan atau mutu dadah itu.

AKAUN PEMAJUAN PERUMAHAN

43. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Akaun Pemajuan Perumahan telah dilaksanakan, jika belum, apakah sebab kelewatan pelaksanaan itu apabila ia diperkenal dan diluluskan oleh Parlimen berikutan kelulusan pindaan kepada Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dalam bulan Mac tahun lalu.

Tuan Ng Cheng Kiat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan kepada Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 khususnya yang berkaitan dengan Akaun Pemajuan Perumahan masih belum lagi dilaksanakan kerana suatu peraturan yang munasabah mengenai pembukaan dan operasi akaun tersebut serta garis panduan yang akan digunakan oleh institusi-institusi kewangan mengenai akaun tersebut belum lagi disempurnakan.

JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PENYELEWENGAN

44. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah jawatankuasa menentang penyelewengan sudah diputuskan oleh Kabinet dan

adakah pengerusi dan anggota yang lainnya juga terdiri dari anggota-anggota Kabinet; dan

- (b) sila senaraikan nama-nama anggotanya.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor:

- (a) Jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 30 November 1988 semasa menimbang Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Akaun Kerajaan Persekutuan 1986. Dalam laporan tersebut Ketua Audit Negara mencadangkan supaya ditubuhkan Jawatankuasa Kabinet yang turut dianggotai oleh seorang dua pegawai tinggi Kerajaan untuk mencari jalan mengelakkan penyelewengan dan memastikan tindakan tatatertib diambil secara berkesan.

- (b) Senarai nama-nama anggotanya ialah seperti berikut:

- (i) Y.B. Menteri Pendidikan—*Pengerusi*
- (ii) Y.B. Menteri Kerja Raya;
- (iii) Y.B. Menteri Perusahaan Utama;
- (iv) Y.B. Menteri Buruh;
- (v) Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Kasitah bin Gaddam);
- (vi) Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor);
- (vii) Ketua Setiausaha Negara; dan
- (viii) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

TAHANAN ISA—SURAT YANG DITAHAN

45. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada

beliau sedar bahawa surat-surat tertentu daripada orang-orang tahanan ISA di Kem Tahanan Taiping di tahan oleh pihak berkuasa Kem, jika ya, bolehkah beliau mengarahkan Penguasa Kem memaklumkan kepada orang-orang tahanan sebab-sebab surat-surat mereka ditahan supaya dapat merayu kepada "Officer-In-Charge" Kem-Kem Tahanan sepertimana termaktub dalam kaedah-kaedah (Orang-Orang Tahanan) Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan juga memulangkan segala surat yang dihantar kepada orang-orang tahanan berkenaan sewaktu mereka dibebaskan jika tidak, mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan sedar bahawa ada surat-surat tahanan ISA di Kem Tahanan Taiping ditahan oleh pihak berkuasa Kem. Ini adalah selaras dengan tanggungjawab Penguasa Pusat Tahanan seperti mana Peraturan 83 (2), Internal Security (Detained Persons) Rules 1960 yang berbunyi:

"83 (2) A Superintendent or an officer authorised by him shall read every letter written by or addressed to any detained persons and if he consider it to contain any objectionable matter he shall detain it."

Walau bagaimanapun peraturan ini tidak mensyaratkan bahawa surat-surat tersebut perlu dikembalikan kepada orang-orang tahanan sewaktu mereka dibebaskan.

PULAU JEREJAK SEBAGAI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK

46. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada terdapat cadangan untuk memindahkan pusat tahanan di Pulau Jerejak dan jika tidak, kenapa. Sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada membuat sebarang permintaan bagi memindah semula pusat ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan masih memerlukan Pulau Jerejak sebagai Pusat Pemulihan Akhlak kerana kesesuaian tempat itu sebagai pusat tahanan dan kedudukannya yang strategik. Buat masa ini kerajaan belum ada rancangan untuk memindahkan orang-orang tahanan di pusat itu ke tempat lain.

NILAI EKSPORT DAN IMPORT

47. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejak penurunan nilai ringgit berbanding dengan matawang asing, berapa banyakkah tambahan dalam nilai eksport yang dirakamkan daripada sebulan ke sebulan berbanding dengan nilai import dalam tempoh masa yang sama. Berapa banyakkah tambahan dalam eksport ini dalam sebutan tan metrik mengikut jenis-jenis barangan sebelum kejatuhan nilai ringgit berapa banyakkah nilai eksport negara mengikut sebutan tan metrik pelbagai jenis barangan serta nilai wang masing-masing.

Dato' Kok Wee Kiat: Sejak kejatuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding dengan matawang asing utama dunia dan ianya begitu ketara mulai dari tahun 1986, prestasi eksport negara pada keseluruhannya telah meningkat sama ada dari segi nilai (value) mahupun kuantiti (volume). Peningkatan eksport ini melibatkan sektor bahan-bahan utama serta barang-barang keluaran pekilangan. Disepanjang tempoh penilaian ini, nilai eksport bulanan negara sentiasa mengatasi nilai import, kecuali pada bulan Julai 1986, di mana negara mengalami kurangan dagangan sejumlah M\$142.0 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara bulanan bagi tempoh 1986 hingga 1988, negara memperolehi purata lebihan dagangan bulanan adalah sebanyak M\$650 juta pada

tahun 1986, M\$1,100.4 juta pada tahun 1987 dan M\$1,005.9 juta pada tahun 1988. Maklumat lengkap dan terperinci akan diedarkan sebagai maklumat yang berasingan kepada Y.B. berkenaan.

Adalah sukar untuk menyebutkan pertambahan eksport mengikut sebutan tan metrik mengikut jenis-jenis barangan eksport bagi tempoh-tempoh yang dimaksudkan, kerana hanya sebahagian sahaja barang-barang eksport negara dinilai dari segi tan metrik (volume) dan nilai, sementara sebahagian yang lain hanya mempunyai nilai (value) sahaja, khususnya barang-barang perkilangan. Untuk maklumat dewan yang mulia ini, jumlah eksport negara pada tahun 1985 adalah sebanyak M\$38,017 juta, menurun sebanyak M\$2,296 juta (6%) ke M\$35,721 juta dalam tahun 1986. Eksport negara telah meningkat semula sebanyak M\$9,455 juta (26%), dalam tahun 1987 kepada M\$45,175.7 juta dan sebanyak M\$10,005 juta (22%) kepada M\$55,483.2 juta pada tahun 1988. Sementara itu eksport komoditi-komoditi utama negara meningkat pada keseluruhannya sungguhpun berlaku kejatuhan dalam nilai (value) bagi eksport petroleum mentah negara. Walau bagaimanapun eksport beberapa barangan utama negara yang lain, khususnya getah, kayu balak dan kayu bergergaji serta keluaran komponen elektronik (injak dan tiub termionik) dan tekstil serta pakaian dari segi kuantiti dan nilai adalah sentiasa meningkat sebelum dan selepas berlakunya penurunan matawang tersebut. Maklumat lengkap dan terperinci akan diedarkan sebagai maklumat yang berasingan kepada Y.B. berkenaan.

ZODIAC DEVELOPMENT SDN. BHD—SIASATAN

48. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan keputusan

siersatan ke dalam Zodiac Development Sdn. Bhd sebuah syarikat yang menjalankan satu projek perumahan kos rendah tanpa lesen, nyatakan tindakan yang telah diambil serta berikan butir-butir pemilikan.

Tuan Ng Cheng Kiat: Siasatan ke atas kes Zodiac Development Sdn. Bhd. masih lagi diteruskan. Kementerian ini akan tetap mengambil tindakan undang-undang bukan sahaja ke atas syarikat tersebut malah ke atas mana-mana syarikat pemaju perumahan yang didapati tidak mematuhi mana-mana peraturan Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 sebaik sahaja mendapat bukti-bukti yang sah.

Mengikut maklumat yang diperolehi daripada Pejabat Pendaftar Syarikat Malaysia, Syarikat Zodiac Development Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang telah ditubuhkan pada 15-10-1983 dengan tujuan antara lain sebagai sebuah syarikat pemaju, pelaburan harta dan pelaburan saham dengan modal berbilang \$2.00 kepunyaan:

- (i) Tan Gaik Im
207, Jalan Maarof,
Kuala Lumpur.
- (ii) Nasif Kaur
472-B6, Batu 3,
Jalan Ipoh,
Kuala Lumpur.

Pada 10-7-1985 sebanyak 125,000 saham berharga \$1.00 tiap-tiap satu dibayar oleh sebuah syarikat bernama:

JPH (M SDN. BHD).
62A, Jalan SS 21/39,
Damansara Utama,
Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

Pada 30-6-1988 nama-nama berikut telah dimasukkan ke dalam syarikat tersebut seperti berikut:

- (i) Hong Kong Fook Pengarah
3 Jalan SS 21/20, dan

Damansara Utama, Setiausaha
47400 Petaling Jaya,
Selangor Darul
Ehsan.

- (ii) Sufian bin Bidin Pengarah
94, Lorong Zaaba, Urusan
Taman Tun Dr
Ismail, 60000 Kuala
Lumpur.

Perkembangan selepas tarikh tersebut tidak terdapat dalam simpanan pendaftar syarikat.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat di-bacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh.” (14hb Mac, 1989)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

3.36 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan atas Titah Di Raja dan seterusnya memberi pandangan, teguran dan syor-syor yang membina terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri terutamanya mengenai Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN), Dasar Ekonomi Baru (DEB), penswastaaan, perpaduan, hal-hal perkhidmatan, penerapan nilai-nilai dan hal-ehwal Islam, penyeragaman cuti hujung minggu pada hari Jumaat, pendaftaran pengundi dan PETRONAS.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara keseluruhan memandangkan kebanyakan perkara yang dibangkitkan ada kait mengait di antara satu dengan lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, Pasir Mas, Bakri, Tanah Merah, Hulu Selangor, Ampang Jaya, Kapit, Kepong dan Jerai telah menyentuh beberapa aspek berkaitan dengan MPEN dan DEB.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Padang Terap supaya Kerajaan menumpukan usaha pembasmian kemiskinan secara menyeluruh di kalangan rakyat dalam kumpulan pendapatan 10 peratus ke bawah, suka saya jelaskan di sini bahawa Kerajaan sentiasa mengambil berat untuk membantu golongan miskin. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa dalam proses tersebut terdapat golongan yang ketinggalan dan ini termasuklah golongan 10 peratus ke bawah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Dalam usaha untuk

mengatasi masalah ini, Kerajaan akan menumpukan perhatian terhadap daerah-daerah dan kawasan-kawasan yang berkenaan di samping mengenalpasti individu-individu dan keluarga yang terlibat. Seterusnya, program-program bagi tujuan ini akan diperkemaskan lagi bagi memastikan supaya ia benar-benar memberi faedah kepada golongan sasaran. Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya program tersebut akan dilaksanakan pada tahun 1989-1990.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Hulu Selangor telah membangkitkan soal keberkesanan prestasi pemilikan sektor korporat di kalangan kaum masing-masing di bawah DEB. Kerajaan sedar mengenai hal ini dan sentiasa berusaha menilai pencapaian DEB, isu-isu ini sedang diberi perhatian.

Berhubung dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai MPEN, saya suka menegaskan bahawa memanglah menjadi tanggungjawab ahli-ahli Majlis tersebut yang terdiri daripada berbagai kaum dan berbagai lapisan masyarakat dari seluruh negara yang terdiri daripada ahli-ahli politik, wakil-wakil pertubuhan, persatuan pekerja, peniaga-peniaga penjaja kecil, nelayan, petani guru-guru ahli-ahli sejarah, profesor-profesor, cendekiawan-cendekiawan, penyelidik-penyelidik dan golongan minoriti memainkan peranan masing-masing dalam menentukan bentuk dasar baru yang hendak digubal.

Saya ingin menyeru pihak-pihak yang berkenaan dan pemimpin-pemimpin parti yang diberi peluang menduduki dalam MPEN mengambil sikap dan langkah yang positif dan mula bertindak memberi sumbangan mereka kepada negara menerusi penyertaan dalam MPEN.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada syor Ahli Yang Berhormat

bagi Hulu Selangor supaya Kerajaan mengkaji balik cadangan untuk menswastakan dua perkhidmatan utama iaitu Jabatan Pos dan Lembaga Letrik Negara, suka saya memaklumkan bahawa cadangan penswastakan kedua-dua perkhidmatan utama tersebut masih dalam pertimbangan Kerajaan. Kerajaan hanya membuat keputusan untuk menswastakan perkhidmatan ini selepas pertimbangan yang teliti dan berpuas hati bahawa penswastakan perkhidmatan ini menguntungkan semua pihak terutamanya kakitangan jabatan-agensi yang diswastakan dan juga para pengguna perkhidmatan tersebut.

Berhubung dengan syor Ahli Yang Berhormat supaya Kerajaan melantik juruperunding yang neutral dalam mengkaji penswastakan Sabah Gas Industries, suka saya memaklumkan bahawa juruperunding yang telah dilantik sememangnya memenuhi hasrat Ahli Yang Berhormat tersebut.

Ahli Yang Berhormat bagi Bakri telah menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan perpaduan negara khususnya mengenai Rukunegara.

Kerajaan memang mengambil perhatian berat tentang perpaduan negara. Semenjak tahun 1970, objektif Kerajaan dalam segala dasar ialah pemupukan perpaduan negara. Namun demikian, Kerajaan mengalu-alukan cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan diucapkan berbanyak terima kasih.

Mengenai Rukunegara, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sekarang sedang mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memesatkan usaha-usaha menerapkan nilai-nilai perpaduan dalam Rukunegara melalui satu rancangan yang dipanggil Rancangan

Pemasyarakatan Perpaduan yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Rancangan Pemasyarakatan Perpaduan ialah satu program Kerajaan untuk menerapkan ciri-ciri identiti nasional bagi membangunkan bangsa Malaysia berasaskan semangat persaudaraan dan kewarganegaraan yang tinggi melalui proses penerapan nilai-nilai murni mengenai perpaduan di kalangan semua lapisan masyarakat. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan menggunakan segala saluran dan prasarana pemasyarakatan yang sedia ada, termasuk strategi pendidikan melalui sistem pendidikan negara dan strategi media massa melalui media tercetak dan elektronik.

Ahli Yang Berhormat bagi Hulu Selangor telah menyentuh mengenai peranan Jabatan Perpaduan Negara dan sebab-sebab dibatalkan kelas perpaduan rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelas perpaduan rakyat adalah diperkenalkan untuk mengukuhkan perpaduan negara dan mengembangkan Bahasa Kebangsaan di kalangan rakyat berbilang kaum.

Kerajaan telah mengkaji peranan kelas perpaduan rakyat dalam aspek mengembangkan Bahasa Kebangsaan. Memandangkan Bahasa Malaysia telah berjaya digunakan seluas-luasnya dalam masyarakat menerusi pendidikan negara, maka didapati kelas tersebut tidak perlu lagi diadakan.

Sehubungan dengan itu, sebagai gantinya satu rancangan perpaduan baru dinamakan Program Pendidikan Tidak Formal diperkenalkan. Pada tahun 1988 sebanyak 70 pusat telah diwujudkan dan pada tahun ini jumlah yang sama akan diadakan. Program tersebut akan disertai oleh anggota masyarakat berbagai kaum. Antara module yang merangkumi program

tersebut ialah Nilai Bersama, Tanggungjawab Sosial, Kejiranan, Kewarganegaraan, Rukunegara, Unsur-unsur Perpaduan dan Individu dan Peranannya. Di samping itu, aktiviti kokurikulum diadakan seperti masakan, jahitan, gubahan dan pembaikan motor. Dengan itu, program ini akan dapat mengukuhkan nilai-nilai positif berhubung dengan persaudaraan dan kewarganegaraan.

Mengenai Kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) sehingga kini sebanyak 440 buah kelas telah diadakan. Kelas ini lebih menekankan pengukuhan TABIKA bagi memantapkan lagi proses perpaduan melalui pendidikan pra-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bakri dan Hulu Selangor telah membangkitkan penyertaan bukan bumiputera dalam perkhidmatan awam dan bilangan bukan bumiputera yang menduduki dalam jawatan tertinggi masih kecil bilangannya.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa dakwaan-dakwaan di atas adalah kurang tepat. Kalaupun benar lebih ramai bumiputera yang diambil menyertai sektor swasta mereka hanyalah sebagai kakitangan bawahan sahaja. Adalah diketahui umum bahawa tidak ramai kaum bumiputera yang mengisi jawatan-jawatan eksekutif di syarikat swasta. Sebaliknya peluang yang lebih besar telah diberikan kepada kaum bukan bumiputera untuk menyertai sektor awam, malahan telah ramai pegawai bukan bumiputera yang menunjukkan prestasi yang baik diberi peluang mengisi jawatan-jawatan tertinggi Kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa dan Pasir Mas telah membangkitkan isu mengenai menyeragamkan cuti hujung minggu pada hari Jumaat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan

memang sentiasa menghormati hari Jumaat. Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meneruskan cuti hari Jumaat di negeri-negeri tertentu dan tidak bercadang untuk menukarkan hari kelepasan mingguan hari Ahad kepada hari Jumaat kerana antara lain ianya tidak bercanggah dengan Islam dan tidak ada nas yang terang yang menghalang bekerja pada hari Jumaat.

Ahli Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa telah membangkitkan pelaksanaan penyelarasan waktu bagi seluruh negara pada 1hb Januari, 1982 iaitu mempercepatkan waktu selama setengah jam bagi Semenanjung.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat minta penjelasan.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamad Nor: Boleh.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa apa yang telah beliau bangkitkan sekejap tadi iaitu beliau mengatakan kita tidak dapat menyelaraskan hari cuti umum iaitu hari Jumaat kerana ianya tidak bercanggah dengan Islam. Apakah hujah itu tepat ataupun tidak untuk dijadikan alasan bahawa hari Jumaat itu tidak boleh diselaraskan, dan bagaimana pula Kerajaan boleh memberi cuti umum pada hari Ahad, sedangkan hari itu Ahli Yang Berhormat sendiri tahu adalah hari bagi agama lain dan tidak sesuaih bagi sebuah Kerajaan yang sedang berusaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam.

Yang kedua, apakah tak cukup lagi masa selama 30 tahun Kerajaan

Malaysia memerintah negara untuk mengkaji ataupun mendapat hujah yang kukuh bagi menyamaratakan cuti di seluruh Malaysia pada hari Jumaat. Saya minta supaya pihak Yang Berhormat itu memberikan hujah-hujah yang kukuh dan janganlah bawa hujah mengatakan Islam tidak melarang. Itu bukan hujah. Itu sahaja saya minta penjelasan.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamad Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang meminta hujah daripada saya, dan hujah yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu pun bukan hujah juga. Tetapi sebelum daripada saya menjawab, bolehkah saya tahu daripada Ahli Yang Berhormat, apakah hujah yang mengatakan penyelarasan itu perlu dibuat daripada kacamata Islam. Hendak tahu terlebih dahulu, ada hujah atau tidak.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh jawab tetapi tempat saya tak munasabah—kalau saya duduk di sebelah sana senang saya jawab. (*Ketawa*)

Yang keduanya pula, Ahli Yang Berhormat sendiri lebih tahu bagi tiap-tiap satu agama itu ada "hari". Jadi manakah hari bagi agama Ahli Yang Berhormat sendiri? Hari Jumaat—agama lain. Jadi apakah "hari" bagi agama Yang Berhormat sendiri?

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamad Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan hari ini saya dapat maklumat baru iaitu setiap agama ada "hari"-nya. Jadi, yang belum ini saya tahu bahawa bagi Islam ada hari yang istimewa, bukan hari Islam tetapi hari istimewa di dalam Islam, dia dua perkara yang berlainan iaitu hari Jumaat mengikut Islam adalah hari yang dianggap mempunyai keistimewaan tetapi bukan hari Islam, hari yang istimewa dalam Islam.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Penjelasan, boleh?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tak payahlah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tak puas hati sebab dia ini bukan hendak memberikan jawapan, tetapi dia hendak cuba mempolitikkan dengan apa yang dia tak boleh jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay, dia bagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Bagi, terima kasihlah. Saya harap Ahli Yang Berhormat tolong beri jawapan yang munasabah. Sebab, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia hendak jawab soalan itu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tak soal lagi hendak jawab macam mana. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti duduk dahulu, terserah kepada Menteri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Nanti ada soalan baru boleh jawab.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Dia sudah bagi tiga soalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti dahulu, Ahli Yang Berhormat sudah bagi tiga soalan. Dia belum jawab habis.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Sudah tiga soalan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya hendak soal, satu ketika dahulu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Macam mana, dua-dua Ahli berdiri ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, duduk dahulu!

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya ucapkan terima kasih kepada Wakil dari Pengkalan Chepa yang bertanya, dan saya berasa lega nampaknya Yang Berhormat makin faham hal Kerajaan sekarang ini. Sebelum ini tidak berapa faham; sekarang semakin faham.

Memang saya tidak menyebut tadi bahawa tidak ada nas itu sebagai—saya sebutkan sebagai perkara yang menjadi satu aspek apabila Kerajaan tidak memutuskan bahawa perlunya dibuat penyelarasan di seluruh negara supaya cuti pada hari Jumaat kesemuanya. Kalau balik kepada nas, ini barangkali Tuan Yang di-Pertua sama-sama tahu, beliau pun tahu barangkali, dan kalau tidak tahu maka patutlah tahu iaitu oleh kerana undang-undang ini ada macam-macam, tetapi saya hendak jelaskan perkara yang mudah difahamkan iaitu Al-Quran sendiri menyebutkan yang maksudnya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar dia habis dulu, Yang Berhormat.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: . . . yang maksudnya apabila seseorang itu diseru pada hari Jumaat, maka yang digesa oleh Al-Quran ini ialah supaya kita berhenti bekerja untuk menunaikan fardhu Jumaat sahaja, lepas itu maka hendaklah mereka bertaburan di bumi ini supaya meneruskan pekerjaan mereka. Ini adalah maksud daripada ayat Quran yang bermaksud juga

bahawa tidak ada satu keterangan di sini bahawa apabila sampai hari Jumaat, orang Islam mesti berhenti bekerja. Yang dituntut oleh Islam menerusi ayat yang saya jelaskan maksudnya tadi ialah bila kita diseru atau apabila kita mengikut setengah-setengah pentafsiran mendengar bang misalnya maka hendaklah kita berhenti bekerja dan kemudian kita pergi sembahyang Jumaat. Selesai sembahyang Jumaat, maka kesemuanya hendaklah bertaburan di bumi ini meneruskan perkerjaan masing-masing. Maka sebab itu apabila kita teliti Islam ini memang Islam merupakan agama yang mendorong orang bekerja dan pada masa yang sama Islam juga mendorong supaya setiap orang menunaikan ibadat mereka.

Mengenai dengan masalah kenapa tidak boleh diselaraskan di seluruh negara walaupun sudah lama kita mencapai kemerdekaan, penyelarasan sudah pun berlaku dalam perkara-perkara yang boleh diselaraskan dengan mudah dan tidak ada implikasi. Tetapi kalau kita lihat daripada segi pentadbiran sesebuah negeri yang hal ehwal Islamnya ditabirkan oleh setiap negeri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Hendak apa Yang Berhormat dari Pasir Mas?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Hendak minta penjelasan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya tak habis lagi jawapan untuk Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti dulu dia hendak menjawab

soalan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Dia belum habis lagi.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Lepas itu saya beri balikklah. Saya janjilah, saya beri.

Kalau kita lihat daripada kuasa setiap Negeri dalam hal cuti ini kita dapati Negeri telah pun diselaraskan di peringkat Negeri dalam bidang kuasanya. Tetapi dalam bidang kuasa Kerajaan Pusat, dalam menentukan perkara-perkara tertentu maka perkara cuti ini adalah perkara yang diberi kelonggaran untuk dipilih oleh Negeri-negeri berkenaan. Maka sebab itu kalau sebuah negeri yang mempunyai kuasa pentadbiran Islam seperti negeri Terengganu Darul Iman misalnya atau negeri Kelantan Darul Naim misalnya dan seterusnya apabila negeri berkenaan mengisytiharkan Jumaat sebagai cuti maka semua agensi-agensi Kerajaan dalam negeri berkenaan telah pun menerima itu sebagai satu perkara yang diamalkan oleh seluruh negeri yang berkenaan. Tetapi bagi sebuah negara Malaysia yang merupakan sebuah negara yang mempunyai beberapa banyak negeri maka sudah tentu perkara ini diuruskan oleh Kerajaan Pusat secara flexible. Saya beri peluang balik kepada Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (Bangun)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya rasa jawapan soal saya itu tidak habis lagi.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya beri kepada Ahli dari Pasir Mas dulu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Soalan saya . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat, dia beri Pasir Mas dulu, lepas itu boleh Yang Berhormat pula. Sebab ini terserah kepada Menteri yang berkenaan. Silakan Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ini bukan hendak berhujah tetapi hendak tanya, tetapi soalan saya ini memanglah berkaitan dengan hujah. Pertama sepatutnya Yang Berhormat Menteri yang bertanya saya, tetapi sekarang ini saya yang bertanya Yang Berhormat Menteri perbezaan dari segi ilmu, dari segi latar belakang; tinggal lagi saya hendak tanya di sini . . .

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia boleh membuat penjelasan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ya penjelasan. Bila disebut—memang kita tahu, semua orang tahu bahawa hari Jumaat hari istimewa dalam Islam dan sesudah kita menunaikan fardhu Jumaat, memang Islam mengajak supaya untuk terus mencari rezeki, buka kedai dan sebagainya; itu semua orang tahu. Tetapi soalnya kerana hari istimewa itu. Sebab itu di Saudi Arabia, Yang Berhormat tentu tahu, di negara-negara Islam lain kerana menghormati hari istimewa itu, sebab macam di negara kita, waktu hari Jumaat ada juga kedai-kedai dibuka. Bukanlah kita hendak menidakkan orang-orang bukan Islam, tidak. Tetapi di waktu sembahyang fardhu Jumaat, hari Jumaat ada kedai-kedai dibuka di bandar-bandar, yang tidak menghormati waktu tersebut. Maka sebab itulah di negara-negara Islam yang lain mengambil keputusan menjadikan hari Jumaat hari cuti dalam konteks itu; satu dan yang

kedua pula apakah sukarnya Kerajaan hendak menjadikan hari Jumaat sebagai hari cuti umum. Itu pertanyaan saya. Apakah sukarnya, betul mungkin dari segi perdagangan, perkara-perkara yang berkaitan yang disebutkan tadi negeri-negeri; tetapi selama ini pun Kerajaan ada melaksanakan perkara-perkara yang juga nampaknya sukar tetapi berani Kerajaan buat. Ini perkara yang akan disokong oleh seluruh umat Islam. Tentulah orang Islam akan rasa gembira kalau hari Jumaat itu dijadikan hari cuti umum. Gembira. Tetapi ada benda-benda yang rakyat tidak gembira walaupun ada yang sokong dan ada yang tidak sokong tetapi Kerajaan boleh berani buat macam lulus lesen itu lesen ini, Kerajaan boleh buat—berani buat. Tetapi kenapa ini tidak berani buat untuk kebaikan, untuk kepentingan bukan sahaja dari segi agama menghormati hari Jumaat dan sebagainya. Itu sahaja saya hendak tanya sebab saya ini tidaklah sedalam Yang Berhormat Menteri, Jadi janganlah pula hendak tanya saya benda-benda lain mungkin saya tidak boleh jawab. Cuma saya hendak tanya yang saya boleh tanya daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih jugalah kepada kawan saya yang datang daripada Pasir Mas, yang mengaku dia tidak berapa tahu dan dia mengakui bahawa saya lebih tahu walaupun saya tidaklah mendakwa sedemikian. Dan kalau sekiranya ada pengakuan yang sedemikian, kalaulah misalnya kita sedar tentulah orang itu akan pergi ke kampung orang menyatakan bahawa orang yang berkenaan itu tidak tahu apa. Saya dengar cerita ada juga orang yang tidak tahu tetapi pergi cerita kata orang yang tahu itu tidak tahu. Barangkali Yang Berhormat sedia maklumlah itu. Mengenai dengan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya hendak jawablah ini. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia memang hendak jawab Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Jadi. . . saya belum jawab lagi tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia belum habis menjawab, Yang Berhormat.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Itu pengenalan sahaja. (*Ketawa*) Pengenalan kepada jawapan. Mudah-mudahan. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia belum habis menjawab, Yang Berhormat.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Mudah-mudahan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dapat pelajari juga apa dia pengenalan, apa dia jawapan. Tadi itu pengenalan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit sahaja.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya fikir, biarlah saya jawab, soalan sudah selesai, maka giliran jawablah pula, Mengenai dengan penghormatan, sekarang kita bercakap mengenai dengan perkara yang berkaitan dengan Islam. Saudara

Yang Berhormat dari Pasir Mas bercakap mengenai dengan penghormatan terhadap Islam Marilah kita sama-sama renung apakah perkara yang penting yang kita tekankan bila kita hendak bercakap mengenai dengan cara menghormati Islam. Adakah kita hendak mengajak rakyat memusatkan pemilihan hari atau ada isu-isu lain yang lebih penting. Apabila kita hendak bekerja, hendak berbuat sesuatu, menjaga masa depan Islam, menjaga maruah Islam adakah dengan cara mengajak rakyat berfikir mengenai dengan pemilihan hari. Adakah cerdik bagi sebuah Kerajaan yang mungkin kalau sekiranya Yang Berhormat menjadi pemimpin mengajak rakyat berfikir mengenai dengan pemilihan hari sebagai simbol penghormatan kepada Islam. Perkara ini penting kita fikirkan supaya jangan ada di kalangan orang-orang Islam terbawa-bawa dengan keadaan atau terbawa-bawa dengan beberapa alunan ataupun gelombang yang kadang-kadang hanya pada lahirnya sahaja ada memberi kesan kepada Islam tetapi pada hakikatnya ia menghakis imej Islam. Apabila kedapatan orang-orang Islam diajak oleh segelintir manusia berfikir untuk mencari populariti di kalangan masyarakat Islam tetapi hakisan terus berlaku.

Jadi, perkara itu bagi saudara yang kurang tahu sebagaimana Yang Berhormat mengaku, eloklah kita sama-sama berfikir daripada satu masa ke satu masa apakah perkara yang penting kita fikirkan bila kita ingin bercakap mengenai dengan cara penghormatan terhadap Islam.

(Tuan Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

Adakah orang-orang Islam harus diseret kesemuanya untuk berfikir bahawa sesiapa yang tidak mengisytiharkan hari cuti umum sebagai hari Jumaat sebagai orang yang telah

menodai penghormatan terhadap Islam? Adakah kita semuanya bersetuju? Adakah kita lupa tentang kelemahan orang-orang Islam dalam bidang ekonomi dan juga dalam bidang pelajaran dan sebagainya. Maka di sini kita harus fikir apakah keutamaan yang harus diberikan kerana sudah jelas mengikut ajaran Islam ada juga priority dan inilah yang diajar oleh Muhammad s.a.w. Nabi kita bila Baginda mengembangkan Islam terdapat beberapa priority ataupun keutamaan-keutamaan bagi memelihara kepentingan yang lebih penting bukan hanya menimbulkan perkara-perkara untuk mendapat keuntungan yang sebentar sahaja. Mungkin kerana ingin memerintah atau ingin menang pilihanraya di Ampang Jaya dan sebagainya dengan hanya sekadar untuk tempoh waktu yang pendek sahaja. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jawapan ini panjang saya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun, hendak beri jalan pula?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Panjang ini. Sudah dekat setengah jam habis masa.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Ahli Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa telah membangkitkan pelaksanaan penye-
larasan waktu bagi seluruh negara pada 1hb Januari 1982 iaitu mempercepatkan waktu selama setengah jam bagi Semenanjung. Menurut beliau, penye-
larasan waktu ini telah menyebabkan ramai orang Islam yang bekerja terutamanya pegawai-pegawai Kerajaan tidak dapat menunaikan solah Subuh dengan tenang dan ada yang tidak

sempat menunaikan langsung setiap hari bekerja. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dakwaan tersebut adalah tidak benar kerana Kerajaan telah pun mengkaji secara menyeluruh kemungkinan masalah-masalah yang akan timbul sebelum penye-
larasan waktu tersebut dilakukan. Dari tinjauan yang telah dibuat ke atas reaksi masyarakat, Kementerian, Jabatan dan agensi-
agensi tertentu menunjukkan bahawa secara umumnya mereka tidak menghadapi apa-apa masalah dengan pelaksanaan penyeragaman waktu di seluruh negara. dari kenyataan-
kenyataan umum juga menunjukkan tidak terdapat komen-komen atau sungutan yang negatif daripada semua golongan masyarakat malah kebanyakan mereka menyokong ke atas penyeragaman tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Hulu Selangor juga telah menegur mengenai gerakan pemilih dan penyemakan Daftar Pemilih yang akan dijalankan. Adalah menjadi dasar Suruhanjaya. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun, hendak beri jalan?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tidak payahlah. Kalau orang lain tanya saya beri peluang, pasal dia seorang sahaja tanya, orang lain tidak tanya. (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Adalah menjadi dasar Suruhanjaya untuk seberapa yang boleh menggaji petugas-petugas berbagai kaum untuk menjalankan urusan-urusan pendaftaran pemilih di semua kawasan pilihanraya.

Berhubung dengan kesilapan yang terdapat dalam Daftar Pemilih amatlah tidak adil jika hendak dikaitkan kesilapan-kesilapan khususnya kesilapan kecil di dalam penyediaan Daftar Pemilih kepada perbuatan penyelewengan. Kesilapan dan penyelewengan adalah dua istilah yang membawa makna yang jauh berbeza.

Sukacita saya memberi jaminan bahawa penyelewengan tidak berlaku di Suruhanjaya Pilihanraya tetapi kesilapan-kesilapan kecil yang berlaku biasanya dapat diperbaiki setelah mendapat maklum balas daripada pihak-pihak yang terlibat. Oleh kerana Daftar Pemilih mengandungi nama dan butir-butir mengenai lebih daripada 7 juta orang pemilih, maka kesilapan-kesilapan kecil mungkin boleh berlaku. Kesilapan-kesilapan ini boleh diperbaiki dan tidak harus dikaitkan dengan penyelewengan.

Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas telah membuat tuduhan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya bukan benar-benar bebas dan tidak berkecuali di dalam semua tindak tanduknya di dalam pilihanraya khususnya pilihanraya Ampang Jaya. Perlu ditegaskan di sini bahawa Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai tahap kewibawaan yang tinggi sebagai badan bebas yang tidak sama sekali terlibat dalam politik mana-mana pertumbuhan yang mengambil bahagian di dalam pilihanraya itu. sebagaimana yang dilakukan di masa-masa yang lepas, sistem pilihanraya yang telah ditetapkan dan yang sentiasa dijalankan adalah tidak berubah.

Proses pilihanraya dari awal hingga akhir yang bermula dari saat menentukan tarikh-tarikh pilihanraya hinggalah kepada pengundian dan pengumuman keputusan pilihanraya telah sedikit pun tidak diubah sebagaimana ianya dijalankan sejak kira-kira 30 tahun yang lepas. Bagaimana ianya dijalankan pada tahun 1959, begitulah juga ianya

dijalankan pada tahun 1988 dan begitu jugalah ianya akan dijalankan pada tahun-tahun yang akan datang.

Keraguan yang timbul barangkali adalah akibat daripada keghairahan wakil-wakil calon. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun, boleh beri jalan?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Boleh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih. Saya hendak bercakap berkenaan soal hari Jumaat tadi, Tuan Yang di-Pertua, betul-betul tidak selesai lagi. Cuma saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri satu perkara. Tadi saya agak terkilan sebab apabila saya bangun tanya tadi, saya bangun tanya dengan rendah diri sebab saya hormati kepada orang tua, hormati kepada orang yang berilmu sebab itu saya kata saya tanya pada orang yang tahu tetapi Yang Berhormat telah mengambil kesempatan itu pula untuk memulakan mukaddimah dengan seolah-olah berkata bahawa seolahnya saya tidak tahu.

Saya boleh bercakap kalau saya hendak bercakap, hendak berbangkit, ikhlas saya cakap ini. Oleh kerana. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jadi oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah mengenai dengan Suruhanjaya Pilihanraya tadi iaitu apa yang saya bangkitkan dalam ucapan saya ialah untuk mengingatkan rungutan rakyat di mana di setiap pilihanraya, kertas undi yang diberi kepada pengundi-pengundi itu ditulis

nombor di kaki kertas undi. Yang menimbulkan kebimbangan pihak-pihak pengundi seolah-olah mereka ini akan diketahui, dapat dikesan siapakah mereka mengundi. Itu di antara kebimbangan yang ada di mana saya berharap Kerajaan dapat memberi perhatian, bukanlah hendak kata tuduh, apa Yang Berhormat hendak sebut tadi, sebutlah. Cuma saya ingin bangkitkan perkara-perkara yang saya anggap positif. Jadi janganlah pula hendak mengambil kesempatan di atas rendah diri kita itu hendak digunakan dengan untuk menyerang kita balik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu tidak bersangkutan dengan. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ya, tahu, tahu. (*Ketawa*)

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas pandangan yang ikhlas dan janganlah ragu bahawa kita sentiasa ikhlas dan perlulah teruskan keikhlasan ini selama-lamanya.

Saya belum habis lagi. Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan hal pilihanraya dan perkara yang diulas itu ada dalam jawapan yang akan saya jawab. Cuma minta sabarlah sekejap.

Keraguan yang timbul barangkali adalah akibat dari keghairahan wakil-wakil calon yang tidak benar-benar memahami proses yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Apa yang sebetulnya berlaku ialah pihak-pihak tertentu telah terlalu ghairah dan telah tenggelam dalam impian untuk menang. Mereka ini telah menimbulkan berbagai buruk sangka kerana perasaan ingin menang kuat yang ada dengan sendirinya melenyapkan sama sekali unsur-unsur rasional dalam fikiran mereka dan

akibatnya banyak hal menjadi keliru dan yang tidak ada pun boleh diadakan. Misalnya seperti mana yang dinyatakan oleh Wakil dari Pasir Mas langkah suruhanjaya mencatat nombor siri, ini sampai kepada pertanyaan dia, dia tidak dengar pula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas, ini jawapannya. (*Ketawa*)

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Misalnya, seperti mana yang dinyatakan oleh wakil dari Pasir Mas, langkah Suruhanjaya mencatat nombor siri pengundi di counterfoil kertas undi telah dikatakan sebagai sesuatu yang menunjukkan sikap Suruhanjaya itu yang tidak bebas.

Untuk makluman Yang Berhormat, proses seperti ini telah wujud sejak mula wujudnya undang-undang pilihanraya sejak tahun 1959 lagi. Tiap-tiap kali diadakan pilihanraya, proses ini berjalan tanpa dipersoalkan mana-mana pihak termasuk pilihanraya yang dimenangi oleh Yang Berhormat yang berkenaan pada tahun 1986 yang lepas. Apa yang berlaku di Ampang Jaya baru-baru ini adalah untuk memenuhi kehendak undang-undang dan sekiranya perkara ini tidak dilakukan maka akibatnya lebih buruk dari segi tohmahan dan tuduhan terhadap Suruhanjaya Pilihanraya oleh orang-orang yang kecewa yang sentiasa mahu menuduh Suruhanjaya memainkan peranan menentukan siapa harus menang dan siapa harus kalah. Tindakan mencatatkan nombor siri pemilih di counterfoil adalah bagi tujuan pemeriksaan oleh hakim mahkamah untuk menentukan tidak berlaku penipuan seperti penukaran kertas undi di dalam mana-mana pilihanraya dan di samping itu Suruhanjaya Pilihanraya akan mampu membela diri dari tuduhan oleh pengundi-pengundi yang mungkin mengheret Suruhanjaya

ke mahkamah dengan dakwaan mereka telah tidak diberi peluang untuk mengundi walhal mereka telah mengundi.

Langkah-langkah keselamatan yang ketat diambil oleh Suruhanjaya untuk menentukan kerahsiaan undi itu terjamin dengan menentukan bahawa semua kertas undi yang telah digunakan disimpan oleh Pegawai Pengurus dalam peti yang dikunci dan dimeteri. Proses ini disaksikan oleh wakil-wakil calon dan di samping itu counterfoil atau kaki kertas undi disimpan oleh Suruhanjaya sendiri menerusi proses yang sama dan hanya boleh dibuka setelah mendapat perintah mahkamah apabila terdapat petisyen pilihanraya. Jika tidak, kedua-dua dokumen ini akan dimusnahkan selepas disimpan selama 6 bulan dan pemusnahannya akan disaksikan oleh calon-calon atau wakil-wakil mereka. Itu jawapan saya dalam hal ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih. Yang Berhormat telah menggunakan asas. Perkara ini sudah lama dijalankan termasuk sehingga pada tahun 1986. Saya turut juga bertanding pada tahun 1986 dan saya bercakap sekarang ini dari sudut positif dalam konteks demokrasi. Sebab menulis nombor di counterfoil itu menimbulkan temptation iaitu keraguan rakyat bahawa mereka mengundi sesiapa akan diketahui. Sepertimana kata Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Soalnya iaitu kalau ada petition, kerana petition ini yang dibimbangkan oleh rakyat, sebab akhirnya dapat diketahui, rakyat rasa ada orang tahu bahawa mereka mengundi sesiapa. Sebab itu, pada asas itu, apakah tidak mungkin saya tanya, Kerajaan hendak mengkaji balik perkara ini. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sahaja.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan bila-bila masa sedia mengkaji balik bagi kepentingan rakyat. Suruhanjaya Pilihanraya telah menjalankan semua proses mengikut undang-undang dan untuk makluman Yang Berhormat berkenaan kebolehan Suruhanjaya untuk menjalankan pilihanraya dengan bebas dan adil bukan sahaja mendapat sanjungan rakyat bahkan mereka dari luar negeri mengakui terdapat proses pilihanraya yang teratur dan adil mengikut kehendak demokrasi yang tulen di negara ini. Hanya mereka yang kecewa dan mencari punca kesalahan untuk melindungi kekecewaan mereka sahaja yang mencari-cari kesalahan sebagai alasan menyebabkan mereka kalah dalam pilihanraya. Semua pihak harus sedar bukan Suruhanraya Pilihanraya yang akan menentukan kalah-menang sesiapa di dalam pilihanraya. Pada hakikatnya rakyat yang mengundi adalah pihak yang membuat kata-putus dan Ahli Yang Berhormat itu harus menghormati kebijaksanaan rakyat untuk memilih siapakah yang harus mewakili mereka.

Berhubung dengan rasuah politik, istilah ini adalah longgar dan umum yang mungkin menimbulkan takrif yang berbagai-bagai. Suruhanjaya Pilihanraya bukanlah badan yang bertanggungjawab berhubung perbuatan rasuah. Hanya mahkamah sahaja boleh memberi keadilan yang sewajarnya jika berlaku perbuatan rasuah yang boleh dibuktikan secara adil. Sekiranya kenyataan disebut secara am untuk memuaskan nafsu pihaknya maka ianya tidak akan membawa apa-apa faedah atau memberi kesan kepada mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai rungutan Ahli Yang Berhormat dari Marang yang menyatakan PETRO-NAS tidak menggunakan kapal-kapal

tangki Malaysia khasnya kapal-kapal MISC dalam penjualan minyak mentahnya, sukacitalah dijelaskan di sini iaitu adalah menjadi amalan antarabangsa penjualan minyak mentah dibuat secara f.o.b. Oleh itu pembeli-pembeli bebas memilih kapal-kapal tangki mereka sendiri bagi mengangkut minyak mentah yang dibeli. Sekiranya PETRONAS mengenakan syarat supaya pembeli menggunakan kapal-kapal tangki Malaysia, ini bermakna PETRONAS tidak mengikut amalan antarabangsa dan menyebabkan kedudukan minyak mentah Malaysia tidak setanding di pasaran antarabangsa dengan pengeluaran-pengeluaran minyak mentah yang lain.

Berkaitan dengan dakwaan menyatakan bahawa kapal-kapal Malaysia tidak digunakan bagi mengangkut gas asli sukacita ditegaskan bahawa dakwaan ini tidak benar. Keseluruhannya gas asli yang dicairkan (LNG) yang dipasarkan ke negara Jepun adalah diangkut oleh kapal-kapal tangki MISC yang khas diperbuat (dengan tujuan) untuk mengangkut gas ini. Perjanjian pengangkutan dengan MISC ini dibuat secara jangka panjang iaitu selama 29 tahun. Begitu juga dengan gas petroleum cecair atau LPG yang dieksport dengan menggunakan kapal-kapal tangki Malaysia iaitu kapal-kapal PNSL. PETRONAS sentiasa mengutamakan perkhidmatan kapal-kapal Malaysia dalam urusan perniagaan, misalnya minyak mentah yang dihantar ke Singapura untuk diproses dan pengangkutan barang-barang petroleum dari Singapura ke Malaysia adalah dengan menggunakan kapal tangki PERNAS Duyung. Bagi perkhidmatan pengangkutan, peralatan dan kelengkapan luar pantai bagi lapangan-lapangan minyak kesemuanya adalah dijalankan dengan kapal-kapal tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Semporna menyentuh kadar tambang

Feri Malaysia supaya dikaji semula bagi membolehkan lebih ramai dapat menggunakan kemudahan tersebut. Di sini ingin saya jelaskan pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji dengan tujuan menurunkan tambang Feri tersebut. Untuk makluman, kadar tambang tersebut adalah 30% lebih rendah daripada tambang kapal terbang dan kadar tambang adalah mengikut kelas. Kadar tersebut diberi potongan harga istimewa 10% hingga 50% kepada pesara, orang-orang cacat, penuntut dan rombongan besar serta dijalankan secara berterusan.

Ramai Ahl-ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai peranan Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Pengurusan Kerajaan dan meminta Jawatankuasa tersebut menyasiat kes-kes tertentu mengenai penyelewengan. Di sini ingin saya tegaskan bahawa Jawatankuasa ini ditugaskan mencari jalan mengelakkan penyelewengan dan memastikan tindakan-tindakan tatatertib diambil secara berkesan. Pada masa ini Jawatankuasa ini masih lagi dalam peringkat mendapat dan mengumpul laporan-laporan dan maklumat-maklumat mengenai sistem dan perjalanan pengurusan pentadbiran Kerajaan dari semua jabatan atau agensi berkaitan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa ini tidak ditugaskan untuk menyasiat kes-kes kecurangan dan penyelewengan kerana sudah ada badan yang diberi kuasa untuk membuat siasatan bagi kes-kes demikian. Di samping itu Jawatankuasa ini bukanlah sebuah Jawatankuasa penyasiat dan ia tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan dan menjatuhkan hukuman.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji telah meminta ditubuhkan sebuah pertubuhan hak asasi manusia....

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Mas bangun pula.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Bolehlah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai Jawatankuasa Anti-penyelewengan yang disebutkan tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa Jawatankuasa tidak ditugaskan untuk menyasat kes-kes penyelewengan, tetapi saya hendak bertanya Pengerusi kepada Jawatankuasa Penyelewengan ini banyak bercakap dalam suratkhbar bahawa hendak siasat orang ini, hendak siasat orang itu. Jadi bagaimana pula kenyataan Pengerusi kepada Jawatankuasa Penyelewengan ini dengan kenyataan Yang Berhormat tadi?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak berapa jelas bagaimana Pengerusi bercakap mengenai dengan kes-kes. Saya fikir kita kenalpasti kenyataan-kenyataan itu adalah kenyataan sewaktu menerangkan keputusan Jawatankuasa ataupun dalam capacity yang lain. Walau bagaimanapun perkara itu saya akan ambil ingatan, saya tidak boleh memberi jawapan lebih daripada itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji telah meminta ditubuhkan sebuah pertubuhan hak asasi manusia ataupun sebuah cawangan Amnesty International di Malaysia. Kerajaan tidak bercadang hendak menubuhkan sebuah pertubuhan hak asasi manusia ataupun sebuah cawangan Amnesty International. Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan jaminan terhadap hak asasi manusia bagi rakyatnya. Masalah jaminan ini telah disalahtafsirkan dan disalahgunakan oleh sebilangan mereka yang tidak bertanggungjawab. Mereka telah menggunakan jaminan ini untuk bercakap atau berucap apa sahaja atas nama kebebasan bercakap dan berbuat apa sahaja atas nama kebebasan bertindak sehingga tergugat

keselamatan rakyat yang juga berhak hidup dalam keadaan aman dan tenteram. Bagi negara yang mempunyai berbilang kaum seperti Malaysia, keselamatan negara adalah tidak kurang pentingnya daripada hak asasi manusia oleh kerana tanpa keselamatan negara sesiapa pun tidak dapat menikmati erti yang sebenarnya hak asasi manusia itu. Negara ini akan berada dalam keadaan anarki dan akhirnya akan hancur.

Pihak Kerajaan suka mengingatkan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini supaya tidak berlindung di belakang berbagai konsep "universal" oleh kerana mereka akan tenggelam dalam dunia fantasi. Mereka harus bangun dari dunia fantasi ini dan menerima keadaan dan hakikat yang sebenarnya yang wujud di negeri mereka sendiri, iaitu tiap-tiap kaum di Malaysia ini adalah sentiasa sangat sensitif dan mempunyai penuh emosi terhadap isu-isu perkauman. Menggunakan isu-isu perkauman untuk kepentingan politik adalah satu-satu tindakan yang merbahaya dan Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka ini. Bagi negara Malaysia, hak asasi rakyat untuk hidup dalam keadaan aman, tenteram adalah lebih penting daripada hak asasi sebilangan mereka yang tidak bertanggungjawab dan yang sentiasa memperjuangkan hak asasi mereka berucap dan bertindak sewenang-wenangnya.

Mengenai penyelarasan zakat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sabak Bernam, suka saya jelaskan bahawa satu deraf Undang-undang Zakat dan Fitrah telah siap digubal dalam tahun 1987 dan dikemukakan kepada pihak berkuasa Agama Islam Negeri untuk diterimapakai. Apabila semua negeri menerimapakai undang-undang itu maka akan berlakulah keseragaman dalam pelaksanaan kutipan dan pembahagian zakat di

seluruh negara. Zakat dan fitrah adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri.

Mengenai apa yang dikatakan percanggahan antara Badan Perunding Islam dan Pusat Islam dalam urusan penyelarasan zakat, suka saya membetulkan tanggapan yang kurang tepat itu. Badan Perunding Islam bukanlah sebuah Jabatan atau agensi tersendiri tetapi hanya satu forum atau majlis yang berfungsi memberi nasihat dan perakuan-perakuan dalam perkara tertentu di bawah Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Perkara-perkara yang dibincangkan boleh dibawa kepada perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pada kebiasaannya akan meminta kajian lanjut dibuat oleh Bahagian Hal Ehwal Islam. Pusat Islam pula adalah nama bagi satu kompleks di mana ditempatkan sebuah Jabatan Kerajaan yang dinamakan Bahagian Hal Ehwal Islam.

Mengenai syor-syor beliau berkaitan dengan rancangan taqmir masjid dan kelas al-Quran untuk kanak-kanak, perkara itu akan dipertimbangkan.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, komen, pandangan serta syor-syor yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Saya mohon maaf sekiranya saya tidak berkesempatan menjawab atau menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, namun demikian perkara ini telah dicatat.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sedikit sahaja.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: . . . telah dicatat dan

akan diambil perhatian oleh Jabatan Perdana Menteri dan saya mohon maaf kalau sekiranya ada kesilapan dalam jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Dalam Negeri.

4.22 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan dasar Kementerian Dalam Negeri semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Duli pada masa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh.

Di antara perkara-perkara dasar yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah menyentuh mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri, keselamatan di Sabah, pembangunan untuk Orang Asli, masalah pentadbiran Polis Diraja Malaysia, masalah pendatang tanpa izin di Malaysia Barat dan di Sabah. Saya akan berusaha menjawab atas teguran, pandangan dan pendapat yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Ipoh dan Kuching mendakwa bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah zalim dan memohon supaya semua orang-orang tahanan yang sedang ditahan dibebaskan tanpa syarat. Mengenai pembebasan orang-orang tahanan ISA, ianya bergantung kepada sejauh mana mereka yang ditahan tidak lagi menimbulkan sebarang ancaman kepada keselamatan negara selain dari menyambut baik rancangan pemulihan yang dijalankan dari masa ke masa.

Mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri yang dikatakan satu Akta yang zalim adalah merupakan satu tuduhan yang tidak tepat kerana melalui pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan lain-lain Aktalah yang dapat membendung masalah keselamatan negara dan akhirnya membolehkan rakyat negara ini hidup dengan aman damai serta menikmati segala kemewahan hidup.

Isu tahanan Keselamatan Dalam Negeri ini telah berkali-kali dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini, maka saya tidak bercadang untuk mengulangi lagi.

Yang Berhormat dari Kuching mendakwa bahawa anggota polis menggunakan kekerasan terhadap mereka yang masih dalam siasatan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Mengenai ini, saya mengulangi bahawa anggota polis tidak dibenarkan sama sekali menggunakan kekerasan ke atas orang yang sedang disiasat. Arahan Ketua Polis Negara juga telah dikeluarkan dan anggota-anggota polis diperingatkan dari masa ke semasa. Pihak Kementerian Dalam Negeri dan Polis akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas anggota yang melanggar arahan ini. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat tentang pelanggaran arahan tersebut bolehlah menyampainya kepada polis atau Kementerian Dalam Negeri untuk tindakan sewajarnya.

Yang Berhormat dari Hulu Selangor menegur mengenai kelambatan Kementerian Dalam Negeri memproses permohonan untuk menjadi warganegara ataupun pemastautin tetap di negara ini. Mengenai ini, dimaklumkan bahawa Kementerian Dalam Negeri tidak melengah-lengahkan permohonan kewarganegaraan mahupun bagi mendapatkan taraf pemastautin tetap. Sekiranya masih ada pemohon-pemohon yang belum menerima

keputusan dalam satu masa yang munasabah, mereka boleh bertanyakan kedudukan permohonannya di Jabatan berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat tempoh bermastautin bukanlah satu-satunya sahaja kelayakan untuk memperolehi kewarganegaraan mahupun taraf penduduk tetap, setiap permohonan akan diteliti mengikut merit seseorang itu.

Yang Berhormat dari Marudu menyentuh mengenai masalah pendatang tanpa izin di Sabah. Di antara lain Yang Berhormat tersebut mencadangkan supaya Kementerian Dalam Negeri menyerahkan kuasa Imigresen kepada Kerajaan Negeri Sabah supaya masalah pendatang tanpa izin dapat diselesaikan. Mengenai ini, Kerajaan telah memutuskan bahawa isu pendatang tanpa izin dari luar negeri adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, dengan itu tidak timbul keperluan menyerahkan kuasa Imigresen kepada Kerajaan Negeri Sabah. Kerajaan Persekutuan sedang mengambil tindakan serta langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah pendatang tanpa izin.

Yang Berhormat dari Pasir Mas membangkitkan masalah berhubung dengan kebajikan anggota polis. Di antara lain Yang Berhormat itu menyentuh mengenai masalah tempat kediaman anggota polis yang kurang memuaskan dan masalah kekurangan kemudahan dan peralatan di sesebuah pejabat atau balai polis. Mengenai teguran Yang Berhormat ini, sememangnya Kerajaan memberi perhatian untuk mengatasi masalah tersebut dan dalam setiap rancangan pembangunan negara disediakan peruntukan untuk projek-projek perumahan dan rumah-rumah kediaman. Begitu juga dengan peralatan dan lain-lain kemudahan akan diperbaiki dari masa ke semasa.

Yang Berhormat dari Marang menyentuh mengenai peranan

Kementerian Dalam Negeri dalam pembangunan Orang Asli, dikatakan untuk membangun masyarakat Orang Asli agak sukar kerana Orang Asli diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Seterusnya beliau mencadangkan supaya Orang Asli diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Kedudukan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di bawah Kementerian Dalam Megeri masa ini adalah munasabah kerana penempatan Orang Asli berada dalam kawasan keselamatan. Dengan demikian, masalah-masalah berkaitan dengan Orang Asli ada hubungannya dengan urusan-urusan keselamatan.

Mengenai pembangunan Orang Asli, sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan telah, sedang dan akan terus membangunkan masyarakat Orang Asli tanpa mengira di bawah Kementerian mana ianya berada dalam setiap rancangan pembangunan negara diadakan berbagai projek bertujuan untuk memajukan Orang Asli. Di antara projek-projek yang telah dilaksanakan ialah pembinaan rumah-rumah, sekolah, asrama, klinik dan lain-lain kemudahan infrastruktur. Melalui penyediaan projek-projek pembangunan itu taraf hidup Orang Asli telah dapat dipertingkatkan.

Yang Berhormat dari Semporna merayu dan berharap supaya Pasukan Keselamatan dapat mengadakan rondaan sepanjang masa serta menambahkan lagi bilangan anggota keselamatan di negeri Sabah untuk menghapuskan ancaman lanun dan perompak di Sabah, khasnya di pantai timur Sabah. Mengenai rayuan Ahli Yang Berhormat ini, ianya akan diberi perhatian sewajarnya.

Yang Berhormat dari Pasir Pinji menyarankan supaya Menteri Dalam Negeri mempercepatkan kelulusan pendaftaran pertubuhan hak asasi. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga ini Pendaftar Pertubuhan

belum lagi menerima permohonan menubuhkan pertubuhan hak asasi. Jika permohonan diterima, pihak Pendaftar Pertubuhan akan menimbangankan berpandukan kepada peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

Yang Berhormat dari Pasir Pinji juga mempersoalkan keputusan Kabinet berhubung dengan masalah pendatang tanpa izin, dikatakan pendatang tanpa izin yang bekerja di sektor perladangan diberi tempoh 6 bulan untuk mendaftar dengan Jawatankuasa pengambilan pekerja asing yang dibenarkan menetap di negara ini selama 3 tahun. Tambah lagi, langkah Kerajaan ini dikatakan bertentangan dengan undang-undang. Mengenai ini, Kerajaan telah membuat keputusan untuk memperbetulkan kedudukan buruh-buruh tanpa izin Indonesia yang sedang bekerja di sektor perladangan di negara ini mengikut undang-undang yang sedia ada. Pendaftaran ini tidak akan menggalakkan kebanjiran kemasukan buruh tanpa izin Indonesia ke negara ini kerana ianya melibatkan pekerja-pekerja yang sedang berada di negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam membangkitkan hal-hal yang telah diketengahkan mengenai kumpulan Semangat 46 yang dikehendaki didaftarkan sebagai sebuah parti dan mencabar supaya Kerajaan menerima kumpulan ini sebagai sebuah parti politik yang didaftarkan. Mengenai perkara ini saya rasa eloklah buat permohonan secara rasmi. Ini akan dipertimbangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam dan Bagan Serai membangkitkan masalah berbagai-bagai jenis perjudian yang berleluasa pada masa ini dan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut. Untuk makluman, perkara ini telah pun dijelaskan oleh Ketua Polis Negara dengan panjang lebar

dalam sidang akhbarinya semalam. Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam meminta Kerajaan menjelaskan pendiriannya terhadap novel "Satanic Verses". Kementerian Dalam Negeri telah pun membuat pengumuman rasmi ke atas perkara ini baru-baru ini iaitu mengharamkan kemasukan buku tersebut juga makalah-makalah luar atau dalam negeri yang ada petikan dari buku tersebut.

Saya ingin menjelaskan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Belud dan memaklumkan bahawa Kerajaan dari masa ke semasa menjalankan siasatan berhubung dengan masalah sindiket-sindiket mengeluarkan kad pengenalan palsu dan jika terbukti maka Kerajaan tidak ragu-ragu mengambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa sekarang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 1987 dan 1988, pihak berkuasa telah menangkap 12 orang yang disyaki terbabit, di mana 8 daripada mereka telah disabitkan dan menjalani hukuman penjara dari 2 bulan hingga 2 tahun mengikut tahap kesalahan, sementara 4 lagi masih dalam siasatan. Mengenai dengan pengeluaran berlebihan semua jenis kad pengenalan, Kerajaan tidak mempunyai makluman dan Jabatan Pendaftaran Negara belum pernah mengeluarkan kad-kad pengenalan melebihi jumlah penduduk di sesuatu negeri. Kerajaan hanya mengeluarkan kad pengenalan kepada mereka yang telah mencapai umur 12 tahun sahaja. Berhubung dengan saranan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Di Raja bagi mengatasi pendatang haram, Kerajaan Persekutuan berkemampuan mengatasi masalah pendatang-pendatang haram. Dengan demikian, tidaklah perlu dilantik sebuah Suruhanjaya. Kerajaan akan mengambil tindakan di bawah undang-undang jika terbukti rakyat-rakyat

asing yang menyalahgunakan pas lawatan sosialnya.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah mempertikaikan dan menyatakan bahawa Akta ISA itu adalah suatu Akta yang kejam dan haram. Tentang perkara ini telah pun saya jelaskan sebentar tadi, di mana seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuching. Berhubung dengan pampasan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, sukalah saya jelaskan bahawa perkara tersebut sebenarnya tiada timbul oleh kerana Jashua Jamaludin, Mohd. Helmi dan Philip Chong telah mengambil tindakan *habeas corpus*.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ulasan saya atas teguran-teguran dan pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat. Manamana teguran atau pandangan yang tidak sempat dijawab.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan keselamatan yang rasa saya ada dibangkitkan oleh beberapa Ahli Parlimen, di antara lain mengenai dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Arau bersabit dengan grand design. Apakah Kementerian Dalam Negeri akan membuat siasatan terhadap dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Arau, kerana ia ada hubungkait. Sama ada Kementerian Dalam Negeri bercadang untuk menyiasat ataupun dalam pengawasan Kementerian Dalam Negeri.

Berhubung dengan Biro Tata Negara, sebab Biro Tata Negara adalah merupakan satu Biro yang penting. Tetapi sepanjang masa bunyinya menjadi masalah, masalah

demi masalah sejak beberapa tahun yang lalu dan akhirnya ianya menjadi agensi kepada sesuatu individu pemimpin dan saya difahamkan dalam Biro Tata Negara sekarang ini yang diprojekkan ialah individu-individu tertentu dan memburukkan orang-orang tertentu. Bukan menimbulkan kasih sayang kepada negara ataupun kepada matlamat Biro Tata Negara itu ditubuhkan dan mereka yang di dalam Biro Tata Negara, saya seimbab dapat tahu nama-nama mereka ini yang sebahagiannya dalam Angkatan Belia Islam Malaysia di masa dahulu, malah dari parti PAS pun, Alhamdulillah ada ramai juga wakil-wakil pas yang tidak tahu pun, berada dalam Biro Tata Negara yang diundang menjadi penceramah dan saya rasa inilah yang menimbulkan apa yang dikatakan "grand design" seperti yang dibangkitkan oleh wakil dari Arau, terutamanya beberapa peranan dan fungsi agensi Kerajaan ini. Saya ingin mencadangkan supaya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tadi, bukan cadangan. Bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah pihak Kementerian Dalam Negeri akan membuat penyiataan kerana saya ingin mencadangkan, kalau boleh Biro Tata Negara ini dibubarkan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, segala apa yang berlaku, terutama suasana politik memanglah ada pihak-pihak yang monitor, dengan izin, tetapi daripada apa yang telah dimonitorkan itu saya belumlah lagi menerima satu monitoring, dengan izin, yang dikatakan sebagai grand design itu.

Dengan sebab itu saya tidaklah dapat memberi komen apa-apa seperti yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat tersebut. Bagaimanapun pihak yang berkenaan dan yang bertanggungjawab akan sentiasa melihat dan meneliti akan perkara ini. Tentang perkara BTN ini, oleh kerana ianya di luar bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri, saya minta maaf, saya tidak dapat memberi penjelasan.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Sudah habis.

Tuan Sim Kwang Yang: Adakah dia tidak sanggup layan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dia sudah habis berucap.

Tuan Sim Kwang Yang: Sudah habis!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

4.35 *ptg.*

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja pada 6hb Mac, 1989 yang lalu. Saya suka memberi penjelasan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya mengenai penyediaan infrastruktur di luar bandar, program amalan makanan dan permakanan, rancangan pemulihan kampung, peranan Majlis Amanah Rakyat dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kapit telah membangkitkan masalah kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan bekalan air di negeri Sabah dan Sarawak. Kementerian ini akan terus memberikan perhatian terhadap keperluan kemudahan-kemudahan asas di kawasan luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak. Oleh kerana kedudukan kampung-kampung di Sabah dan Sarawak terletak terpencil dan jauh di pedalaman, dan ini menyebabkan kos bagi mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti air dan elektrik terlalu tinggi. Namun demikian, Kerajaan akan terus berusaha untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas ini peringkat demi peringkat.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap pula telah membangkitkan masalah amalan makanan dan permakanan dan kesihatan penduduk luar bandar. Kementerian memang sedar tentang keadaan amalan makanan dan pemakanan dan kesihatan di kalangan penduduk miskin di luar bandar yang kurang memuaskan. Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian dan Kementerian ini terus memberi perhatian terhadap perkara ini. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar melalui KEMAS mengadakan berbagai program untuk membaiki taraf amalan makanan dan permakanan penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marudi menyentuh mengenai rancangan pemuliharaan kampung yang akan dilaksanakan semula. Adalah dimaklumkan bahawa rancangan tersebut akan menumpukan kepada bantuan membaikpulih rumah bagi golongan termiskin di seluruh negara. Kerajaan memang sedar bahawa peruntukan yang disediakan di bawah program ini tidak akan dapat memenuhi keperluan

semua golongan miskin yang meliputi kawasan dan angka yang besar. Walau bagaimanapun di samping program tersebut terdapat juga program-program lain dan juga melalui berbagai agensi Kerajaan yang dilaksanakan bagi membantu meningkatkan taraf hidup golongan miskin. Saranan dan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Marudu akan diambil perhatian dari masa ke semasa dan tambahan peruntukan akan dibuat berdasarkan keupayaan kewangan negara.

Ahli Yang Berhormat dari Kapit menyentuh tentang pengagihan peruntukan pinjaman yang dikeluarkan oleh MARA Sarawak. Sehubungan dengan ini, sukalah saya menegaskan apa jua program yang dilaksanakan adalah untuk keseluruhan orang-orang Melayu dan kaum bumiputera. Dalam mengagihkan peruntukan-peruntukan kewangan yang diperolehi pembahagian adalah berasaskan kepada projek-projek yang akan dilaksanakan di bawah program-program tertentu dan bukan berasaskan kepada kaum. Sehubungan dengan itu peruntukan Kewangan yang telah dikhaskan bagi negeri Sarawak untuk semua projek-projek MARA dari tahun 1986 hingga 1988 adalah seperti berikut; 1986—\$3.293 juta; 1987—tiada, 1988—\$6.071 juta; bermakna bagi 3 tahun yang berkenaan ialah \$9.364 juta.

Walaupun bagaimanapun, perbelanjaan-perbelanjaan yang sebenarnya dibuat adalah lebih besar daripada jumlah-jumlah peruntukan di atas disebabkan bagi setengah-setengah program seperti penganjuran pelajaran dan pembangunan usahawan, peruntukan kepada MARA adalah diberi secara multi. Sementara bagi program pinjaman perniagaan pula, walaupun tiada peruntukan dari Kerajaan, pinjaman

terus dikeluarkan dengan menggunakan sumber kewangan daripada bayaran balik pinjaman. Jumlah keluaran pinjaman bagi negeri Sarawak untuk tahun 1986 hingga Jun 1988 adalah sebanyak 233 orang bernilai \$1.538 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit telah membangkitkan beberapa perkara yang menyentuh bidang kuasa agensi FELCRA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fungsi FELCRA adalah untuk memaju dan memulihkan tanah-tanah di mana tanah-tanah yang tidak diusahakan atau terbiar sebelumnya dipulih dan dimajukan supaya pemiliknya mendapat faedah dari tanah yang diusahakan itu. Melalui usaha pembangunan FELCRA, penggunaan tanah ini dipertingkatkan supaya pemiliknya mendapat faedah dari tanah yang diusahakannya itu di samping dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan melalui program yang dilaksanakan. Selain dari itu, peserta-peserta juga diberi peluang untuk menambahkan pendapatan dan mempertingkatkan penggunaan tanah serta diwujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi penduduk sekitar. Apa yang terlibat di sini ialah bukan sahaja tanah-tanah mereka yang dibangunkan tetapi usaha atau projek-projek sampingan juga dilaksanakan untuk menambahkan pendapatan peserta. Inilah keadaan yang wujud di rancangan-rancangan yang dimajukan oleh FELCRA seperti rancangan FELCRA Nasaruddin ini.

Mengenai soal penggembelangan tenaga agensi-agensi yang terlibat bagi menjadikan tanah lebih ekonomik, pihak Kementerian akan berusaha sedaya upaya ke arah itu. Dari segi kerjasama Kementerian dengan Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain adalah digalakkan kerana dengan wujudnya kerjasama ini, kita

dapat memastikan bahawa usaha-usaha pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan itu akan dapat mencapai kejayaan. Sebagai contoh, Kementerian sendiri melalui program-program pembangunan luar bandarnya ada mendapat kerjasama.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Parit bangun, Yang Berhormat.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Penjelasan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa mempertingkatkan faedah pemilik dan juga pendapatan. Saya ingin penjelasan yang lebih bersabit dengan pendapatan dan juga faedah pemilik kerana saya difahamkan rancangan FELCRA Nasaruddin dari sudut pemilik, hutang yang ditanggung oleh kesemua peserta meningkat dari setahun ke setahun padahal bayaran hutang ini senantiasa dipotong. Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi Kementerian mendapat kerjasama dari berbagai agensi dan Jabatan Kerajaan yang lain dalam melaksanakan programnya. Bagi menjawab soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat tadi, Tuan Yang di-Pertua, suka saya nyatakan bahawa adalah benar elemen bertambahnya jumlah pinjaman bagi rancangan FELCRA Nasaruddin ini tetapi pertambahan itu bukanlah berlaku setiap tahun. Bagi rancangan FELCRA Nasaruddin ini oleh kerana rancangan ini masih dalam proses pembangunan, maka butir-butir akaun perbelanjaan rancangan tersebut secara muktamad tidak dapat dibuat pada peringkat awalnya. Namun begitu pada masa ini akaun kos

pembangunan ataupun hutang sebenar bagi peringkat tertentu dalam rancangan ini telah pun disediakan dan maklumat ini telah pun dibentangkan kepada peserta-peserta yang terlibat.

Yang Berhormat juga membangkitkan berkenaan dengan pertukaran pengurus. Pertukaran pengurus atau mana-mana kakitangan Kerajaan dari semasa ke semasa adalah satu proses pentadbiran Jabatan atau agensi Kerajaan dan kita tidak menafikan bahawa setiap pengurus mempunyai gaya pengurusan yang tersendiri. Walau bagaimanapun, di pihak pentadbiran FELCRA, sejauh mana yang menyentuh sistem pengurusannya maka sistem ini tetap terangkum dalam sistem pengurusan FELCRA yang sedia ada dan kawalan dikenakan dari satu peringkat ke satu peringkat. Mungkin dengan berubahnya seseorang pengurus itu, gaya pengurusannya mungkin turut berubah dan ini boleh membawa kepada tanggapan maju mundurnya pengurusan ini. Pihak Kementerian mengambil maklum akan perhatian Yang Berhormat tentang kawalan kewangan FELCRA Nasaruddin dan apa-apa kekurangan akan dipertingkatkan atau sekiranya terdapat apa-apa kelemahan pada masa ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut sistem kawalan kewangan FELCRA ianya adalah tertakluk kepada pengawasan kewangan oleh institusi seperti audit dalam FELCRA dan Jabatan Ketua Audit Negara.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kali ini tiada seorang pun Ahli Yang Berhormat dari DAP menyentuh mengenai Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, mungkin mereka puas hati. Saya ucapkan terima kasih atau mungkin mereka fikir adalah lebih baik menonjolkan

satu-satu isu untuk kepentingan puak mereka dari membincangkan mengenai pembangunan negara. Walaupun isu yang mereka timbulkan itu tidak berasas seperti menuduh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan yang kononnya menuduh Ketua Pembangkang Parlimen dan anaknya, Ahli Parlimen dari Kota Melaka sebagai pendusta kepada negara.

Tuan P. Patto (Ipoh): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh bangun.

Tuan P. Patto: Penjelasan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Sebenarnya kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai tahanan ISA.

Tuan P. Patto: Adakah apa Yang Berhormat Timbalan Menteri itu berkata ada sangkut-paut dengan Kementerian beliau?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: yang dibuat semasa merasmikan Kongres Pemuda UMNO.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh, dia tidak beri jalan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: pada 18hb Februari 1989 dan juga semasa Jamuan Makan Malam Kelab Lion Wilayah Persekutuan pada 17hb Februari 1989 tiada disebut individu tertentu dan kenyataan tersebut adalah berbentuk umum. Saya hairan bagaimana Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Ipoh menuduh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menunjukkan kenyataan tersebut kepada Ketua Pembangkang Parlimen dan anaknya, Ahli Parlimen dari Kota Melaka. Adakah Yang Berhormat itu terasa sepertimana peribahasa

Melayu: "Siapa yang makan cabai, dia merasa pedasnya".

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta jalan, Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. . . .

Tuan P. Patto: Point of order!

Tuan Yang di-Pertua: Point of order. Yang Berhormat, point of order.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada buat tuduhan-tuduhan yang nampaknya melanggar peraturan mengenai "imputing improper motive". Seolah-olah saya ini bohong dalam Dewan ini dan saya ingin mendapat tahu daripada Tuan Speaker sama ada Tuan Speaker boleh buat satu ruling kerana beliau mengatakan seolah-olah saya bohong dalam Dewan ini khususnya bersangkutan-paut dengan apa yang berlaku dalam Kem Tahanan di mana tuduhan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri itu amat keterlaluan, bersangkutan-paut dengan lagu Negaraku. Itulah sebabnya saya menanyakan sebab saya adalah bekas tahanan daripada Kem Tahanan dan saya tahu semua orang dalam Kem Tahanan itu nyanyi lagu Negaraku kecuali 4-5 orang yang sudah ditahan di sana lebih 10 tahun, yang lain semua ada. Jadi, tuduhan yang dibuat oleh beliau itu adalah melulu.

Yang kedua, dari jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri hari ini bahawa cuma ada 70 orang sahaja yang ditahan di bawah ISA tetapi Timbalan Perdana Menteri menyatakan dalam kenyataan itu ada 150 orang, sudah ada percanggahan. Mungkin Timbalan Menteri tadi itu tidak tahu kerana jawapan yang diberi

itu adalah dalam masa Soal-Jawab pada hari ini, mungkin tidak sedar, datang lambat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berkenaan dengan point of order tadi, ucapan itu tidak sampai kepada improper motive. Sila teruskan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan kembali ucapan Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Ipoh, muka 34. Beliau ada mengatakan bahawa - saya ambil petikan sahaja - satu tuduhan seolah-olah mereka berdua itu adalah pendusta kepada negara. Dan beliau juga ada menyatakan: "Tuan Yang di-Pertua. . ." kata beliau, "saya berharap Timbalan Perdana Menteri boleh menarik balik tuduhan itu ataupun sekurang-kurangnya menerangkan bahawa tuduhan itu tidaklah ditujukan kepada mereka berdua". Saya cuma terangkan bahawa tuduhan itu bukan kepada mereka berdua, itu sahaja.

Tuan P. Patto: Minta penjelasan, kepada siapa tuduhan itu?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tadi sendiri mengatakan "kecuali 4-5 orang yang sudah ditahan 10 tahun yang tidak berdiri".

Tuan P. Patto: Yang tidak menyanyi.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Yang tidak menyanyi.

Tuan P. Patto: Itu saya beritahu. Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri tidak tahu bukan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat daripada Ipoh, jangan buat begitu. Minta kebenaran dahulu jika sekiranya hendak mencelah. Sila teruskan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya memang tidak ada privilege untuk tahu dan melihat sendiri, jadi saya ucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang tahu dan melihat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang melibatkan bidangkuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Di atas cadangan, pandangan dan teguran yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pengangkutan.

4.52 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang untuk saya memberikan sedikit penjelasan kepada beberapa perkara mengenai Kementerian Pengangkutan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ketika membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sejak beberapa hari yang lalu.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran dan pandangan-pandangan dan juga syor-syor yang telah dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Pasir Pinji telah menyentuh mengenai Perjanjian Perkhidmatan Udara di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China. Kementerian ini sukalah

memaklumkan bahawa tarikh April 1989 yang dicadangkan untuk menandatangani perjanjian adalah merupakan tarikh yang dicadangkan oleh pihak Malaysia. Tarikh ini adalah tertakluk kepada persetujuan pihak Republik Rakyat China. Pada masa ini perkara ini sedang dalam rundingan di antara kedua-dua belah pihak untuk menentukan tarikh yang sesuai bagi upacara tersebut. Saya begitu yakin Yang Berhormat Menteri Pengangkutan akan berjaya dalam usaha-usahanya mengenai perjanjian tersebut. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa positif dalam tindakannya dan saya begitu optimistik kerana rundingan dengan British Airways telah pun mendapat kejayaan di mana MAS telah diberikan kebolehan ataupun kebenaran mendarat bagi penerbangan keenam dan ketujuh.

Saranan Yang Berhormat dari Semporna supaya MAS mengkaji semula kadar tambang penerbangan antara Sabah/Sarawak ke Semenanjung dan sebaliknya bagi tujuan menjayakan integrasi nasional memangnya diberikan perhatian oleh Kementerian Pengangkutan. Sepertimana yang pernah dimaklumkan kepada Ahli-ahli Dewan ini, usaha dan langkah-langkah untuk memupuk perpaduan yang lebih erat di kalangan rakyat dalam negara khususnya melalui sumbangan serta penglibatan MAS dari segi perhubungan pengangkutan udara dijangka boleh dicapai dengan adanya tambang promotional, dengan izin, yang boleh dinikmati oleh penumpang-penumpang di antara Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya dengan potongan diskaun di antara 10% hingga 50%.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tambang-tambang promotional, dengan izin, memberi peluang kepada penumpang-penumpang berkenaan membuat lawatan sama ada untuk bercuti, melancong atau menziarahi sanak

saudara dengan kadar tambang yang lebih murah daripada kadar tambang biasa kelas ekonomi. Cuma mungkin ramai orang awam tidak mengetahui adanya tambang-tambang promotional ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana sering dalam cakap-cakap di luar Dewan dan di tempat-tempat lain, ramai yang mengatakan bahawa tambang dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu lebih mahal daripada tambang ke Hong Kong dan ke Manila. Untuk itu, saya ingin memberikan kadar tambang-tambang untuk perbandingan, Tuan Yang di-Pertua.

Destinasi	Tambang Kelas Ekonomi (sehalu)	Jauh Jaraknya (batu)	Harga Sebata (sen)
Dari Kota Kinabalu			
Ke Hong Kong	658	1,140	58
Ke Manila ..	413	682	61
Ke Bangkok ..	792	1,760	45
Ke Jakarta ..	690	1,454	47
Ke Kuala Lumpur	380	1,018	37

Ini bererti bahawa tambang MAS dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur sebagai contoh ialah yang terendah dan ini dapatlah memberikan gambaran yang sebenarnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada orang awam.

Untuk makluman juga, tambang bagi penerbangan dalam sektor luar bandar terutama di Sabah dan Sarawak telahpun diturunkan di antara \$3 hingga \$11 bagi satu-satu sektor dan 17 sektor telahpun diturunkan. Walau bagaimanapun Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji balik kedudukan tambang-tambang yang sedia ada di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli dari

Jerai dan juga Yang Berhormat dari Arau mengenai cadangan mereka menambah perkhidmatan Ekspres Langkawi dari tiga kali seminggu pada masa ini kepada perkhidmatan harian dan juga melanjutkan perkhidmatan ke Padang Besar. Memang benar pada masa sekarang perkhidmatan Ekspres Langkawi dijalankan tiga kali seminggu iaitu tiap-tiap kali perjalanan mempunyai lebih kurang 300 tempat duduk dan ia hanya penuh iaitu masa musim-musim hujung minggu dan musim-musim perayaan. Kalau hendak dikira rata dalam sebulan hanya $\frac{1}{3}$ sahaja kerusi-kerusi ini dipenuhi dalam satu-satu perjalanan. Akan tetapi pada musim-musim perayaan KTM memang menambah perkhidmatan ini kepada perkhidmatan harian, misalnya, musim perayaan Tahun Baru Cina yang baru lalu perkhidmatan harian telah diadakan di antara 30hb Januari hingga 12hb Februari. Namun begitu KTM boleh menimbang-cadangan untuk perkhidmatan harian sepanjang tahun dan juga cadangan untuk melanjutkan perkhidmatan Ekspres Langkawi hingga ke Padang Besar dan saya mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat ini dan itulah penjelasan-penjelasan yang saya dapat berikan

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan. Ada satu perkara yang saya bercakap tetapi oleh kerana saya bercakap dalam tajuk yang lain, Yang Berhormat tidak dapat menangkap tersebut. Saya ada sebut tentang perkhidmatan MAS di bawah konsep perpaduan. Saya ingin jawapan mengenai perkara tersebut.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Yang Berhormat, MAS untuk

konsep perpaduan tadi pun saya telah sebutkan dalam jawapan saya. Sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Yang Berhormat tidak ada di dalam Dewan tadi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Kementerian Kerjaraya.

4.58 ptg.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran dan pandangan ke atas beberapa perkara yang berkaitan dengan tanggungjawab Kementerian Kerjaya semasa membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang bermula 7hb Mac, 1989 yang lalu.

Ahli Yang Berhormat dari Saratok telah mencadangkan supaya tender bagi sesuatu projek tidak dipilih berdasarkan tawaran terendah. Ini adalah kerana ianya boleh menimbulkan kesan yang tidak diingini seperti kelambatan dan juga pelaksanaannya tidak mengikut jadual. Beliau juga meminta supaya harga yang sederhana tinggi dipertimbangkan. Beliau juga meminta agar Kementerian Kerjaraya mempercepatkan pembinaan dua package jalanraya di antara Batu Lintang/Lubok Antu/Betung. Pembinaan projek ini telah tergendala kerana tawaran telah ditolak sebanyak dua kali. Beliau berharap perkara ini tidak berlaku lagi dan pembinaan jalanraya tersebut dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mempunyai garis panduan yang

tertentu dalam mempertimbangkan pemberian tender kepada kontraktor-kontraktor. Sebuah Lembaga Tender Kementerian akan menilai tawaran kontraktor-kontraktor berdasarkan kepada harga, kewangan, pengalaman dan kepunyaan melaksanakan projek mengikut jadual yang ditetapkan.

Dalam pemberian tender harga yang terendah bukan menjadi kriteria utama untuk mendapat tender kerana mengikut pengalaman yang lalu menunjukkan bahawa kontraktor-kontraktor yang telah menawarkan harga yang terendah pada lazimnya gagal menyiapkan kerja kontark yang diserahkan kepada mereka. Walau bagaimanapun, harga yang akan dipertimbangkan adalah harga yang terendah yang boleh diterima, dengan izin, lowest acceptable tender, dan selaras dengan anggaran yang dibuat oleh Kementerian.

Mengenai pembinaan bahagian jalanraya dari Batu Lintang . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ahli dari Marang bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya ingin sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai dengan harga yang dikatakan tidak terikat kepada harga yang terendah, tetapi terikat kepada kesesuaian dan kesederhanaan harga itu sendiri. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah arahan ini standardise, diselaraskan di seluruh negara, di seluruh Kementerian-kementerian yang berkaitan dengan JKR. Kerana sebagaimana yang kita ketahui sebahagian daripada tender-tender yang dikeluarkan itu walaupun bukan milik JKR sepenuhnya tetapi ikatan dengan JKR itu ada dan kita dapati ianya masih lagi terikat dengan yang terendah, yang mengakibatkan

ramai di antara penender-penender berkenaan kerana ghairah sangat untuk mendapat tender, yang akhirnya menemui kegagalan dan juga kecundang, kekeciwaan dalam projek itu. Jadi, saya ingin satu penjelasan yang tepat, adakah ini diselaraskan dan adakah ianya mempunyai kriteria yang tertentu yang tertentu yang diseragamkan di seluruh negara supaya masalah harga-harga yang tidak sesuai dengan apa yang ditetapkan, yang difikirkan oleh pihak pegawai-pegawai JKR itu tidak menjadi masalah?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, proses tender di dalam Kementerian Kerjaraya dan juga Jawatankuasa Tender di Kementerian Kerjaraya bukanlah ditetapkan oleh Kementerian Kerjaraya sendiri. Kementerian Kerjaraya sedang dan telah menjalankan tugas-tugas sebagai agensi kepada Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan mempunyai seorang wakil dalam Jawatankuasa Tender menyiasat tender-tender di Kementerian Kerjaraya. Jika-lau Kementerian Kerjaraya dan Jabatan Kerjaraya mempunyai tiga wakil dalam Jawatankuasa itu walaupun wakil dari Kementerian Kerjaraya tidak mengakui dengan harga tawaran yang paling rendah tetapi dari Kementerian Kewangan bersetuju atau tidak bersetuju, Kementerian Kerjaraya tidak boleh beri kontrak kepada siapa-siapa. Ini jadi, dengan izin, split decision. Bila sudah mempunyai split decision, jadi ada juga lima orang pegawai dari Kementerian Kerjaraya, seorang pegawai dari Kementerian Kewangan. Bila-bila masa dia boleh batalkan semua keputusan yang dibuat oleh Kementerian Kerjaraya, hantar kepada Kementerian Kewangan. Beliau juga jadi pegawai kepada semua kontrak itu. Dia akan hantar kepada pegawai-pegawai di atas.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' S. Samy Vellu:nantilah saya belum selesai jawapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Belum selesai lagi, nanti Ahli Yang Berhormat dari Saratok. Sila duduk dahulu, belum selesai lagi.

Dato' S. Samy Vellu: Bila pegawai atas Kementerian Kerjaraya menetapkan tender ini mesti diberi kepada paling rendah, tidak ada pilihan kepada Kementerian, kita ambil tawaran itu dan arahan daripada Kementerian Kewangan oleh kerana kita jadi agen sahaja kepada mereka. Kita menjalankan projek. Dalam setengah masa jikalau ada masalah-masalah kontraktor, masa itu jadi tanggungjawab Kementerian saya. Matikah, hidupkah, saya jawab, rosak namakah, saya rosak, orang marahkah, Jabatan Kerjaraya kena marah, itulah betul. Boleh tanya.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Saratok dahulu, dia bangun dahulu.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Kalau begitu, apakah sebab Yang Berhormat Menteri Kerjaraya menjawab tentang hal tender. Apa sebab tidak diberi kepada Kementerian Kewangan?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengikut dengan statutory provision yang sedia ada, keputusan-keputusan berkenaan dengan kewangan akan diselesaikan oleh Kementerian Kewangan. Pelaksanaan

projek-projek di dalam tanggungjawab Kementerian Kerjaraya. Jadi, dua agensi bekerja untuk melaksanakan satu projek. Duit dia, kerja saya. (*Ketawa*) Jadi, kalau ada kesalahan, saya tanggungjawab. Keputusan diambil atas duit itu dia salahkah atau dia tidak salah, dia tidak salah. (*Ketawa*)

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Banyak, nanti dahulu. Ahli dari Tanah Merah.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, setelah kita memahami masalah yang dialami oleh JKR dalam soal projek-projek terencat, projek-projek tergendala, kadang-kadang terpaksa membuat pemulihan kepada projek-projek sakit, berbagai istilah telah diberi kepada projek-projek JKR. Dan dalam pemulihan atau mengubati projek-projek sakit tentunya melibatkan perbelanjaan yang lebih, kadang-kadang berlipat ganda. Dan puncaknya kerana diberi kepada projek yang terendah di atas nasihat, veto oleh pegawai Kewangan. Soalan saya, yang mana kepakarannya kita hendak guna antara nasihat daripada pegawai-pegawai teknikal JKR dari segi nasihat, estimate, ukur bahan yang dikata oleh Yang Berhormat Menteri tadi sampai lima pegawai profesional di bidang anggaran, tetapi masih hendak diberi kepada terendah. Kedua, sejauh manakah kekuatan Menteri untuk memperjuangkan perkara ini dalam Kabinet itu sendiri (*Tepuk*) untuk membela kontraktor-kontraktor yang mengalami masalah dan seterusnya

membuat kepada masalah pembangunan di seluruh negara?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, walaupun kontrak dan tawaran-tawaran telah diaturkan oleh Kementerian Kerjaraya, di dalam tiap-tiap kontrak, Kementerian Kerjaraya ada juga satu anggaran belanjawan atau kita akan membuat satu ukur bahan, kita minta Jabatan Ukur Bahan untuk menetapkan nilai perbelanjaan atas kontraktor itu. Apabila kita menyiasat pemberian kontrak dalam Jawatankuasa Tender walaupun JKR memberi harga, harga yang munasabah yang mana juga kontraktor boleh menyelesaikan kerja, jikalau kita beri harga itu kepada kontraktor. Tetapi jikalau pegawai dari Kementerian Kewangan tidak menerima itu dengan lima undi kepada satu undi, Kementerian Kerjaraya tidak boleh membuat apa-apa keputusan. Ini jadi split decision. Split decision hantar kepada Kementerian Kewangan untuk mendapat keputusan daripada Kementerian Kewangan. Kita tidak ada agensi dalam Kementerian Kewangan oleh kerana itu adalah lebih hubungan dengan pegawai-pegawai atas di Kementerian Kewangan. Dia boleh juga memberi penjelasan beliau sendiri. Pada akhirnya kita terima surat dari Kementerian Kewangan.

Apakah tugas Menteri? Baik, saya jawab. Jikalau Menteri sudah tahu perkara ini boleh membangkitkan banyak masalah, selepas itu saya tidak menandatangani mana-mana satu kontrak jikalau Jabatan Kerjaraya atau Ketua Pengarah Kerjaraya suka menandatangani dengan mana-mana kontrak, mesti ada persetujuan daripada Menteri yang Menteri beri tanggungjawab kepada beliau, saya menandatangani. Saya tidak mahu menandatangani oleh kerana saya

tahu sendiri harga ini yang paling rendah. Siapa yang akan menerima kontrak ini tidak boleh siap? Saya akan hantar keputusan itu balik kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan minta timbang semula. Ada juga kadangkala nasib baik dapat minta semula. Jikalau nasib tidak baik, terbalik juga, bagi kontrak juga, dia tidak jalan juga, dia rugi juga, dia lari juga, itu semua jadi kita punya nasiblah.

Tuan Yang di-Pertua: Rasah.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, saya pun ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya. Dari jawapan ataupun penjelasan yang diberikan oleh beliau, saya anggap tidak berapa logik sehingga 5 undi tidak boleh mengalahkan satu undi. Jadi, saya ingin bertanya antara dua menteri itu, Menteri Kewangan dan Menteri Kerjaraya, siapa yang besar, siapa yang lebih kuat, siapa lebih kuasa? Kalau Menteri Kewangan lebih kuasa, lebih besar, lebih kuat, maka Menteri Kerjaraya merupakan hanya "office boy" kepada Kewangan sahaja. Itu saya minta penjelasan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Rasah, semua hal-hwal berkenaan dengan kewangan adalah dalam keputusan Menteri Kewangan. Saya bagi pihak Kementerian Kerjaraya jadi agen kepada Menteri Kewangan untuk membelanjakan wang yang telah diserahkan oleh Menteri itu kepada Kementerian saya. Semua keputusan terakhir itu mesti diambil oleh Menteri Kewangan. Saya sudah tahu banyak masalah kita menghadapi dalam tempoh dua tahun ini.

Baru-baru ini sahaja saya telah menubuhkan satu Jawatankuasa, saya mahu membantah Circular yang dihantar oleh Kementerian Kewangan, minta dia tukar untuk memperbaiki keadaan dalam

meneruskan kerja-kerja kontrak. Ini adalah dalam proses sekarang. Ada juga satu soalan yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Saratok.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Sarawak tidak terima apa-apa keputusan daripada Kementerian Kerjaraya, mereka suka juga menimbangkan semua kontrak dalam tanggungjawab mereka. Apabila saya minta semua kerja-kerja Persekutuan mesti dijalankan oleh saya oleh kerana saya boleh menjaga kerja itu lebih baik daripada apa yang mereka buat.

Saya sudah timbulkan perkara ini 5 bulan yang lalu kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri bertanggungjawab kepada Menteri Kerjaraya, minta Menteri Perhubungan berhubung dengan saya, Menteri Perhubungan minta saya pergi ke Sarawak untuk berbincang atas perkara ini. Saya mahu bila ada masalah, bila ada orang meninggal atas jalan raya atau apa-apa masalah jalan raya, itu tanggungjawab Menteri Kerjaraya tetapi semua kerja-kerja itu dijalankan oleh Negeri Sarawak.

Tuan Hu Sepang: On a point of order.

Dato' S. Samy Vellu: Nantilah sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: On a point of order, Yang Berhormat.

Tuan Hu Sepang: Pandang Tuan Speaker bila berucap. *(Ketawa)* Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila teruskan. Masa kita tak berapa panjang, sila teruskan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat tadi mengapakah banyak projek di Sarawak tidak dapat diselesaikan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Marang, nanti dahulu, hendak bertanya apa lagi?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak minta penjelasan, fasal saya tak diberi jalan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya memang simpatilah apa yang ada kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, tetapi saya rasa satu perkara yang aneh dalam dunia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Suara majoriti dikalahkan oleh suara minoriti. Sekarang saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, itu telah pun dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rasah tadi.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak minta penjelasan lagi. Yang Berhormat Menteri Kerjaraya minta daripada Menteri Kewangan supaya timbang semula, tetapi kadang-kadang ditolak. Kemudian kata Menteri Kerjaraya itu nasiblah, tetapi perkara ini akan berlanjutan, akan berterusan, banyak daripada penender-penender kita yang gagal, yang mati. Jadi, apakah langkah yang sepatutnya diambil selain daripada kata minta timbang, minta rayu selepas itu nasiblah, nasiblah. Apakah perkara lain yang sepatutnya dimainkan, apakah perancangan yang sepatutnya dikemukakan, fasal saya tahu 20% lebih daripada tender-tender yang didapati dalam JKR mati? Jadi, elok juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan masuk supaya dapat menjelaskan perkara

ini—bagaimana pihak Jabatan Kerjaraya menyelaraskan kerja-kerja itu dengan pihak Kementerian Kewangan agar jangan kita pertahankan masalah kewangan, sehingga ramai di antara kalangan kontraktor bumiputera yang gagal, yang mati dan kecundang. Jadi, perkara ini aneh dalam dunia, suara minoriti mengalahkan suara majoriti. saya mahu tindakan selanjutnya, saya kurang puas tadi penjelasan itu.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi telah memberikan penjelasan kepada Yang Berhormat, saya sudah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk menimbangkan apa-apa arahan daripada Kementerian Kewangan dan jawapan kepada mereka apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian Kerjaraya atas keputusan yang telah diberikan oleh Kementerian Kewangan. Saya percaya, jika kita ada juga perbincangan di antara dua kementerian, kita boleh menyelesaikan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan bahagian jalan raya dari Batu Lintang-Bentong, sukalah saya memaklumkan bahawa tender semula telah pun dikeluarkan pada akhir tahun 1988 dan kerja-kerja dijangka akan dapat dimulakan dalam sedikit masa lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kapit membangkitkan mengenai kekurangan infrastruktur, khususnya jalan raya dan bekalan air bersih yang merupakan faktor yang menghalang pembangunan negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sememangnya memandang berat ke atas keadaan jalan raya dan penyediaan bekalan air bersih di negeri Sarawak khususnya dan di seluruh negara amnya. Seperti mana kita sedia maklum, negeri Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia dan oleh itu akan memerlukan perbelanjaan yang juga besar untuk membina jalan raya-jalan

raya di seluruh negeri Sarawak dalam masa yang singkat dengan sekali gus.

Oleh yang demikian, dalam beberapa tahun kebelakangan ini Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan yang besar secara berperingkat-peringkat untuk membina jalan raya-jalan raya di negeri itu, terutama pembinaan jalan raya utama dari Semantan ke Miri yang jaraknya lebih kurang 100,000 kilometer. Dalam tahun 1989 sahaja. Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$143 juta bagi pembinaan jalan raya di seluruh negeri Sarawak. Peruntukan ini adalah merupakan peruntukan terbesar yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan jika dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada negeri-negeri lain di Malaysia. Dengan peruntukan terbesar itu, Tuan Yang di-Pertua, saya telah meminta kebenaran sekarang daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan juga Kerajaan Sarawak untuk menubuhkan satu unit Cawangan Jalan raya Persekutuan di negeri Sarawak yang mana semua projek-projek dan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian saya, proses tender, pembinaan jalan, menyelenggarakan jalan boleh dijalankan oleh kita terus.

Saya percaya, kita bagi peruntukan ini kepada JKR Negeri Sarawak, mereka tidak mempunyai masa, tidak mempunyai expertise dan juga pada akhirnya siapa yang kerugian, rakyat jelata tidak dapat kemudahan.

Untuk menyelesaikan masalah-masalah ini, saya percaya kita mesti menguruskan jalan-jalan itu melalui Jabatan Kerjaraya Ibu Pejabat dari Kuala Lumpur, tetapi saya tidak dapat jawapan dari mereka. Mereka pun tidak suka memberikan keputusan ataupun tugas itu kepada saya.

Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak, bangkitkan

isu ini kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, mintalah beliau dengan murah hari beri kuasa itu kepada saya, dengan dua tangan ini saya tanya berilah itu kuasa. Selepas itu saya ambil terus supaya semua kerja itu dapat diselesaikan di negeri Sarawak. Ini pun saya minta.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Saratok bangun.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Kerjaraya. Adakah pembinaan jalan raya yang saya sebutkan atau disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya itu oleh kerana tender sehabis rendah, bukan oleh kerana kurang jagaan ataupun supervision? Minta penjelasan.

Dato' S. Samy Vellu: Apa yang saya dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, iaitu pemberian tender itu kepada seorang kontraktor yang paling rendah.

Inilah masalah yang pertama—masalah kekurangan wang. Oleh kerana itu, kontraktor itu tidak boleh jalan dan seperti apa yang saya katakan tadi, jika saya mempunyai alat-alat dan kuasa-kuasa itu, saya percaya di negeri Sarawak boleh diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, manakala dalam penyediaan infrastruktur bekalan air pula, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan 18 skim bekalan air di luar bandar yang berharga \$171.8 juta yang sedang dilaksanakan oleh Syarikat Antah Biwater Joint Venture. Kerajaan berpendapat peruntukan-peruntukan yang disediakan itu akan meningkatkan lagi taraf kemudahan awam yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pada sesi Parlimen ini tidak banyak perkara yang menyentuh tanggungjawab Kementerian saya telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat. Saya anggap ini disebabkan Ahli-ahli Yang Berhormat telah berpuas hati dengan penjelasan-penjelasan yang kerap saya beri secara terperinci dalam sesi Parlimen yang lepas.

Sekianlah sahaja yang dapat saya jawab ke atas teguran-teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kepada teguran-teguran yang mungkin tidak saya jawab, saya akan mengambil perhatian dan jika didapati perlu tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kementerian Kerjaya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

5.21 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina dalam perbincangan mengenai Titah Ucapan Di-Raja, khususnya mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara tertentu yang telah dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah memberikan pandangan mengenai Pelan Induk Perindustrian dan menyatakan bahawa pelan tersebut masih kurang memberi perhatian terhadap pembangunan kawasan-kawasan wilayah-wilayah yang miskin dan masih mundur seperti yang terdapat di negeri-negeri pantai timur Semenanjung dan Malaysia Timur oleh kerana sasaran pembangunan perindustrian tertumpu ke kawasan-kawasan yang mempunyai infrastruktur. Beliau menyarankan supaya.....

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Rasah bangun.

Tuan Hu Sepang: Tuan Speaker, on a point of order. Tidak cukup bilangan nampaknya. Ahli-ahli Yang Berhormat kurang berminat terhadap Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua: Setiausaha, sila kira. 18, tidak cukup kuoram. Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira: 38 Ahli hadir).

Tuan Yang di-Pertua: 38. Itu sudah cukup kuoram. Sila sambung.

Dato' Kok Wee Kiat: Beliau menyarankan supaya usaha-usaha pembangunan perindustrian dikaitkan dengan usaha-usaha pembangunan perbandaran sebagai satu usaha pembangunan yang "integral".

Dalam perkara ini sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang mencukupi bagi memajukan sektor perindustrian di negara ini. Pembangunan industri tidak semestinya dihadkan kepada kumpulan industri besar tetapi meliputi juga industri kecil serta industri kampung. Bagi tujuan untuk membangunkan wilayah-wilayah yang mundur turut sama menikmati pembangunan ini, Kerajaan berusaha menyediakan bantuan dan kemudahan ke arah itu. Namun begitu, usaha-usaha ini adalah terhad mmandangkan peruntukan Kerajaan tidak mencukupi bagi menyediakannya secara menyeluruh.

Dari segi perancangan untuk kemudahan asas pula, penekanan Pelan Induk Perindustrian adalah dibuat dalam konteks nasional secara

menyeluruh dan mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (i) Usaha-usaha Kerajaan di masa lalu untuk menggalakkan perindustrian di kawasan-kawasan kurang maju dan mundur melalui galakan penempatan (locational incentive) tidak mendatangkan hasil diharapkan; dan
- (ii) Usaha-usaha untuk membangunkan industri memerlukan sokongan kemudahan asas yang mencukupi. Ini adalah berkait rapat dengan kesannya kepada kos pengeluaran dan daya persaingan sesebuah syarikat.

Berpandukan kepada kedudukan tersebut, Kerajaan berkeyakinan bahawa perakuan-perakuan Pelan Induk Perindustrian yang menyentuh mengenai konsep "corridor" bagi pantai barat Semenanjung dan "enclaves" perindustrian di pantai timur dan beberapa bandar di Sabah serta Sarawak, mempunyai asas yang kukuh bagi memajukan sektor perindustrian negara. Ini diteliti dari segi keperluan industri-industri untuk mendapat kemudahan asas yang mencukupi demi memperkuat daya persaingan keluaran-keluaran industri kita di pasaran antarabangsa. Selain dari itu asas utama menjamin kewujudan sesebuah industri secara berkekalan di sesuatu tempat adalah faktor daya maju sesebuah projek. Adalah tidak wajar sekiranya Kerajaan memaksa sesebuah syarikat untuk mendirikan kilangnya di kawasan yang mempunyai serba kekurangan dan mengharapkan ianya beroperasi secara berdaya maju. Faktor ekonomi merupakan faktor utama di dalam memajukan sektor pembuatan negara khususnya jika ditinjau dari segi daya keperluan untuk bersaing di pasaran eksport.

Walau bagaimanapun, Kerajaan turut juga memberi perhatian kepada

usaha untuk mengintegrasikan pembangunan kawasan industri dengan pembangunan wilayah. Ini dapat dilihat di dalam rancangan pembangunan beberapa wilayah di negara ini, seperti KEJORA, DARA, JENGKA, KETENGAH, KEDA, PERDA, KESEDAR dan beberapa rancangan yang lain. Pembangunan di wilayah-wilayah tersebut bukan sahaja melibatkan pembangunan tanah untuk pertanian dan penempatan penduduk, malah ianya juga meliputi penyediaan tapak-tapak perindustrian dan kemudahan-kemudahan asas bagi tujuan memajukan perindustrian di kawasan-kawasan tersebut. Melalui usaha-usaha ini, kawasan yang mundur dapat dimajukan bersama serta menikmati pembangunan negara.

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji):
(Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Memandangkan jawapan daripada Timbalan Menteri berkenaan, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa persaingan di antarabangsa di luar negeri, perkara itu bukan semestinya begitu bimbang. Kami bimbangkan persaingan di dalam negeri. Kita dapat lihat di mana industri-industri yang sederhana daripada negeri-negeri lain, seumpamanya daripada negeri Jepun, mereka dijemput datang ke mari untuk bersaing dengan industri kecil kita. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini untuk memastikan persaingan daripada antarabangsa. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Persaingan.

Tuan Lau Dak Kee: Persaingan, maaf, Tuan Yang di-Pertua. Persaingan atau perlawanan untuk mencari pasaran tidak lawan melawan antara kita sahaja atau dalam negeri

kita sahaja. Apa yang kita hendak ialah pasaran daripada luar negeri. Tetapi apa yang ada sekarang ini adalah kita persaingan antara kita sendiri sahaja. Apakah langkah Kementerian berkenaan itu mengambil untuk memastikan keadaan itu tidak berlaku di dalam negara kita?

Dato' Kok Wee Kiat: Saya ingat Yang Berhormat ada sedikit kekeliruan. Oleh kerana saya tidak faham bagaimana industri kecil di Jepun boleh bersaing dengan industri kecil di negara ini.

Tuan Lau Dak Kee: Seperti industri aluminium fabricated works, seperti dawai-dawai nipis, barang-barang kecil seperti paku-paku itu, kadangkala mereka mengadakan satu agensi di sini, mengadakan satu joint venture di sini tetapi mereka masih import daripada negara Jepun untuk bertanding dengan kita.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita ada sistem tarif yang mana kita boleh melindungi industri-industri seperti industri yang disentuh oleh Yang Berhormat itu. Tuan Yang di-Pertua. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun pula.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Saya ingin mendapat penjelasan mengenai corak perlindungan yang telah disebutkan tadi.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hairanlah kalau Yang Berhormat tidak tahu (*Ketawa*). Satu corak ialah sistem tarif iaitu Kerajaan ada satu taraf duti bila barang-barang diimport ke dalam negara, ada satu tarif yang dikenakan. Kalau tarif dikenakan mestilah harganya lebih tinggi kalau

dibandingkan dengan barang-barang dikeluarkan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bakri telah menyentuh perkara berhubung dengan industri, khususnya industri kecil. Beliau mencadangkan supaya usaha yang lebih gigih dipertingkatkan bagi mengembangkan serta memodenkan perindustrian kecil. Strategi industri juga perlu lebih ditumpukan kepada perindustrian kecil dan peluang latihan hendaklah diperluaskan kepada pengusaha industri kecil untuk membolehkan mereka bersaing dengan industri besar.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat itu disambut baik dan sukalah saya menyatakan bahawa usaha untuk mengembangkan industri kecil memang sentiasa dipergiatkan dan ini terbukti apabila berbagai tindakan telah diambil dengan tujuan untuk mempertingkatkan dan memodenkan perusahaan kecil. Bukti ini jelas dalam rancangan Kerajaan menyediakan Pelan Tindakan yang dirangka berasaskan kepada sektor-sektor industri yang ditekan dan diutamakan dalam Pelan Induk Perindustrian. Menerusi Pelan Tindakan tersebut pembangunan perusahaan kecil akan digalakkan di dalam bidang baru di mana bilangan pengusaha masih kecil atau tidak ada langsung pengusaha dalam bidang itu seperti chemical/petroleum, mould dan die, elektrik dan elektronik dan juga penekanan akan ditumpu kepada modenisasi perusahaan kecil yang sedia wujud dengan cara meningkatkan produktiviti masing-masing melalui bantuan kewangan, peningkatan kemahiran, penggunaan teknologi perkilangan dan pengurusan yang moden, mewujudkan sistem kawalan kualiti dan penyelidikan serta pembangunan produk, malahan sekiranya perlu memindahkan lokasi kilang.

Di samping itu memang ada terdapat usaha-usaha untuk mengembang dan memodenkan industri kecil melalui beberapa program yang lain seperti pemasaran, kewangan, pengurusan dan latihan, teknologi, tapak kilang, galakan cukai dan bukan cukai di samping bantuan kerjasama antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya diadakan peluang-peluang latihan bagi pengusaha industri kecil, ingin saya jelaskan bahawa latihan-latihan ini memang disediakan. Dibahagikan kepada dua kategori latihan itu ialah untuk melahirkan usahawan dan untuk membaharu serta meningkatkan kemahiran usahawan-usahawan yang sedia ada.

Program-program latihan ini dianjurkan oleh berbagai-bagai agensi dan jabatan Kerajaan dan mempunyai kumpulan sasaran yang berbeza. Agensi-agensi itu ialah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN), Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Kementerian Belia dan Sukan dan lain-lain lagi. Selain daripada agensi-agensi ini terdapat juga usaha-usaha daripada pihak swasta yang turut menganjurkan program latihan untuk usahawan-usahawan kecil. Pihak swasta ini termasuklah Bank-bank Perdagangan dan Dewan-dewan Perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibu telah mencadangkan antara beberapa cadangan yang dikemukakan dalam ucapannya supaya Kerajaan membuka pintu negara ini kepada peniaga-peniaga dari negeri China serta membenarkan peniaga-peniaga negara ini memasarkan barang-barangan tempatan ke negara China.

Mengenai cadangan ini sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia tidak menyekat kemasukan

barang-barang dari China ke Malaysia. Jika dilihat dari segi jumlah perdagangan dua hala antara kedua-dua negara, ianya terus meningkat walaupun negara kita terus menerus mengalami defisit yang bermakna Malaysia lebih banyak mengimport barang-barang dari China dari mengeksport ke negeri itu setiap tahun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Marang?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya mohon penjelasan. Benarkah barang-barang diimport daripada China ini, kita tidak perlu permit ataupun lesen atau adakah dimaksudkan barang-barang yang tertentu sahaja yang tidak dilesenkan ataupun tidak perlu permit? Kalau benar, mohon dijelaskan dan dinyatakan barang-barang tersebut. Terima kasih.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, kita tidak perlukan A.P. untuk masukkan barang-barang dari China.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya mohon penjelasan yang lebih jelas. Apa sebab barang-barang daripada negara China itu tidak perlu A.P. sedangkan setengah-setengah negara lain itu kita perlu A.P.?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kalau barang-barang itu bukan barang-barang biasa, kita menghadkan dari apa-apa negara pun dan treatment, dengan izin, kepada barang-barang dari China adalah seperti barang-barang dari negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

Dato' Kok Wee Kiat: Kerajaan memberikan segala bantuan dan pertolongan kepada peniaga-peniaga.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat daripada Jerai bangun pula.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas tentang A.P., tidak perlu guna A.P., untuk barang-barang dari China, pengertian barang-barang antara lain negara dengan negara China, apakah keistimewaan bila barang-barang dari China yang tidak perlu A.P. ini?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ambil peluang di sini untuk menjalankan satu misconception, dengan izin, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berkenaan itu. Kalau kita hendak import, contohnya sebuah kereta terpakai, pada masa sekarang kita perlukan satu A.P. sama ada kereta ini dari negara China atau negara Perancis atau negara United Kingdom atau Jepun. Itu satu had yang kita ada pada semua negara di dunia ini. Tetapi bila barang-barang tidak perlukan A.P. pun perlu A.P., kalau barang-barang itu dari negeri China. Itu perbezaannya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat tidak puas hati. Saya minta maaf. Apa istimewanya barang-barang China ini tidak ada AP. Satu, mungkin ada hubungan dua hala atau mungkin ada keturunan rakyat negeri China dan ada hubungan diplomatik. Itu yang saya yang jelaskan. Apa istimewanya? Bukan pusing-pusing fasal kereta. Minta maaf.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya sudah jawab

soal ini. Kalau Yang Berhormat tidak puas hati, nantilah saya boleh jelaskan dengan butir-butirnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memberikan segala bantuan dan pertolongan kepada peniaga-peniaga Malaysia yang *bona fide* untuk melawat ke China bagi tujuan menggalakkan eksport.

Berhubung dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor sama ada Kerajaan patut menggalakkan pelaburan asing memandangkan ekonomi kita telah pulih, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian suka menezaskan bahawa Malaysia masih memerlukan pelaburan asing, kerana pelaburan ini dapat memberi faedah dari segi pembangunan perindustrian, mengadakan peluang pekerjaan, dan pendapatan tukaran wang asing kepada negara. Walaupun Ahli Yang Berhormat telah menyatakan terdapat kesan-kesan negatif daripada pelaburan asing, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian percaya bahawa kesan bersih atau net effect daripada pelaburan tersebut adalah lebih memberi faedah kepada negara daripada sebaliknya.

Sebenarnya, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memang ingin melihat usahawan-usahawan tempatan lebih bergiat di dalam pembangunan perindustrian negara. Tetapi kita harus sedar bahawa usahawan-usahawan kita masih kekurangan modal dan teknologi untuk menubuhkan kilang-kilang besar dan moden bagi mempercepatkan pembangunan sektor perindustrian di negara ini ke arah seperti yang disarankan oleh Pelan Induk Perindustrian. Oleh itu, kemasukan pelaburan asing bagi memenuhi tujuan ini adalah perlu dan dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor juga

telah meminta Kerajaan mengambil tindakan tegas untuk mencegah kenaikan harga susu di pasaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, harga susu di pasaran tidak dikawal oleh Kerajaan. Dengan demikian, harga barangan ini dipasaran dipengaruhi oleh permintaan dan penawaran, harga bahan-bahan mentah seperti susu tepung kurang lemak (skim milk powder), minyak mentega (butter fat), harga bahan pembungkus seperti tin plate dan kraftliner dan kadar tukaran mata wang asing. Biarpun demikian, Kerajaan adalah sentiasa mengawasi kedudukan harga barang-barang perlu terutamanya susu bagi menentukan bahawa sebarang kenaikan harganya adalah berpatutan dan atas sebab-sebab munasabah yang tidak dapat dielakkan. Di antara tindakan pengawalseliaan yang dijalankan ialah mewajibkan penjual runcit meletakkan tanda harga pada barangan. Di samping itu, para-pengeluar juga telah menentukan harga runcit yang direkomenkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menerangkan secara detail perkembangan aliran harga bahan-bahan mentah bagi pengeluaran susu. Pengeluar-pengeluar susu telah mengubah struktur harga susu di pasaran mulai 3hb Januari 1989 di mana harga runcit susu telah dinaikkan di antara \$1.20 hingga \$1.40 sekilogram bagi susu tepung dan 10 sen setin berat 397 gram bagi susu pekat manis dan isian manis. Kenaikan harga ini tidak dapat dielakkan kerana kos pengeluarannya telah meningkat berikutan dari pada kenaikan harga bahan-bahan mentah yang diimport.

Tuan Yang di-Pertua, bekalan susu tepung kurang lemak (skim milk powder) dan minyak mentega (butter fat) adalah diimport terutamanya daripada Australia dan New Zealand.

Harga susu tepung kurang lemak telah meningkat daripada US\$860 satu tonne di awal tahun 1987 kepada US\$1,920 satu tonne dalam bulan September, 1988 iaitu meningkat sebanyak US\$1,660 atau 123%. Harga minyak mentega telah meningkat daripada US\$1,180 satu tonne di awal tahun 1987 kepada US\$1,800 satu tonne di bulan September 1988 iaitu meningkat sebanyak US\$628 atau 55%. Harga bahan pembungkus seperti tin plates dan kraftliner juga telah meningkat dalam 1988 berbanding dengan 1987 iaitu 15% dan 7% masing-masingnya. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah meneliti kenaikan harga ini dan didapati ianya adalah munasabah dan berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan hal yang berkaitan dengan pengguna juga, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan telah mencadangkan Kerajaan menubuhkan sebuah Tribunal Harga yang diberikan kuasa mengawal harga barang-barang perlu dengan anggota-anggotanya terdiri daripada persatuan-persatuan pengguna, wakil-wakil pengilang dan Kerajaan. Beliau juga menyarankan supaya Kerajaan menyemak semula undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan pengguna dan jika perlu membuat suatu akta mengenai perlindungan pengguna dan juga mengadakan satu Kementerian yang berasingan untuk menguruskan hal ehwal pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mempunyai langkah-langkah yang tertentu bagi mengawal harga barang-barang pengeluaran. Satu daripadanya adalah dengan mengadakan Akta Kawalan Harga 1946 (disemak 1973) yang menyediakan peruntukan-peruntukan tertentu bagi membolehkan Kerajaan mengawal harga. Di samping itu Kerajaan juga mengawal harga dengan cara memastikan bekalan yang

mencukupi di pasaran di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (disemak 1973) melalui penguatkuasaan kedua-dua Akta ini beberapa barang yang perlu seperti gula bertapis, tepung gandum, simen dan besi keluli diisytiharkan sebagai barang yang harganya ditetapkan oleh Kerajaan. Proses menetapkan harga barang-barang kawalan harga ini dijalankan oleh sebuah Jawatankuasa Ulangkaji Harga di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang melibatkan aktiviti-aktiviti Kerajaan yang lain, pengilang-pengilang dan pihak pengguna. Di samping itu, Kerajaan telah mengisytiharkan 111 jenis barang-barang keperluan yang mesti terletak tanda harga supaya pihak pengguna dapat membuat perbandingan sebelum membeli.

Kerajaan berpendapat penubuhan sebuah Tribunal Harga seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Sandakan itu adalah tidak perlu kerana peranan yang hendak dilaksanakannya telah pun dijalankan di bawah undang-undang yang dinyatakan di atas. Kerajaan sentiasa menyemak semula undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan pengguna bagi memperbaikinya supaya sesuai dengan perkembangan masa seperti yang telah dibuat kepada Akta Hakcipta 1967. Di samping itu, Akta-akta baru juga akan dibuat apabila difikirkan sesuai.

Hal ehwal pengguna merangkumi satu bidang yang sangat luas dan meliputi berbagai-bagai perkara seperti makanan, ubat-ubatan, perumahan, timbang dan sukat, amalan, perdagangan, mutu dan keselamatan barangan. Perkara-perkara ini terletak di bawah tanggungjawab berbagai Kementerian yang dibekalkan dengan undang-undang yang tertentu. Bagi tujuan penyelarasan, sebuah Jawatankuasa yang dikenali dengan nama Majlis Penasihat Perlindungan Pengguna Kebangsaan telah dibentuk

di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Akta Kawalan Harga 1946 yang bertindak memberi nasihat kepada Menteri berkaitan dengan hal ehwal pengguna. Majlis ini terdiri daripada wakil-wakil agensi Kerajaan, pihak pengguna dan peniaga. Cara mengendalikan hal ehwal pengguna seperti yang tersebut di atas dirasakan lebih sesuai dari mengadakan sesuatu Kementerian yang berasingan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas dan juga Ahli Yang Berhormat dari Sibul telah menyarankan supaya Kerajaan mempertingkatkan lagi promosi pelaburan dalam usaha menarik lebih ramai pelabur asing melabur di Malaysia dan menghapuskan "red-tape" dan sekatan-sekatan berhubung dengan pelaburan asing.

Dalam perkara ini pihak Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah tertentu seperti mengurangkan segala kerumitan yang timbul bagi bakal-bakal pelabur dalam menubuhkan kilang di bawah Akta Penyelarasan 1975, melalui penubuhan Pusat Pelaburan (Centre on Investment) di MIDA semenjak 1hb Oktober 1988.

Kerajaan telah melonggarkan syarat-syarat ekuiti jawatan-jawatan asing yang dikenakan bagi pelabur-pelabur asing yang datang ke Malaysia. Misalnya pelabur-pelabur asing dibenarkan memegang 100 peratus ekuiti asing sekiranya mereka mengeksport sekurang-kurangnya 80 peratus daripada keluaran-keluaran mereka.

Berkenaan dengan skim galakan pelaburan, galakan yang sedia wujud telah diperbaiki melalui pengenalan Akta Penggalakan Pelaburan 1986, di mana misalnya, pihak Kerajaan telahpun melanjutkan tempoh insentif Taraf Perintis yang diberikan

kepada projek-projek perkilangan tertentu dari 5 tahun kepada 10 tahun dan Elaun Pelaburan Semula dari 25 peratus kepada 40 peratus.

Missi-missi pelaburan yang di hantarkan keluar negeri akan dipergiatkan lagi dengan menghantar rombongan-rombongan keluar negeri, terutama kepada negara-negara Jepun, Taiwan, Amerika Syarikat dan Jerman Barat, di mana terdapat peluang-peluang yang besar. Pihak Kerajaan telah juga menjemput wartawan-wartawan asing mengunjungi negara ini untuk membuat laporan mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Sebagai tambahan, rombongan-rombongan pengalakan pelaburan tertentu telah juga diadakan berasaskan industri-industri getah, kayu, kejuruteraan dan industri sokongan dan sampingan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas juga mencadangkan supaya pemindahan teknologi terjadi. Sebagai jawapannya, sukalah saya menyatakan bahawa pihak Kerajaan sentiasa mengawasi perkara ini supaya pemindahan teknologi belaku dengan jayanya. Berbagai bentuk perjanjian teknologi bagi syarikat-syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 disyaratkan supaya mendapat kelulusan Kerajaan sebelum dimeterai. Selain dari itu, usaha-usaha bagi memperbaiki usaha-usaha R & D menyeragamkan bidang-bidangnya turut dilakukan melalui pengawasan di bawah Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian turut mendapat nasihat dari Bangsa-bangsa Bersatu bagi memastikan perkara ini dapat dilaksanakan secara berkesan. SIRIM juga turut memberi nasihat serta latihan kepada pengusaha-pengusaha yang terlibat untuk maksud ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas supaya dirancang kemasukan barang eksport Malaysia ke pasaran Eropah selepas 1992, saya ingin memaklumkan bahawa perkara ini merupakan satu daripada perkara utama dalam pendekatan dan strategi Kerajaan dalam merundingkan pasaran antarabangsa yang terbuka bagi eksport negara. Antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah rundingan rasmi dengan EEC di peringkat dua hala dan di peringkat ASEAN untuk megawasi apa-apa perancangan EEC berkaitan dengan rejim import serta pengedaran barang-barang yang diimport ke dalam pasaran EEC. Dalam masa yang sama pihak EEC telah diminta meluaskan keistimewaan GSPnya untuk meliputi lebih banyak lagi eksport keluaran ASEAN.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa pihak EEC juga menghadapi tekanan dari negara-negara utama yang lain seperti Amerika Syarikat dan Jepun untuk menentukan supaya integrasi pasaran EEC dalam tahun 1992 tidak akan menyekat kemasukan eksport dari negara-negara luar. Dalam konteks ini, Malaysia dan ASEAN bekerjasama dengan negara-negara yang lain melalui rundingan di GATT bagi menentukan supaya langkah-langkah yang diambil oleh EEC ke arah Pasaran Eropah Tunggal tidak akan mengadakan sekatan-sekatan baru dan supaya integrasi pasaran EEC itu diasaskan kepada prinsip perdagangan bebas.

Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini juga bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mendapatkan bantuan khusus di bidang perdagangan dari EEC bagi membantu pengeksporn-pengeksporn tempatan bagi mengenal pasaran Eropah dengan lebih lagi, terutama

dari segi keperluan pengguna termasuk bentuk, corak dan spesifikasi barangan yang dieksport. Saya berharap besar supaya pengeksport-pengeksport tempatan dapat menghantar pegawai-pegawainya untuk menyertai seminar-seminar yang diatitkan oleh Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO), Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas juga supaya dikawal persaingan di antara negara-negara ASEAN yang telah meningkat agar ianya tidak melemahkan semangat kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN, saya ingin mengingatkan bahawa ASEAN tidak boleh mengelak daripada mengamalkan dasar perdagangan terbuka dan ekonomi "laissez faire", dengan izin, di mana persaingan adalah merupakan unsur penting ke arah mencapai kemajuan dan kemantapan ekonomi. Malahan persaingan yang sihat antara mereka merupakan dorongan yang kuat dalam mempertingkatkan tahap kerjasama terutamanya memandangkan ekonomi negara-negara ASEAN sentiasa dipengaruhi atau diancam oleh dasar-dasar perlindungan negara-negara maju.

Pegangan teguh ASEAN kepada semangat untuk bekerjasama demi meningkatkan keutuhan ekonomi rantau ini telah terbukti di Sidang Kemuncak Ketiga ASEAN yang diadakan pada Disember 1987 di mana beberapa perjanjian yang akan menentukan arah kerjasama ekonomi ASEAN telah ditandatangani. Antara lain, perjanjian-perjanjian itu merakamkan persetujuan untuk mengurangkan sekatan-sekatan bukan tarif, meluluskan bilangan barangan dan kurangkan tarif yang diberi dibawah Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN, membuka peluang-peluang pelaburan dalam projek-projek usahasama di ASEAN (AIJP)

bagi rakan-rakan perdagangan lain dan memberi jaminan untuk melindungi pelaburan-pelaburan dari luar dalam projek-projek pelaburan di ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan bahawa jentera-jentera perundingan dan pendekatan-pendekatan bersama ASEAN (menghadapi isu-isu dan masalah ekonomi antarabangsa) sentiasa diberi perhatian utama. Melalui pendekatan-pendekatan ini ASEAN dapat mengukuhkan kerjasama untuk mendapatkan pasaran yang lebih baik bagi barangan-barangan ASEAN dan untuk memelihara kepentingan ekonomi bersama.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah juga menyarankan supaya cara berniaga dengan negara-negara Asia Barat, Benua Kecil India dan China ditukar dan diwujudkan satu instrument perdagangan yang baru bagi menembusi pasaran-pasaran itu. Dalam hal ini, saya ingin menyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sentiasa berusaha melalui pendekatan dan strategi-strategi tertentu untuk meningkatkan eksport Malaysia ke pasaran-pasaran bukan tradisional. Rundingan-rundingan rasmi dengan negara-negara Asia Barat telah diadakan bagi menyelesaikan masalah utama yang dihadapi berkaitan dengan urusan dokumen eksport, jaminan bayaran bagi barang-barang yang dieksport dan pemberian visa bagi peniaga-peniaga tempatan yang berurusan di negara-negara itu. Sementara itu beberapa hasil yang konkrit telah tercapai termasuklah cadangan untuk menandatangani Perjanjian Perdagangan Dua hala dengan Iran pada bulan Mac ini yang akan menjadi asas hubungan dagangan Malaysia-Iran di samping lain-lain perjanjian termasuk perjanjian jaminan pembayaran bagi eksport Malaysia ke Iran yang termeteri di antara Bank Negara dan Bank Pusat Iran.

Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bercadang untuk terus mengadakan pameran "Minggu Malaysia" di pasaran-pasaran bukan tradisional ini untuk memperkenalkan barangan Malaysia kepada pengguna-pengguna di sana. Minggu Malaysia yang telah diadakan di Dubai, Kuwait dan Jeddah pada 18hb Oktober hingga 2hb November tahun lalu yang merangkumi pameran perdagangan barang-barang keluaran Malaysia dan galakan pelancongan menerusi pameran, promosi makanan Malaysia dan pertunjukan kebudayaan telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Pameran itu telah memperolehi jualan semasa bernilai M\$10.9 juta dan adalah dijangka susulan pembelian yang akan diperolehi tahun ini akan membantu usaha untuk meningkatkan eksport Malaysia ke pasaran itu.

Mengenai perdagangan dengan Benua Kecil India, saya sedar bahawa telah terdapat beberapa cadangan supaya diadakan "instrument" baru seperti cadangan mengadakan kontrak jangka panjang dalam pembelian minyak sawit oleh India dan Pakistan dan cadangan supaya pembelian minyak sawit oleh India dikaitkan dengan perolehan perkhidmatan dari India secara timbal balas. Saya cuma ingin menyatakan di sini bahawa Kerajaan akan meneliti apa-apa cadangan yang dikemukakan dalam usaha untuk meningkatkan eksport negara ke pasaran-pasaran tertentu. Yang pentingnya di sini ialah untuk menentukan bahawa dalam jangka panjang kepentingan perdagangan dan kepentingan pembangunan negara hendaklah dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah jawapan saya atas perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk menjawab.

6.04 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon izin untuk memberikan sedikit penjelasan di atas perkara-perkara yang dibangkitkan sepanjang perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja mengenai Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kapit telah membangkitkan mengenai agensi-agensi Pembangunan Tanah Persekutuan, khususnya FELDA yang mana peranannya dikatakan tidak begitu berkesan dari segi usaha-usaha untuk membuka dan memajukan tanah-tanah di Sabah dan Sarawak. Ini dibandingkan dengan kepesatan pembangunan dan pembukaan tanah di Semenanjung sehingga kini.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan iaitu FELDA masih berupaya untuk membuka kawasan di Sarawak dengan kadar kepesatan seperti di Semenanjung dan tidak betullah kalau dikatakan bahawa FELDA tidak memberi keutamaan kepada pembukaan tanah di Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak telah memperuntukkan seluas 34,000 ekar untuk dimajukan oleh FELDA, tetapi setakat ini hanya seluas 6,200 ekar sahaja yang telah diluluskan secara rasmi. Keseluruhan kawasan yang telah diluluskan itu sedang kita majukan. Walau bagaimanapun, prestasi pembangunan kawasan berkenaan didapati tidak setanding dengan tahap pembangunan kawasan-kawasan FELDA di Semenanjung dan di Sabah. Ini adalah kerana beberapa masalah yang dihadapi seperti keupayaan pemborong yang masih rendah dan juga tuntutan hak milik

yang dibuat oleh penduduk-penduduk tempatan yang mengambil masa untuk diselesaikan. Dari segi dasar Kerajaan Persekutuan, oleh kerana tanah yang sesuai telah berkurangan di Semenanjung, maka FELDA dikehendaki memberi tumpuan yang lebih kepada usaha pembukaan tanah di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, sokongan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan adalah diperlukan, terutamanya dari segi meluluskan tanah yang sesuai untuk dimajukan oleh FELDA.

Yang Berhormat dari Saratok telah menimbulkan soal usaha-usaha hendak membangunkan tanah customary rights di daerah-daerah pendalaman Sarawak. Suka saya jelaskan iaitu buat sementara ini FELDA tidak dapat hendak mengambil usaha-usaha memajukannya kerana ini ada hubungkaitnya dengan undang-undang yang perlu dipinda sekiranya FELDA dikehendaki berbuat demikian ke atas memajukan tanah-tanah tersebut.

Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan mengenai getah-getah keping yang dikeluarkan oleh pekebun kecil rendah mutunya. Yang Berhormat ini ingin mendapat penjelasan mengenai usaha-usaha yang dilakukan oleh RISDA untuk mengatasi masalah ini. Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan iaitu RISDA memang ada rancangan untuk mengatasi masalah mutu getah-getah keping yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil ini dibuat menerusi berbagai-bagai majlis penerangan, kursus bimbingan dan juga pertandingan yang diadakan dari satu masa ke satu masa. Pegawai-pegawai RISDA senantiasa melakukan lawatan-lawatan ke Pusat-pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil dan membimbing mereka tentang cara-cara dan kaedah-kaedah mengeluarkan getah keping

yang lebih baik mutunya. Selain dari itu, RISDA juga telah meningkatkan usaha-usaha ini dengan menubuhkan pusat memproses getah berpukul ataupun CBC yang dikenali oleh pekebun-pekebun kecil sebagai mini kilang. Di pusat-pusat ini pekebun-pekebun kecil menjual getah-getah mereka yang kemudiannya diproses untuk dijadikan kepingan-kepingan getah yang lebih baik mutunya. Suka saya maklumkan setakat ini 10 buah pusat demikian telah pun didirikan oleh RISDA dan pada tahun ini 35 buah lagi pusat akan didirikan di tempat-tempat yang telah pun dikenalpasti dengan belanja tidak kurang dari \$3.2 juta.

Sukacita juga saya maklumkan bahawa di pusat-pusat yang telah diwujudkan untuk memproses getah keping ini, pekebun-pekebun kecil telah mampu mengeluarkan getah keping yang lebih tinggi mutunya. Matlamat kita ialah untuk melihat pekebun-pekebun kecil mengeluarkan lebih banyak lagi getah-getah keping yang bermutu gred satu dan dua dan kita mengurangkan getah-getah keping gred tiga, empat dan lima dari satu masa ke satu masa.

Yang Berhormat selanjutnya juga telah membangkitkan mengenai kekurangan pekebun kecil yang mempunyai tanah kurang dari 2 hektar menyertai skim penanaman semula getah. Suka saya jelaskan iaitu kedudukan sebenarnya mengenai perkara ini ialah luas kebun kecil getah yang didaftarkan dengan RISDA setakat 31hb Disember, 1987 ialah 1,167,046 hektar. Dari jumlah ini luas yang telah ditanam semula setakat akhir 1988 ialah 896,574 hektar iaitu 76.8%.

Bagi pekebun-pekebun kecil dalam kumpulan 2 hektar ke bawah, 386,178 hektar kebun getah telah didaftarkan dengan RISDA melibatkan 257,452 orang pekebun kecil. Daripada jumlah itu, sejumlah 348,230 hektar

daripadanya ataupun 90.2% telah pun ditanam semula setakat 31hb Disember, 1988 yang melibatkan 232,153 orang pekebun kecil. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa Kerajaan menumpukan kepada kebun-kebun yang kecil dan dalam golongan 2 hektar ke bawah daripada kebun-kebun yang lebih luas.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, RISDA telah diberi matlamat untuk memajukan sejumlah 161,835 hektar untuk ditanam semula. Dalam masa 3 tahun pertama tempoh itu iaitu tahun 1986 hingga akhir 1988, seluas 103,494 hektar ataupun 63.9% daripada matlamat ini telah pun dicapai walhal matlamat yang telah digariskan untuk 3 tahun pertama itu hanyalah 60% sahaja. Ini bermakna kelebihan sebanyak 3.9%. Jumlah luas tanam semula ini adalah termasuk 29,297 hektar yang dimiliki oleh 19,531 orang pekebun kecil dalam kumpulan 2 hektar ke bawah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, tetapi dia tak ada, pandai bercakap sahaja, dengar tak mahu.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu Yang Berhormat juga telah membangkitkan tentang kejayaan skim setempat di mana skim ini telah diberhentikan pada akhir tahun 1987 setelah berjalan selama 7 tahun mulai tahun 1981. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh ini sejumlah 21,525 orang pekebun kecil telah diberikan kredit sara hidup berjumlah \$78,281,384. Kemudahan ini telah diberhentikan oleh kerana tidak ada lagi peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, RISDA telah mengambil langkah-langkah lain untuk membantu pekebun-pekebun kecil menambahkan pendapatan mereka semasa menanam semula. Langkah-langkah ini termasuklah pemberian subsidi, tanaman kontan, ternakan dan industri kecil dan

semuanya kegiatan-kegiatan ini lebih banyak bertumpu kepada pekebun-pekebun kecil yang memiliki tanah dalam lingkungan 2 hektar ke bawah.

Sekian sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, lain-lain perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diambil catatan dan saya akan cuba menelitinya untuk dipergunakan dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Timbalan Menteri Pertanian untuk menjawab.

6.12 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian.

Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan jutaan terima kasih serta penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, dari Ampang Jaya, dari Kepong, dari Larut yang telah dengan penuh minat menyentuh perkara-perkara yang ada hubungkaitnya dengan Kementerian Pertanian semasa menyertai perbincangan atas Titah Di Raja di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah bahan makanan yang masih diimport yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanah Merah, memanglah diakui bahawa negara kita mengimport banyak bahan-bahan makanan. Pada tahun 1982 ianya hampir mencapai \$3,000 juta dan memuncak kepada \$3.2 ribu juta pada tahun 1984. Di atas kesedaran ini Kerajaan telah mengambil berbagai langkah bagi mengurangkan import makanan dan menggalakkan pengeluaran dan eksport bahan-bahan makanan

tempatan. Langkah-langkah yang telah diambil boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu langkah am dan keduanya langkah khusus. Langkah am yang dilaksanakan adalah termasuk program-program menggalakkan penanaman buah-buahan, sayur-sayuran, pemulihan tanah terbiar, penerokaan laut dalam, petani siswazah, kempen-kempen makan makanan tempatan, menyediakan kemudahan pinjaman, pasar tani dan sebagainya. Langkah khusus yang dilaksanakan termasuk mengenakan duti import ke atas buah-buahan, kuota import bagi daging, kubis dan biji kopi, insentif-insentif eksport pada industri pemerosesan makanan, sekatan-sekatan import dan sebagainya.

Perlu diambil perhatian bahawa bahan-bahan makanan utama yang diimport ialah jagung, gula mentah, susu dan grain, gandum, bahan-bahan makanan ternakan dan buah-buahan. Bahan-bahan ini diimport kerana ianya tidak boleh dikeluarkan di negara ini disebabkan oleh iklim yang tidak sesuai atau ianya tidak mempunyai dayamaju ekonomi untuk dikeluarkan. Di samping itu kejatuhan harga bahan-bahan tersebut di pasaran dunia menjadikan kita mempunyai kurang "comparative advantage", dengan izin, di dalam pengeluaran dan faktor citarasa pengguna akan mengambil masa panjang untuk diubah.

Dari maklumat-maklumat arah aliran import eksport, barangan makanan utama negara bagi tempoh 1980 hingga 1987, didapati bahawa kedua-dua angkubah ini tidak mengalami peratus perubahan yang ketara daripada jumlah import dan eksport negara. Ini menunjukkan bahawa perubahan-perubahan yang berlaku pada arah aliran import eksport makanan adalah selaras dengan turun naiknya jumlah dagangan negara.

Pada masa-masa yang lepas, tumpuan negara adalah kepada komoditi-komoditi eksport seperti getah, kelapa sawit, koko dan lada. Dengan pelancaran Dasar Pertanian Negara, dasar penggantian import makanan telah diberi penekanan penting oleh Kerajaan menerusi dorongan, galakan dan insentif yang berbagai kepada sektor ini. Strategi-strategi dan program-program yang dilaksanakan sehingga kini telah menzahirkan kesan-kesan yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian, sukacita dimaklumkan bahawa secara keseluruhannya agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian memang dikehendaki merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti mereka secara bersepadu agar sejajar dengan hasrat dan matlamat Dasar Pertanian Negara. Mekanisma dalam bentuk jawatankuasa telah ditubuhkan diperingkat Persekutuan, Negeri dan Daerah untuk mempereratkan pertalian hubungan antara Jabatan-jabatan, agensi-agensi Kementerian Pertanian serta menyelaraskan pelaksanaan dasar, strategi dan program Jabatan-jabatan, agensi-agensi Kementerian Pertanian demi kepentingan negara dan petani-petani di negara ini.

Pada masa kini MARDI sebagai institusi penyelidikan adalah dikehendaki menumpu perhatiannya dalam menghasilkan variasi-variasi tanaman yang bermutu tinggi dari segi hasil dan ketahanan terhadap penyakit dan perosak serta keadaan persekitaran. Umpamanya, sebanyak 16 jenis variasi padi yang bermutu telah diisytiharkan untuk ditanam semenjak tahun 1972. Penyelidikan MARDI juga dapat menghasilkan teknologi-teknologi baru di dalam bidang agronomi, fisiologi, lepas-tuai, pengurusan perosak dan pemerosesan

bahan-bahan makanan. Teknologi-teknologi yang tercapai itu disalurkan kepada petani-petani termasuk ahli-ahli PPK melalui agen-agen pengembangan Jabatan Pertanian dengan menggunakan Sistem Pengembangan Latihan dan Lawatan atau Sistem 2L.

Pemasaran hasil-hasil pertanian adalah bidang tugas pihak FAMA. Selain daripada memperluaskan ruang pasaran dan membekalkan maklumat pasaran, FAMA sedang berusaha menggalakkan petani-petani melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pemasaran melalui Pasar Tani yang telah ditubuhkan di seluruh negara. Setakat ini sebanyak 74 buah Pasar Tani telah ditubuhkan. Ahli-ahli PPK memang digalakkan untuk menyertai Pasar Tani di kawasan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah tanah terbiar yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya, dimaklumkan bahawa keluasan tanah sawah yang terbiar sebanyak 125,255.2 hektar adalah angka bagi tahun 1986, sementara keluasan 89,300 hektar adalah angka keluasan tanah sawah yang terbiar pada akhir tahun 1987.

Kedudukan sebenarnya ialah keluasan kedudukan tanah sawah terbiar adalah berkurangan daripada 125,255.2 hektar pada tahun 1986 kepada 89,338 hektar pada akhir tahun 1987 dan bukannya peningkatan sebanyak 40.1% sepertimana yang didakwakan.

Dalam usaha untuk menjayakan program pemulihan tanah sawah terbiar selain daripada menyediakan bantuan dan kemudahan-kemudahan bagi menggalakkan siswazah tani mengusahakan tanah terbiar, Kementerian Pertanian juga telah mengambil tindakan-tindakan berikut.

Pertama, menyediakan peruntukan kewangan bagi membiayai kos infrastruktur meliputi perbelanjaan

pengairan, jambatan dan jalan ladang. Bagi kos-kos pembangunan yang lain Kerajaan telah menyediakan pinjaman di bawah Bank Pertanian Malaysia dengan dikenakan syarat-syarat pinjaman yang mudah.

Kedua, menubuhkan sebuah pasukan petugas di peringkat kebangsaan untuk merancang dan mengawasi program ini di seluruh negara. Berbagai jabatan dan agensi yang berkaitan menganggotai pasukan ini.

Ketiga, melantik Lembaga Pertubuhan Peladang atau LPP menjadi agensi utama untuk mengesan dan menyelaras pelaksanaan projek-projek di bawah program-program ini. LPP dengan menggunakan khidmat pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan menjalankan usaha-usaha mengenalpasti tuan-tuan tanah sawah terbiar dan juga persetujuan mereka untuk dimajukan tanah sawah terbiar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya lebih banyak tanah-tanah sawah terbiar diberi milik kepada pengusaha-pengusaha atau peladang-peladang haram yang benar-benar tidak memiliki tanah dimaklumkan bahawa perkara tersebut sukar dilaksanakan kerana kesemua tanah sawah terbiar telah mempunyai hakmilik. Walau bagaimanapun pengusaha-pengusaha atau peladang-peladang yang tidak bertanah tetapi berminat mengusahakan tanah sawah terbiar, mereka boleh mengusahakan tanah tersebut sama ada secara sewaan atau pajakan.

Adalah dimaklumkan bahawa usaha mengumpulkan data-data mengenai tanah sawah terbiar memang dikendalikan oleh Kementerian Pertanian menerusi jabatan-jabatan dan agensi-agensinya. Pengusaha-pengusaha yang berminat bolehlah berhubung dengan pihak Kementerian untuk mengetahui kedudukan tanah tersebut dan juga

mendapatkan kebenaran untuk mengerjakan tanah daripada tuan-tuan tanah yang terlibat.

Mengenai pengembelian tenaga petani dan belia di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang, sebagai usaha untuk mengeluarkan hasil pertanian yang bermutu dan diterima oleh pengguna, sukalah dinyatakan di sini bahawa perkara ini memang menjadi strategi pembangunan pertanian yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian iaitu menggalakkan para peladang bersatu padu di bawah institusi peladang yang tunggal. Dalam hal ini LPP dipertanggungjawabkan untuk mengguna pertubuhan peladang serta pembangunan sumber manusia, masyarakat luar bandar menerusi pendidikan, latihan dan pengembangan peladang khususnya yang menjadi ahli-ahli pertubuhan peladang.

Menerusi pertubuhan peladang, tenaga petani dan belia memanglah digembeling bagi menjayakan projek-projek pengeluaran ladang seperti projek tanaman, ternakan dan ternak air. Ini dapat diperhatikan dengan wujudnya beberapa kumpulan khusus seperti kumpulan pengeluaran pertanian iaitu kumpulan yang terdiri daripada ahli-ahli PPK yang menjalankan aktiviti pengeluaran hasil pertanian tertentu, kumpulan peladang muda yang terdiri daripada golongan belia yang dilatih supaya dapat dijadikan sebagai pelapis untuk mengambil alih kepimpinan akan datang dan kumpulan peladang wanita.

Selain daripada itu terdapat juga belia lulusan institusi pengajian tinggi yang berminat . . .

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang

Berhormat, sekejap ya, ada penjelasan Ahli dari Parit.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan bersabit dengan tanah terbiar.

Saya difahamkan bahawa sebahagian daripada peruntukan untuk membangunkan tanah terbiar disalurkan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang. Sebagai contoh jalan ladang dan juga parit memarit untuk ladang.

Dalam persoalan ini, saya rasa tidak mencukupi untuk mengatasi masalah tanah terbiar. Kalau ada peruntukan pun mungkin sebahagian kecil daripada tanah terbiar dapat dimajukan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang. Itu sebabnya Lembaga Pertubuhan Peladang dari segi fungsinya untuk membangunkan tanah terbiar adalah begitu terhad kerana peruntukannya terhad. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sampai bila had ini hendak dijadikan had, kalau boleh biarlah diberi peruntukan yang menyeluruh sebagaimana yang diberikan kepada FELCRA, itu sebabnya petani-petani kecil ataupun peladang-peladang di luar bandar memilih FELCRA sebagai agensi tetapi ada masalah juga dalam FELCRA, tetapi dalam LPP kalau sekiranya diberi peluang, diberi peruntukan yang luas, saya rasa satu pengurusan yang cukup baik, kerana pengurusan inilah daripada peladang untuk peladang, berbeza dengan FELCRA daripada FELCRA untuk peladang, itu lebihnya LPP tetapi kurangnya LPP adalah kerana kurangnya peruntukan.

Saya yakin dan percaya kalau ada peruntukan yang lebih dan mungkin Yang Berhormat pun setuju dan bolehkah Yang Berhormat ceritakan sedikit, apakah masalah yang

sebenarnya peruntukan ini, kenapa tidak boleh diberi kepercayaan yang tinggi kepada pertubuhan peladang kawasan. Saya mempunyai keyakinan yang tinggi sekiranya peruntukan ini diberi, mungkin pertubuhan peladang boleh menandingi FELCRA di satu jangkamasa yang akan datang.

Penjelasan yang kedua, bersabit dengan belia peladang. Saya memang bersetuju tetapi sebagai belia sekarang ini yang banyak menganggur bukan sahaja sekadar latihan yang diperlukan tetapi lebih daripada itu, berbalik juga kepada peruntukan. Kalau ada peruntukan untuk belia peladang, saya yakin dan percaya tenaga belia peladang ini boleh digembelngkan menjadi satu tenaga yang padu ke arah mengeluarkan hasil pertanian yang lebih banyak dan yang lebih berkualiti, lebih bermutu.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga, cuma saya hendak minta penjelasan, berapa jumlah cawangan unit belia peladang yang ada sekarang ini di seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya akan jelas selepas saya membaca seluruhnya daripada ucapan saya ini.

Dan mungkin barangkali dalam ucapan saya ini setengah daripada masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan terjawab.

Selain daripada itu terdapat juga belia lulusan institusi pengajian tinggi yang berminat dalam bidang pertanian turut melibatkan diri dalam mengusahakan projek ekonomi di dalam pertubuhan peladang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, terlebih dahulu suka saya

jelaskan di sini bahawa konsep serta istilah yang digunakan oleh Yang Berhormat adalah tidak tepat, perbezaan adalah dibuat di antara, pertama, bilangan keluarga tani miskin dengan bilangan orang petani miskin. Kementerian Pertanian tidak pernah menggunakan konsep bilangan orang petani miskin. Kedua, ukuran pendapatan \$175 sebulan digunakan bagi mereka dalam golongan terlalu miskin. Bilangan keluarga tani yang dianggap terlalu miskin adalah tidak sama dengan bilangan keluarga tani miskin. Berdasarkan faktor ini maka perbandingan angka yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Kepong adalah tidak tepat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi penanaman padi kadar kemiskinan dalam tahun 1970 ialah 88.1% melibatkan 123,400 keluarga yang miskin. Kadar tersebut telah menurun kepada 50.3% iaitu 54,000 keluarga tani yang miskin dalam tahun 1987.

Begitu juga dengan pekebun-pekebun kecil kelapa di mana kadar kemiskinan dalam tahun 1970 ialah 52.8% melibatkan seramai 16,900 keluarga tani yang miskin telah menurun kepada 38.8% iaitu 4,900 keluarga yang miskin dalam tahun 1987.

Jumlah nelayan yang miskin juga telah menurun daripada 28,100 keluarga dengan kadar kemiskinan 73.2% dalam tahun 1970 kepada 10,700 keluarga dengan kadar kemiskinan 38.8% dalam tahun 1987. Ini ketara menunjukkan bahawa kedua-duanya iaitu kadar kemiskinan serta jumlah keluarga miskin telah menurun di antara tahun 1970 hingga tahun 1987. Perlu ditegaskan bahawa Kerajaan telah dapat mengurangkan kadar kemiskinan serta jumlah keluarga tani yang miskin di kalangan

penanam-penanam padi walau pun harga tawaran dan subsidi padi tidak berubah sejak tahun 1980.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.